

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 21

Isnin

9 Jun 2014

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH	(Halaman 1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:	
- Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru	(Halaman 1)
- Perutusan Daripada Dewan Negara	(Halaman 1)
- Pindaan Takwim Parlimen	(Halaman 2)
UCAPAN-UCAPAN TAKZIAH:	
- Ucapan Takziah Kepada Seluruh Kerabat Diraja Perak Atas Kemangkatan Almarhum Paduka Seri Sultan Perak	(Halaman 2)
- Ucapan Takziah Kepada Keluarga Mendiang Tuan Karpal Singh	(Halaman 2)
- Ucapan Takziah Kepada Keluarga Mendiang Tuan Seah Leong Peng	(Halaman 3)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 3)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 28)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014	(Halaman 31)
USUL:	
Penangguhan Mesyuarat di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 103)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
■ Banjir di Kawasan Sungai Bidut, Sibul, Sarawak - <i>Y. B. Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)</i>	(Halaman 104)
■ Tidak Memperoleh Kad Pengenalan - <i>Y. B. Dr. Michael Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)</i>	(Halaman 106)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

Rabu, 9 Jun 2014

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]*

AHLI-AHLI MENGANGKAT SUMPAAH

[Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah]:

1. Yang Berhormat Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh
2. Yang Berhormat Dato' Mah Siew Keong

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI YANG MENGANGKAT SUMPAAH

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengangkat sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memberi sumbangan yang berguna yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen penggal yang lalu. Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"6 Mei 2014

Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada Dewan Rakyat

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,
Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2014;
2. Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014;
3. Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2013;
4. Rang Undang-undang Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya (Pindaan) 2013.

Yang Ikhlas,

t.t.

“**YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA**”

TAKWIM PARLIMEN

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis memaklumkan bahawa memandangkan terdapat perubahan tarikh pembentangan Bajet 2015 yang diawalkan dari 31 Oktober 2014 ke 10 Oktober 2014, maka kerajaan telah memutuskan supaya Takwim Parlimen bagi Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Ketiga Belas 2014 dipinda iaitu mulai 7 Oktober 2014 hingga 27 November 2014. Pindaan ini adalah selaras dengan Peraturan Mesyuarat 11(2), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

■1010

UCAPAN-UCAPAN TAKZIAH

Ucapan Takziah Kepada Seluruh Kerabat Diraja Perak Atas Kemangkatan Almarhum Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini merakamkan sembah takziah dan perasaan yang amat dukacita dan sedih di atas kemangkatan Ke Bawah Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah Ghafarulah pada hari Rabu, 28 Mei 2014 bersamaan 28 Rejab 1435 Hijrah.

Saya bagi pihak Ahli Dewan Rakyat mengucapkan takziah kepada Raja Permaisuri Perak, Tuanku Bainun binti Mohd. Ali serta seluruh kerabat Diraja Perak. Ucapan ini hendaklah disimpan di dalam Arkib Parlimen dan satu salinannya dihantar kepada Raja Permaisuri Perak. Semoga roh Almarhum dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan orang-orang yang soleh.

Ucapan Takziah Kepada Keluarga Mendiang Tuan Karpal Singh

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan yang amat sedih ingin dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Tuan Karpal Singh a/l Ram Singh, mantan Ahli Parlimen Bukit Gelugor telah meninggal dunia pada hari

Khamis, 17 April 2014 yang lalu. Bagi pihak Ahli-ahli Dewan dan pihak Parlimen seluruhnya ingin merakamkan ucapan takziah kepada isteri mendiang, Puan Gurmit Kaur a/p Sohan Singh, kepada anak-anak mendiang, Yang Berhormat Tuan Gobind Singh Deo, Ahli Parlimen Puchong dan Yang Berhormat Tuan Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh, Ahli Parlimen Bukit Gelugor serta ahli keluarga beliau.

Ucapan Takziah Kepada Keluarga Mendiang Tuan Seah Leong Peng

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, seterusnya dengan perasaan yang amat sedih juga ingin dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Tuan Seah Leong Peng, mantan Ahli Parlimen Telok Intan telah meninggal dunia pada hari Khamis, 1 Mei 2014 yang lalu. Bagi pihak Ahli-ahli Dewan dan pihak Parlimen seluruhnya ingin merakamkan ucapan takziah kepada isteri mendiang, Puan Kee Siu Lian serta keluarga beliau.

Sesungguhnya pemergian kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini adalah satu kehilangan besar kepada Dewan Rakyat. Oleh yang demikian, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun. Kepada yang beragama Islam diminta menghadihkan *Al-Fatihah* kepada roh Almarhum Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Ibnu Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah Ghafarulah dan kepada yang bukan beragama Islam diminta bertafakur selama satu minit.

[Ahli-ahli bangun membaca Al-Fatihah dan bertafakur seminit]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]** minta Perdana Menteri menyatakan tahap pencapaian Program Transformasi Kerajaan, ekonomi dan politik sehingga kini. Apakah perbezaan pencapaian ekonomi sebelum dan selepas dilaksanakan Program Transformasi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan empat lagi soalan lain iaitu daripada Yang Berhormat Alor Gajah yang dijadualkan pada hari ini juga, Yang Berhormat Kubang Pasu dan Yang Berhormat Libaran pada 17 Jun dan Yang Berhormat Paya Besar pada 18 Jun kerana kesemuanya menyentuh isu dan perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Razali bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Agenda Transformasi Nasional adalah bertujuan untuk meningkatkan gerakan usaha bersepadu bagi menjadikan Malaysia negara

maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dengan mengekalkan dan meningkatkan perpaduan di kalangan rakyat. Agenda Transformasi Nasional ini berteraskan lima program utama iaitu Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Sosial (STP), Program Transformasi Politik (PTP) dan Program Transformasi Fiskal (FTP). Pelaksanaan Agenda Transformasi Nasional ini pula diperkukuhkan dengan tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), 12 Bidang Keberhasilan Ekonomi Negara (NKEA) dan enam Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI).

Kurang sebulan yang lalu iaitu pada 12 Mei 2014, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah sekali lagi membentangkan secara langsung menerusi RTM kepada seluruh rakyat Malaysia tentang Laporan Tahunan 2013 mengenai perkembangan GTP dan ETP serta prestasi perincian pencapaian bagi setiap kementerian. Seperti tahun sebelumnya laporan tahunan ini telah memaparkan kejayaan serta cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan program-program yang direncanakan bagi memberikan hasil yang signifikan. Sektor awam dan sektor swasta perlu diberikan pujian sebagai penyumbang besar kepada perjalanan transformasi negara ini. Walaupun agenda ini adalah program berterusan namun berdasarkan pengesahan pencapaian oleh para pakar termasuk daripada pihak berkecuali, GTP telah berjaya mencapai kejayaan 104% daripada sasaran keseluruhan bagi tahun 2013. Antara pencapaian inisiatif GTP adalah seperti berikut:

- (i) bagi tahun 2013, NKRA menangani kos sara hidup rakyat telah berjaya memberikan manfaat kepada lebih 4.8 juta isi rumah Malaysia yang berpendapatan rendah. Ini dibuat melalui pemberian tambahan melalui Bantuan Rakyat 1Malaysia atau BR1M 2.0 yang melibatkan peruntukan berjumlah RM2.91 bilion. Kerajaan juga telah memperluaskan skop penerima kepada individu bujang berumur lebih 21 tahun sekali gus memberikan manfaat tambahan hampir dua juta individu lagi; dan
- (ii) pemberian Baucar Buku 1Malaysia telah diperluaskan kepada 1.2 juta pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di mana masing-masing menerima baucar bernilai RM250 setiap seorang manakala dibawa Inisiatif Bantuan Awal Persekolahan seramai 5.2 juta orang murid sekolah rendah dan menengah telah menerima bantuan tunai sejumlah RM100 setiap seorang.

Bagi NKRA mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah, mengimbuai sejarah negara semasa mencapai kemerdekaan kadar kemiskinan adalah pada kadar tahap lebih 60%. Hampir enam dekad kemudian iaitu pada tahun 2012, kadar kemiskinan telah menyusut pada 1.7% manakala kemiskinan tegar hampir disifarkan kesemuanya. Program 1Azam merupakan satu inisiatif khusus yang bertujuan untuk membawa isi rumah berpendapatan rendah keluar daripada paras kemiskinan menerusi beberapa kaedah termasuk pelajaran, keusahawanan, aktiviti pertanian dan perkhidmatan. Setakat ini dicatatkan lebih

168,000 individu telah berjaya meningkatkan tahap pendapatan mereka menerusi Program 1Azam yang dijalankan. Selain itu dalam bidang pendidikan pula, pada tahun 2013 enrolmen prasekolah telah berjaya ditingkatkan kepada 82% bagi kohort umur empat hingga enam tahun berbanding dengan 67% enrolmen prasekolah pada tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua, Program Transformasi Ekonomi ataupun ETP pula menggabungkan dua komponen iaitu 12 Bidang Ekonomi Utama Negara atau NKEA yang memberi fokus kepada pertumbuhan ekonomi dan kedua, enam Inisiatif Pemberian Strategik atau SRI yang merangkumi dasar serta prosedur yang dilaksanakan bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang berdaya saing dan dinamik. Gabungan NKEA dan SRI ini disasarkan untuk melonjakkan Pendapatan Negara Kasar Per kapita atau PNK kepada USD15,000 mencipta 3.3 juta peluang pekerjaan baru serta menarik pelaburan berjumlah USD444 bilion menjelang tahun 2020.

Terkini daya tahan ekonomi Malaysia telah dipacu oleh pelaburan sektor swasta yang kini mencecah 61% daripada jumlah keseluruhan pelaburan di mana momentum yang berterusan dalam pelaburan sektor swasta ini telah mewujudkan peluang pekerjaan melalui pertumbuhan PNK per kapita pada tahun 2013 telah meningkat kepada USD10,060 berbanding USD7,059 pada tahun 2009. Antara pencapaian ETP yang membanggakan termasuklah kejayaan InvestKL yang berjaya menarik 15 buah syarikat multinasional daripada Amerika Utara, Eropah dan Asia untuk menubuhkan pejabat serantau mereka di sini. NKEA minyak, gas dan tenaga yang bermula operasi Terminal Pengegasan Semula Cecair Gas Asli atau *Liquid Natural Gas* (LNG) di Sungai Udang, Melaka yang bertujuan untuk memelihara keselamatan jangka panjang bekalan gas domestik.

■1020

Manakala di bawah SRI, Pembangunan Modal Insan, Perintah Gaji Minimum 2012 dan Akta Umur Persaraan Minimum 2012 telah dikuatkuasakan pada Januari 2013. Menerusi SRI ini juga, program 'MyProCert' telah dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran dalam tenaga kerja sedia ada. Program ini menawarkan sehingga 33 set kemahiran ICT termasuk dalam bidang perangkaan, keselamatan dan projek pengurusan. Justeru, adalah jelas bahawa Agenda Transformasi Nasional telah bergerak dalam satu sinergi untuk mendaya dan mengubah Malaysia menjadi negara dengan status berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kita boleh berasa bangga di persada dunia kerana buat dua tahun berturut-turut Malaysia telah menduduki tempat 10 teratas dalam *Index Ease of Doing Business* oleh Bank Dunia dengan kedudukan di tempat ke-6 bagi tahun 2014 berbanding tempat ke-8 pada tahun 2013. Menurut statistik terkini *Global Innovation Index*, keupayaan inovasi Malaysia telah melonjak 7% dari tahun 2011 ke tahun 2013 yang meletakkan kita pada kedudukan 32 daripada 142 buah negara.

Namun begitu, adalah diharap janganlah kita mudah berasa selesa dengan angka-angka yang disebutkan tadi tetapi seharusnya ia diambil sebagai cabaran untuk terus memberikan kita

semangat berusaha dengan lebih gigih agar pencapaian dapat dipertingkatkan lagi. Kerajaan amat menyedari bahawa Agenda Transformasi Nasional ini tidak akan berjaya tanpa kerjasama dan sokongan daripada semua pihak. Sesungguhnya Dasar Transformasi Nasional ini adalah untuk memastikan bahawa di akhirnya nanti pertumbuhan negara dicapai dengan cara seimbang, inklusif dan mampan bukan sahaja ketika menjelang tahun 2020, bahkan diharap akan lebih jauh daripada itu. *Insyaa-Allah*.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucapkan tahniah kepada kerajaan. Ternyata usaha dibuat telah mampu meletakkan negara kita di landasan yang betul untuk mencapai status sebuah negara maju.

Saya hendak tanya, sejauh manakah program-program ini benar-benar mampu untuk menyelesaikan isu pembasmian kemiskinan secara jangka panjang? Kemudian, kita juga tahu bahawa hari ini cabaran begitu berbeza dan tidak sama lagi, perubahan ekonomi, cabaran-cabaran yang berlaku di seluruh dunia. Untuk itu, apakah penambahbaikan dan persediaan yang dibuat oleh kerajaan supaya semua program ini dapat dan mampu dilaksanakan dan berterusan, malah penambahbaikan dapat dilakukan dari semasa ke semasa? Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Kerajaan berusaha untuk mempersiapkan apa juga perkara yang perlu dan diharapkan tidak ada sebarang gangguan yang boleh kita kawal dalam memastikan matlamat tersebut dapat dicapai. Saya telah pun memberikan sedikit kedudukan kemiskinan dalam negara yang kita harapkan dapat kita terus kurangkan pada masa-masa akan datang. Akan tetapi saya tertarik dengan apa yang disebut tentang cabaran hari ini, malahan cabaran tersebut telah kita gunakan sebagai salah satu peluang di mana sebagai contoh, penggunaan ICT yang lebih meluas dimasukkan di dalam perancangan kita.

Sebagai contoh, ada satu program yang dipanggil *Housewives Enhancement and Reactivate Talent Scheme* di mana isteri-isteri yang berada di rumah, yang tidak bekerja, diberikan pendedahan menggunakan ICT untuk mereka berkecimpung dalam perniagaan bagi membolehkan mereka mendapat pendapatan. Serupa juga apa yang saya nyatakan tadi, MyProCert di mana kita menyediakan 33 kursus ICT yang boleh dimohon oleh seluruh rakyat Malaysia untuk mereka meningkatkan pengetahuan dalam bidang ini.

Justeru itu, kita mengharap bahawa apa yang disusun ini, yang akan dilaporkan secara berkala, yang akan dibentangkan kepada rakyat setiap tahun dapat memberi petunjuk sama ada kita berada di landasan yang benar atau tidak. *Alhamdulillah*, hari ini kita berada dalam kedudukan yang boleh kalau dipetik perkataan yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, "*Buat hari ini kita mungkin boleh dapat capai sasaran kita lebih awal daripada tahun 2020.*" Terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya mengambil apa jawapan Menteri tadi, jangan selesa dengan angka yang ada. Saya juga mengingatkan kepada kita semua, jangan selesa dengan

jawapan Menteri. Ini kerana kita melihat... [*Dewan riuh*] Walaupun pelbagai realiti yang disebut oleh kerajaan hari ini, kita melihat realiti di bawah, rakyat berdepan dengan kos hidup yang tinggi, harga getah yang semakin rendah, keadaan kehidupan yang semakin membebankan rakyat, begitu juga lepasan universiti yang mempunyai tanggungan hutang pelajaran yang begitu tinggi melalui PTPTN, pengangguran yang tinggi di kalangan siswazah. Jadi, bagaimanakah agenda transformasi menyelesaikan kemelut masalah golongan pekebun kecil yang miskin, nelayan yang miskin, buruh yang miskin, berdepan dengan tekanan harga barang yang semakin mahal hari ini? Minta penjelasan.

Dato' Razali bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat atas galakan yang diberikan. Kita sentiasa mengambil cabaran itu sebagai satu peluang seperti yang saya nyatakan tadi. Kita harap semua dapat bantu dalam usaha untuk memberikan penjelasan yang sebenar. Kadangkala di bawah berlaku juga suasana di mana rakyat terkeliru. Ini hakikat yang berlaku. Ada banyak perkara, saya tidak mahu sebutkan satu persatu. Akan tetapi ada banyak perkara yang baik, yang dilaksanakan oleh kerajaan tetapi dikelirukan oleh mana-mana pihak. Saya tidak hendak tujukan kepada sesiapa. Ini tidak akan membantu.

Kita tidak boleh berpolitik sepanjang masa. Pilihan raya sudah lepas, kita sudah beri sudah seluruh perancangan kita secara telus dan terbuka dibentangkan secara langsung. Saya rasa kalau boleh disebut, satu-satunya negara, kerajaan membentangkan perancangan untuk dijayakan oleh semua tidak kira pemimpin tetapi juga rakyat. Kalau masih ada kata-kata sangsi ini, kita perlu rujuk kepada pihak ketiga yang memberi penghormatan, pengiktirafan kepada apa yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia. Oleh sebab itu tentang soal kos sara hidup yang sering ditimbulkan, Kerajaan Barisan Nasional bukan hanya cuba memberikan sebanyak mungkin subsidi kepada mereka yang memerlukan secara bukan lagi berpukul tetapi secara bersasar, malahan kita juga melihat tentang kualiti hidup. Kita tidak boleh melihat hanya kos sara hidup, kita juga perlu melihat kepada kualiti hidup.

Oleh sebab itu dalam apa yang kita rangka ini, ia merangkumi tentang usaha untuk kita membebaskan rakyat daripada kemiskinan dan kita juga akan meningkatkan kualiti kehidupan rakyat Malaysia yang pada saya kalau dibandingkan dengan zaman-zaman terdahulu, kita sedang berada dalam keadaan kualiti hidup yang lebih selesa. Mungkin tidak paling baik tetapi jauh lebih baik daripada zaman terdahulu. Terima kasih Yang Berhormat.

2. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah pendirian dan tindakan kerajaan dalam menangani pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang lantang menyuarakan pandangan ekstrimis ultra kanan mereka yang sekali gus berpotensi merosakkan keharmonian kaum dan agama di Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat daripada Permatang Pauh. Kerajaan memberikan perhatian yang serius terhadap pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang

lantang menyuarakan pandangan yang berpotensi menggugat keharmonian kaum dan agama di Malaysia. Oleh itu, sesebuah persatuan atau pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang telah berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 hendaklah mematuhi, patuh atau akur dengan peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan, perlembagaan-perlembagaan negeri dalam menjalankan sebarang aktiviti atau hal ehwal pertubuhan supaya tidak berlawan atau bercanggah, berkurangan atau bertentangan dengan sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen yang berasaskan konsep Raja Berperlembagaan, kedudukan agama Islam, penggunaan bahasa kebangsaan, kedudukan orang Melayu, bumiputera serta peribumi negeri Sabah dan bumiputera negeri Sarawak serta kepentingan sah bertaraf kaum-kaum yang lain.

Pendaftar Pertubuhan boleh mengambil tindakan untuk membatalkan pendaftaran sesebuah pertubuhan yang berdaftar sekiranya didapati bahawa:

- (i) pertubuhan itu diguna bagi maksud yang menyalahi undang-undang atau yang bermaksud memudaratkan atau bertentangan dengan keamanan, kebajikan, ketenteraman atau akhlak dalam negara;

■1030

- (ii) pertubuhan itu berusaha hendak mencapai tujuan-tujuan lain daripada tujuan asal didaftarkan; dan
- (iii) pertubuhan itu secara sengaja melanggar peraturan Akta Pertubuhan 1966 atau perlembagaan pertubuhannya.

Selain itu, Pendaftar Pertubuhan juga berhak untuk menolak mana-mana permohonan pendaftaran sesebuah pertubuhan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti di dalam negara sekiranya nama dan tujuan pendaftaran pertubuhan tersebut akan mengelirukan orang awam tentang corak dan maksud pertubuhan yang akan mungkin memperdayakan orang awam atau ahli pertubuhannya.

Selain itu, selaras dengan seksyen 5 Akta Pertubuhan 1966, Menteri mempunyai kuasa sekiranya menurut budi bicaranya yang mutlak mengisytiharkan mana-mana pertubuhan sebagai pertubuhan yang menyalahi undang-undang oleh sebab sedang diguna bagi maksud memudaratkan atau bertentangan dengan kepentingan keselamatan negara, ketenteraman awam atau akhlak. Oleh itu, kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap NGO yang boleh mendatangkan maksud untuk memudaratkan atau bertentangan dengan kepentingan keselamatan negara, ketenteraman awam atau akhlak.

Walau bagaimanapun, kerajaan tidak menghalang atau menyekat hak-hak kepada semua warganegara untuk membentuk persekutuan selaras dengan Perkara 10(c) Perlembagaan Persekutuan selagi mana ia tidak melanggar mana-mana peruntukan undang-undang sedia ada yang terpakai di negara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga penjelasan - pertama memberi jaminan tentang kebebasan bersuara dan kedua peruntukan-peruntukan dan bidang kuasa menteri yang jelas. Akan tetapi, jaminan tindakan itu

kita persoalkan kerana beberapa langkah yang diambil atau tindakan gerombolan tertentu belum ada petanda tindakan tegas daripada kerajaan.

Saya ambil contoh umpamanya Ketua Polis Negara pada 23 Mei memberi jaminan untuk mengambil tindakan tegas kepada orang bertindak menceroboh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang atas dengan suara kepentingan Melayu dan mempertahankan maruah Islam. Padahal pada hemat saya, Islam itu menganjurkan *tasamuh* dan kebijaksanaan serta kaedah undang-undang yang jelas. Akan tetapi, setelah Peguam Negara memberi jaminan begitu, tindakan itu tidak menampakkan apa-apa kesungguhan.

Menceroboh Dewan Undangan Negeri ini seperti mana menceroboh Parlimen. Sedikit pun Speaker telah mengambil tindakan tegas dan undang-undang harus dipatuhi. Ini tanpa mengira parti. Akan tetapi, dalam keadaan di Pulau Pinang nampak ada di Pejabat Ketua Menteri dan baru-baru ini di Dewan Undangan Negeri dan saya harap Kementerian Dalam Negeri jangan berlengah dalam hal ini. Ini juga berkaitan dengan umpamanya tindakan membaling *molotov cocktail* ke beberapa buah gereja termasuk di Lebuhr Farquhar, Pulau Pinang. Yang akhir, serangan ke ibu pejabat DAP di Kuala Lumpur dan juga di Kuantan. Gerombolan begini kalau dibiarkan kemudian kita dengar jaminan Timbalan Menteri di dalam Parlimen bahawa ada peruntukan undang-undang.

Ada suara di sebelah sana Tuan Yang di-Pertua kata-kata ada tindakan oleh sebab sikap kurang ajar. Jawablah. Bahaslah. Kalau ada sikap kurang ajar... [*Dewan riuh*] Ya, itulah jadinya. Ini kerana contoh beginilah yang boleh jadi gerombolan begitu. Soalannya, saya telah tegaskan. Kita tunggu tindakan sehingga serang Dewan Undangan Negeri pun tidak ada tindakan. Serang ibu pejabat pun tidak ada tindakan. Kita ada hak tidak bersetuju dengan DAP. Saya tidak pertikai hal itu. Akan tetapi, apakah hak kita pergi menyerang pejabat? Mengapakah tidak ada tindakan tegas yang diambil oleh kerajaan? [*Dewan riuh*]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya meminta izin dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat untuk menjawab secara profesional ya. Pertama, apabila tiap-tiap persidangan Dewan berlaku, sepatutnya ada usul-usul yang tertentu ataupun perjanjian dengan pihak polis supaya pihak polis menjaga keselamatan, kemasukan keluar masuk tiap-tiap Ahli Dewan untuk datang ke Dewan tersebut. Tugas dan tanggungjawab itu apabila disetujui di antara Dewan dengan pihak polis, mestilah dikuatkuasakan. Ini peraturan Dewan. Sebagaimana Dewan Parlimen apabila tiap-tiap sesi pertama diadakan, arahan dibuat. Usul kepada IGP untuk memberi IGP arahan supaya laluan kepada Ahli-ahli Parlimen masuk dan keluar tidak ada halangan. Itu yang pertama.

Kedua, tiap-tiap Dewan mestilah mempunyai peraturan dan undang-undangnya sendiri. Umpamanya perlembagaan mengekshaskan satu peraturan kebebasan dalam Dewan dan tidak boleh diceroboh untuk mengaturkan dan menyelia tugas dan tanggungjawab mereka sendiri, kawal selia dalaman mereka. Akan tetapi, kalau tidak ada undang-undang untuk membutirakan perkara ini bahawa perlembagaan tidak ada butiran khusus macam mana pihak polis untuk

mengambil tindakan, pihak yang masuk ke dalam Dewan. Kuasa di dalam Dewan pada ketika Parlimen bersidang adalah terletak di tangan Speaker bulat-bulat.

Apabila berlaku satu-satu perkara, Speaker mestilah memanggil polis untuk mengambil tindakan dan melihat apakah arahan daripada pihak Speaker kepada polis dan tindakan apa yang perlu diambil. Contoh apabila mendiang Yang Berhormat Karpal Singh dihalang untuk masuk ke Dewan, undang-undang yang ada pada kita ketika itu ialah undang-undang Akta Kuasa Parlimen 1952 yang membolehkan Speaker menjatuhkan hukuman RM1,000 kepada siapa yang bersalah membuat kelakuan itu. Tiada hukuman lain boleh dibuat, perlembagaan tidak mahu membutirkan, peraturan tidak membutirkan, undang-undang lain tidak ada membutirkan. Hanya undang-undang ini sahaja. Jadi, Speaker hanya boleh bertindak di bawah itu dan menghukumkan empat orang ahli orang luar yang menghalang mendiang Karpal Singh masuk ke dalam Dewan.

Jadi, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang kalau tidak ada undang-undang ini, memang kita ada masalah sedikit macam mana hendak menghalang dan menghukum pihak penceroboh ini oleh sebab tidak ada undang-undang yang tertentu. Di dalam Dewan, hak kepunyaan Dewan itu sendiri, hak kepunyaan Speaker itu sendiri. Jadi, Yang Berhormat apa sahaja jaminan di luar asasnya ialah undang-undang. Jadi, saya cukup yakin kalau ada laporan dibuat kepada polis, polis akan membuat laporan. Nasihat daripada AG juga akan didapati untuk macam mana hendak menuduh seseorang melakukan kesalahan dalam bidang kuasa Dewan itu sendiri.

Jadi Yang Berhormat, saya menjawab secara ikhlas Yang Berhormat. Jadi, kita kena cari sama ada Dewan itu ada mewujudkan undang-undang atau tidak. Kalau tidak ada undang-undang, maknanya mungkin di bawah undang-undang *trespassing* ataupun menceroboh. Itu pun atas pandangan *Attorney General* sama ada undang-undang menceroboh di dalam Dewan itu boleh dilaksanakan atas arahan Speaker. Ini kerana undang-undang kita samar-samar dalam sudut ini Yang Berhormat sebenarnya dalam Dewan ini.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Kedua, soalan Yang Berhormat Permatang Pauh berhubung dengan membaling barang-barang di gereja dan sebagainya, saya cukup yakin kes-kes ini masih dalam siasatan Yang Berhormat dan kita belum lagi habis siasatan dan prosesnya bukanlah mudah. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, peguam di belakang ramai. Tiap-tiap *nexus* ataupun perhubungan, *connection* di antara satu-satu perkara *evident* itu kena dicukupkan. Kalau tidak lengkap, tidak cukup ada buat keputusan, maknanya kes itu dibawa ke mahkamah kita akan kalah nanti. Kita tidak mahu kalah Yang Berhormat. Siapa sahaja yang dituduh, siapa sahaja yang melakukan kesalahan. Peguam yang bijak pandai ramai di luar sana.

Jadi Yang Berhormat, jaminan saya ialah undang-undang akan **will take it....Insya-Allah** dengan izin, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

■1040

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar dengan teliti jawapan yang diberikan oleh Menteri tadi bahawa setiap NGOs yang hendak bertindak mestilah mengikut perlembagaan dan juga peraturan. Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bahawa adakah sesuatu NGOs- soalan asalnya NGOs tetapi Yang Berhormat Permatang Pauh telah merayau jauh daripada soalan asal. Soalan asalnya saya hendak tegas ialah persoalannya NGOs yang lantang menyuarakan pandangan ekstremis ultra kanan mereka yang sekali gus berpotensi merosakkan keharmonian kaum dan agama. Ini adalah soalan yang asal.

Jadi saya hendak tanya, adakah mana-mana NGO yang memperjuangkan hak-hak sesuatu kaum yang dijamin di dalam perlembagaan? Adakah itu boleh dikatakan satu perjuangan perkauman? Kedua, ada pula NGOs yang terang-terang memperjuangkan bertentangan sama sekali dengan perlembagaan kita dari segi pemilikan. Sebagai contoh, ada pula NGOs yang tidak berdaftar macam COMANGO sampai ke antarabangsa. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan? Ada pula individu yang memperjuangkan pro-rasisme agama yang ingin meletakkan Agama Islam ini sama dengan agama-agama lain. Ini jelas-jelas bertentangan dengan artikel 3 yang mengatakan bahawa Agama Islam adalah Agama Persekutuan.

Ada pula parti-parti politik yang memperjuangkan kesamarataan yang terang-terang bertentangan dengan artikel 153. Baru-baru ini di dalam kempen di Telok Intan ada pula calon daripada DAP, hendak menghapuskan Regimen Askar Melayu Diraja yang terang-terang bertentangan dengan artikel 8, perlembagaan *[Dewan riuh]* Dan... sabarlah.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Selalu baca blog bukan-bukan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Dan juga, apakah...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Itu satu pembohongan. Ambil tindakan kerana berbohong di dalam Dewan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Hello Speaker, ini bohong. Tidak pernah DAP cakap macam itu. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Selalu baca blog yang bukan-bukan. Tarik baliklah. Bohong. *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini soalan saya. Tuan Yang di-Pertua, ini soalan saya. Tuan Yang di-Pertua, ini yang... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang pembangkang ini saya *straight* kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Tidak payah respons Yang Berhormat tidak payah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Seputeh melompat ini pasal apa? Sabarlah! Biar Yang Berhormat Menteri menjawab. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Biar Menteri menjawab okey. Akhir, saya hendak tanya juga...

Seorang Ahli: Bohong!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, siapa yang bohong-bohong? Tidak payah memekik macam itu Yang Berhormat. Tidak payah memekik.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Siapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Tidak payah memekik macam itu ya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini masalah pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Bila kita cakap perkara yang benar, dia melompat. Bila dia bercakap, kita diam. Macam tadi ini pembangkang. Tadi Yang Berhormat Permatang Pauh bercakap soal kebebasan bersuara. Eh! PKR buat pemilihan parti, siapa yang berjawatan awam akan digantung. Itu tidak apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat ringkaskan Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini saya hendak tanya ini. Jadi akhir-jadi saya hendak tanya, apakah usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan kepada kumpulan-kumpulan, kepada NGOs yang jelas-jelas memperjuangkan perkara-perkara yang bertentangan dengan perlembagaan dengan undang-undang? Ini soalanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang habiskan Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, inilah bila Yang Berhormat Permatang Pauh...

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, mintalah soalan tambahan yang sebenar Tuan Yang di-Pertua. Ini sudah langgar ini, sudah langgar. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Tanjong Karang, saya tidak menegur kerana Yang Berhormat Tanjong Karang soalnya panjang, tidak mengikut peraturan. Yang sana Tanjong, yang lain itu memekik melolong itu pun tidak ikut peraturan. So, sama-sama jangan, ikutlah peraturan Yang Berhormat supaya kita tenang dan dapat berbahas dengan baik. Habiskan soalan Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Peraturan tetap.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Tidak ada Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Mana ada peraturan mesyuarat? Ini soalan tambahan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Akan tetapi kita kalau ini ikut peraturan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat, habiskan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak habiskan, saya hendak habiskan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *Standing order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Soalan-soalan Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Peraturan tetap 36. Apa yang dinyatakan tadi... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Tidak ada isu Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kita wujud peraturan. Itu peraturan... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Menyuarakan pada waktu lisan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Tidak payah Yang Berhormat Beruas, tidak payahlah.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Bagi Menteriilah menjawab.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya— soalan saya. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya pendek sahaja. Kalau hendak bandingkan soalan Yang Berhormat Permatang Pauh lagi panjang daripada soalan saya. Dia diam pula. *Double standard.* Saya hendak cakap pendek sahaja dia kacau. Akhirnya saya hendak tanya, apakah tindakan ini satu tindakan yang cukup serius mengenai keselamatan negara, mana-mana NGOs yang

memperjuangkan sesuatu yang terang-terang bertentangan dengan perlembagaan dan juga ada parti-parti politik hari ini yang hendak merubah budaya politik Malaysia, sistem kita, *first-past-the-post* sudah kita amal. Oh! Hendak buat popular *vote*, buat demonstrasi semua. Ini apa tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai soalan Tuan Yang di-Pertua. Mana soalan? Soalan macam itu undang. [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat diam Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Merepek sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Saya minta senyap ya, boleh diam, boleh senyap? Okey, ya sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Persoalan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tanjong Karang dua perkara sahaja sebenarnya, yang khusus dalam dua perkara dalam pandangan sayalah. Pertama, pertubuhan yang menjalankan aktiviti, yang menjalankan - menyuarakan satu-satu perkara yang selaras dengan kehendak perlembagaan.

Kedua pertubuhan yang menjalankan aktiviti menyuarakan satu-satu perkara di bawah konsep kebebasan bersuara yang menyalahi perlembagaan. Ini persoalan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tanjong Karang. Apakah tindakan kementerian? Jadi jawapan saya mudah sahaja Tuan Yang di-Pertua. Jawapan saya mudah. Apabila tiap-tiap perkara berlaku, ada orang membuat laporan kepada polis. Tiap-tiap laporan yang dibuat kepada polis...

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat minta tolong. Bagi saya peluang menjawab. Jawab pun payah. Tidak payah risau Yang Berhormat, *relax*. Apabila tiap-tiap laporan yang dibuat kepada polis, polis akan membuat siasatan dengan terperinci mengikut garis panduan yang ada, mengikut SOP yang ada, berlandaskan ciri-ciri undang-undang itu sendiri untuk melihat *ingredient* undang-undang itu sendiri dan di bawah mana undang-undang itu, kes-kes itu, kesalahan-kesalahan itu diklasifikasikan. Kalau kes itu diklasifikasikan di bawah Akta Hasutan, ciri-ciri ataupun *ingredient* di bawah Akta Hasutan itu perlu dipenuhi dan diselidiki dengan sepenuh mungkin.

Selepas kertas siasatan dibuat, kertas siasatan itu dimajukan kepada Peguam Negara. Peguam Negara di bawah perlembagaan adalah kuasa untuk menuduh sesiapa yang bersalah di dalam negara ini. Tidak ada kuasa lain. Jadi akhirnya Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya ialah tiap-tiap perkara yang berlaku ada laporan polis, ada selidikan polis, keputusan untuk menuduh sesiapa itu terletak di tangan Peguam Negara. Sama ada perjuangannya mengikut perlembagaan atau perjuangan berlainan daripada kehendak perlembagaan itu atas budi bicara dan pandangan undang-undang Peguam Negara memutuskan sama ada boleh dituduh atau pun tidak boleh dituduh.

Kalau ada kelemahan dari sudut undang-undang yang sedia ada, di sinilah terletak kuasa kita dalam Dewan untuk mencadangkan undang-undang yang lain yang boleh merangkumi kes-kes yang mungkin tidak ada dalam akta yang ada sekarang ini. Ini tugas kita Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

3. Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kesungguhan Kerajaan dalam menangani isu keselamatan rakyat di kawasan yang telah diisytiharkan sebagai ESSZONE dan apakah perancangan Kerajaan dalam meningkatkan lagi kawalan keselamatan di kawasan ESSZONE agar kejadian-kejadian culik yang telah terjadi beberapa kali dapat dielakkan. Pelan keselamatan yang lebih efisien perlu dilaksanakan serta merta untuk meyakinkan pelabur, pelancong dan penduduk tempatan bahawa Sabah adalah selamat untuk dikunjungi dan didiami.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Kerajaan amat prihatin dan komited dalam menangani isu keselamatan di ESSZONE bagi mengatasi kecarian penculikan di ESSZONE. Penubuhan ESSZONE di peringkat awal ialah untuk mempertahankan negara daripada pencerobohan luar. Seiringan dengan itu, ESSZONE telah berusaha untuk membanteras jenayah rentas sempadan yang sering berlaku.

■1050

Usaha-usaha tersebut yang telah diambil melalui ESSCOM dan agensi-agensi penguatkuasaan, keselamatan dan pertahanan adalah seperti berikut:

- (i) Menambah tiga batalion Pasukan Gerakan Am (PGA) dan tiga batalion ATM;
- (ii) Penambahan dan penggantian aset Maritim kepada pasukan polis marin, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan juga Angkatan Tentera Malaysia. Pertambahan aset-aset ini akan dapat meningkatkan kehadiran dan rondaan aset Maritim di kawasan perairan yang menjadi potensi ancaman. Baru-baru ini kita telah lancarkan 32 bot laju dan juga kalis peluru;
- (iii) pembahagian sektor rondaan vesse/ pelbagai agensi laut bagi menambahkan keberkesanan pengawasan;
- (iv) *Response Team* ataupun komuniti polisi mengikut sektor di antara PDRM, ATM dan juga APMM;
- (v) peningkatan atau gerak dari wilayah lain ke ESSZONE dan rondaan bersepadu ATM dan juga PGA di daratan;
- (vi) menambahbaikkan peningkatan pos-pos keselamatan;
- (vii) Ops Gasak iaitu membersihkan penjenayah ataupun PATI. Sejak 24 November 2013 sehingga sekarang, seramai 1,296 PATI telah ditahan dan seramai 3,323 orang telah diperiksa;
- (viii) pemantauan udara bersepadu oleh pasukan gerak udara dan juga ATM;

- (ix) perwujudan lima balai polis baru dan tiga balai polis yang sedia ada di naik taraf;
- (x) pengukuhan keselamatan pulau-pulau yang ada pusat-pusat peranginan;
- (xi) *engagement* dengan semua *stakeholders* di ESSZONE;
- (xii) peningkatan kerjasama dengan agensi keselamatan ataupun perisikan di *Philippines*;
- (xiii) melaksanakan pendaftaran awal pam bot bagi tujuan pengawalan.

Kerajaan juga akan mengambil beberapa langkah baru yang bertujuan untuk memastikan keadaan keselamatan di kawasan tersebut sentiasa di tahap yang baik. Di antara langkah-langkah tersebut ialah seperti berikut:

- (i) perancangan perwujudan *sea-basing* di perairan ESSZONE dengan kerjasama Petronas;
- (ii) menguatkuasakan *designated route* atau laluan khusus untuk kapal-kapal bot yang akan masuk ke perairan Sabah;
- (iii) penubuhan unit-unit sukarelawan iaitu ATM, polis, JPAM, RELA dan sebagainya;
- (iv) memastikan peningkatan kawalan keselamatan. Satu pelan operasi telah diwujudkan dan ia akan dibentangkan kepada Majlis Keselamatan Negara pada masa yang terdekat.

Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Menteri, saya tidak pernah mempertikaikan komitmen kerajaan ke arah untuk memastikan keselamatan rakyat Malaysia di Sabah melalui ESSZONE. Apa yang ingin saya kemukakan iaitu persoalan saya iaitu apakah keupayaan yang selain daripada yang dibentangkan oleh Yang Berhormat tadi. Keupayaan daripada ESSZONE itu sendiri ke arah meyakinkan rakyat bahawa perairan rakyat Malaysia di Sabah ini sentiasa terkawal. Ini kerana ekoran daripada penculikan demi penculikan, rakyat sudah hilang keyakinan. Pelancong-pelancong asing pun telah berkurangan, telah menjejaskan ekonomi industri pelancongan di Sabah itu sendiri. Ini setidak-tidaknya telah mengurangkan pendapatan.

Jadi, apakah langkah-langkah yang akan dibuat oleh kerajaan demi untuk meyakinkan rakyat negeri Sabah dan memberi jaminan bahawa penculikan-penculikan ataupun keganasan-keganasan yang sedemikian tidak berulang, dicegah sebelum berlaku. Jadi apa peranan yang dibuat oleh ESSZONE ini, pegawai dia, keselamatan kita dengan batalion yang begitu ramai dengan apa ini - Ini kerana baru-baru ini kita telah digemparkan dengan konon-kononnya ada 4,000 tentera yang dilatih di luar negara akan menceroboh negeri Sabah dan Sarawak. Ini pun

telah membimbangkan rakyat Malaysia di Sabah dan di Sarawak. Jadi apa langkah-langkah yang lebih komprehensif, yang drastik, yang boleh kita ambil untuk memberi keyakinan yang sewajarnya? Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, apa yang menjadi gundahan kawan-kawan kita di Sabah adalah juga merupakan usaha gigih di peringkat kami untuk menanganinya. Pertama sekali seperti yang saya sebutkan tadi bahawa dalam ESSZONE ini diwujudkan ESSCOM dan ESSCOM ini perkara pertama yang harus dilaksanakan ialah memastikan supaya pencerobohan tidak berlaku lagi. Itu sebab kehadiran kita di peringkat pertama ialah kita hendak pastikan supaya perkara yang berlaku tidak akan berulang lagi. Itu sebab kita telah saya sebutkan tadi tentang penubuhan PGA ataupun batalion yang baru. Akan tetapi bila kita tubuhkan PGA dan batalion yang baru ini, kita tubuh tetapi kehadiran anggota itu terpaksa kita buat berperingkat-peringkat. Contohnya macam PGA, satu batalion dulu baru digerakkan dan bagi ATM, tiga batalion itu, dua telah pun digerakkan. Itu pun kita terpaksa menumpang di pelbagai tempat kerana kita tidak dapat siapkan bangunan serta-merta. Jadi kehadiran anggota keselamatan mencukupi.

Keduanya ialah aset. Aset ini penting sebab kadang-kadang jenayah rentas sempadan ini mempunyai aset yang lebih canggih daripada kita. Akan tetapi kita hendak order aset yang baru juga mengambil masa. Kita bersyukur sebab baru-baru ini kita telah lancarkan 32 aset yang baru iaitu bot laju yang telah kita sebut tentang kelajuannya dan juga bot kalis peluru. Kehadiran 32 biji ini sekurang-kurangnya di peringkat awal ini, kita boleh laksanakan penguatkuasaan dan juga rondaan dengan lebih baik.

Kemudian yang ketiganya ialah *sea-basing*, *forward base* ini. Kita akan gunakan telaga minyak Petronas yang lama itu yang akan diletakkan di kawasan sempadan. Ini kali pertama yang pernah dibuat.

Keempatnya kita akan seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan tadi, beberapa hari yang lepas di samping *sea-basing*, kita juga akan menggunakan kapal-kapal tentera laut sebelum bulan Disember ini untuk ditempatkan di kawasan sempadan. Kelimanya ialah menggunakan pulau-pulau yang berdekatan untuk tujuan keselamatan.

Jadi semua usaha ini, usaha bersepadu yang dibuat di antara ATM, PDRM dan juga APMM serta pihak awam. Saya rasa mampu sekurang-kurangnya mengurangkan masalah jenayah rentas sempadan dan kehadiran anggota keselamatan telah memberikan *confident* baru kepada penduduk di sana termasuk pelancong. Malah bila kita pergi ke tempat pelancongan sekarang ini tinggal lapan. Dulu kita ada sebelas, dua belum beroperasi, satu telah ditutup. Tutup saya tidak pasti kenapa ditutup tetapi pulau tersebut namanya Pulau Mandi Darah.

Semua pulau ini sudah ada pasukan keselamatan *station* di sana termasuk pos kawalan. Jadi bila kita tanya pelancong, apakah pandangan mereka tentang kehadiran anggota keselamatan? Mereka seronok dan bergembira. Walaupun kehadiran pelancong ada menurun sedikit di peringkat awal tetapi perlahan-lahan sudah ada pertambahan terutamanya hasil

lawatan Presiden Amerika ke sini dan juga hasil lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke China telah memberi satu gambaran baru, semangat baru perhubungan kita dengan dunia luar.

Jadi di samping apa yang telah saya sebutkan, kita juga akan menambahkan aset. Ini kita kan laksanakan serta-merta, bot laju dan sebagainya termasuk juga *sea-basing*, termasuk juga menggunakan pulau-pulau berdekatan untuk tujuan keselamatan. Saya percaya semua perkara ini akan dapat mengurangkan. Saya tidak boleh kata menghapuskannya 100% sebab dia ada faktor-faktor lain lagi tetapi akan dapat mengurangkan dan keduanya akan beri *confident* kepada kawan-kawan daripada Sabah dan juga pelancong-pelancong asing yang hadir di sini.

■1100

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, bolehkah membuat penjelasan jikalau tuduhan yang selalu dibincangkan di Sabah berkenaan dengan kelemahan ESSCOM? Ini adalah kerana punca *terrorist* ataupun yang telah mencerobohi Sabah ini dan telah *kidnap* dengan izin, kita punya *tourist* adalah kerana mereka bekerjasama dengan orang yang ditohmah sebagai *local* ataupun projek IC di Sabah.

Seorang Ahli: Betul.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Bolehkah membuat penjelasan dan apakah tindakan ESSCOM terlebih lagi Menteri dan juga kerajaan berkenaan dengan risikan, *intelligence gathering* berkenaan dengan orang-orang yang telah ditohmah sebagai projek IC ataupun pendatang yang telah mendapat IC di Sabah? Terima kasih.

Seorang Ahli: Tiada tindakan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Berhubung dengan IC ataupun RCI, ada jawapan di soalan nombor sembilan sekejap lagi. Kita berdoa semoga jawapan itu keluar. Kalau tidak pun jawapan ini kita akan hantar secara bertulis ya. Keduanya, kita juga tidak boleh maklum keputusan RCI kerana benda ini telah pun dihantar kepada pihak kerajaan dan kita akan menunggu pihak kerajaan untuk mengumumkannya. Mendengar cerita, tuduhan dan sebagainya itu, pelbagai. Apa dia Yang Berhormat Pokok Sena?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kerajaan mana?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kerajaan Barisan Nasional.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kerajaanlah itu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, kita menunggu kerajaanlah untuk – setelah kerajaan...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Menteri tubuh kerajaan, ya?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak mungkin sampai tahun 3000, ya. Ia telah dihantar kepada Yang di-Pertuan Agong dan pihak kerajaan akan mengumumkannya nanti, ya. Kemudian yang keduanya, berhubung dengan dengar khabar ataupun dengar cerita ini pelbagai Yang Berhormat sehingga keputusan rasmi diumumkan. Itulah keputusan yang sebenarnya, ya. Saya pun dengar cerita dan dengar cakap di pelbagai tempat tetapi yang

rasminya setelah kita buat siasatan dan kita akan tentukan sama ada, terdapat keterlibatan orang dalam atau tempatan dengan orang asing ataupun tidak. Banyak perkara yang berlaku, ia bukan berlaku kerana satu sebab, ia berlaku kerana banyak sebab, ya.

Jadi untuk pengetahuan Yang Berhormat bahawa apa Yang Berhormat dengar itu ialah itu ialah dengar cakap dan yang rasminya ialah bila kita buat siasatan, itulah penyata rasmi. Kalau dengar cakap ini kira dalam Malaysia sekarang dengar cakap tidak berhenti-henti. Akan tetapi sebenarnya tiap-tiap manusia dia ada etikanya dan ada agamanya dan juga lain-lain ikatan untuk membolehkan dia tidak menyebarkan berita yang dia tidak tahu. Bagi orang Islam, siapa yang mendengar cakap, selepas itu dia cakap kepada orang lain hukumnya bohong dan bohong adalah sebahagian daripada munafik. Munafik tempatnya neraka.

4. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta Menteri Pengangkutan menyatakan belanja yang ditanggung oleh kerajaan dalam usaha mencari pesawat MH370 yang melibatkan banyak negara, jumlah pampasan yang dibayar kepada waris-waris dan langkah-langkah yang diambil untuk mempertingkatkan prestasi penerbangan awam negara.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan 27 buah soalan yang lain kerana kesemuanya ada kaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Termasuk hari ini sahaja Yang Berhormat Bukit Bintang, Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, Yang Berhormat Kelana Jaya, dan Yang Berhormat Sandakan. Pada 10 Jun, Yang Berhormat Kota Bharu, Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan dan Yang Berhormat Nibong Tebal. Pada 11 Jun, Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Lanang dan Yang Berhormat Titiwangsa. Pada 16 Jun Yang Berhormat Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat Lenggong dan 17 Jun Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Bakri, dan Yang Berhormat Dungun. Pada 18 Jun Yang Berhormat Pasir Puteh dan Raub.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sebanyak 26 buah negara terlibat dalam usaha mencari dan menyelamatkan bermula di Laut China Selatan dan Selat Melaka. Seterusnya ke Lautan Andaman serta di dua buah koridor iaitu koridor utara yang merentasi 11 buah negara bermula dari bahagian utara Thailand hingga ke sempadan Kazakhstan dan Turkmenistan. Manakala koridor selatan, merentasi dua buah negara iaitu Indonesia dan Australia, bahagian selatan Lautan Hindi. Usaha SAR ini masih diteruskan di Lautan Hindi iaitu di barat daya Perth, Australia.

Sehingga kini, operasi mencari pesawat tersebut telah memasuki fasa transisi dengan memberi keutamaan kepada pencarian di bawah permukaan laut. Operasi mencari pesawat menggunakan kapal udara telah ditangguhkan sementara waktu dan pada masa yang sama, sebuah pesawat *P3 Orion* milik Australia ditempatkan di dalam keadaan bersiap sedia atau *on standby* dengan izin, di Perth bagi membolehkan tindakan segera dilaksanakan sekiranya berlaku sebarang pertemuan pesawat atau serpihan. Beberapa buah kapal laut dari Malaysia, Australia dan Republik Rakyat China masih kekal ditempatkan di Perth. Semasa fasa transisi ini, tiga aktiviti utama sedang dan akan dijalankan seperti berikut:

- (i) analisis semula data untuk menentu sahkan kawasan pencarian yang lebih tepat. Analisis ini akan dijalankan oleh kumpulan pakar bersama-sama dengan Inmarsat;
- (ii) menjalankan *bathymetric survey*, dengan izin yang melibatkan kerjasama *mapping* di dasar laut. Ini akan membolehkan pencarian menggunakan aset-aset AUV atau *Autonomous Underwater Vehicle*, dengan izin yang mempunyai keupayaan tertentu dapat dilancarkan dengan berkesan dan dengan selamat;
- (iii) memperoleh perkhidmatan. Perkhidmatan aset-aset terkini yang mempunyai keupayaan *side-scan* sonar bagi mencerap keseluruhan kawasan pencarian laut dalam yang telah pun ditetapkan.

Kerajaan akan meneruskan operasi pencarian pesawat MAS MH370. Tuan Yang di-Pertua, mengenai aset yang digunakan untuk operasi SAR ini bermula dari 8 Mac 2014 sehingga sekarang, ia melibatkan aset-aset dari 26 buah negara yang terdiri daripada 89 buah pesawat udara, 80 buah kapal laut, beberapa satelit, kapal selam, dan sebuah *Autonomous Underwater Vehicle*. SAR MH370 ini merupakan SAR yang terbesar dalam sejarah dunia. Sehingga kini, kos operasi SAR telah ditanggung sendiri oleh negara-negara yang terlibat dan di dalam Dewan yang mulia ini saya bagi pihak kerajaan, rakyat Malaysia dan juga keluarga penumpang ingin merakamkan terima kasih kami yang tidak terhingga kepada negara-negara yang telah menyumbang dan bersama-sama dengan kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kos bayaran pampasan kepada waris mangsa MH370, sebuah Jawatankuasa *Next of Kin* (NOK) yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri telah ditubuhkan pada 5 April 2014 khusus untuk melihat urusan berkenaan keluarga waris termasuk berkenaan dengan insurans yang mana ianya berpandukan kepada Montreal Convention 1999. Syarikat penerbangan Malaysia MAS telah memulakan usaha rundingan mengenai tawaran bayaran pampasan pendahuluan kepada setiap waris mangsa MH370. Bagi menghormati perasaan dan menjaga keselamatan waris mangsa MH370, pihak MAS tidak bercadang mendedahkan butir-butir perbincangan kepada umum. Segala butir mengenai pampasan adalah di antara pihak MAS, waris mangsa MH370 dan peguam yang dilantik oleh waris.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan Malaysia pada 25 April 2014 telah menubuhkan satu pasukan penyiasat antarabangsa bagi menyiasat punca kemalangan udara pesawat MAS MH370 ini. Pasukan penyiasat ini telah turut dianggotai oleh *accredited representative* dengan izin, daripada Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, China, Perancis dan dua buah negara anggota ASEAN iaitu Singapura dan Indonesia. Kesemua anggota pasukan penyiasat yang terpilih adalah lantikan berdasar kepakaran mereka.

Jawatankuasa ini akan mengeluarkan satu laporan penuh berhubung hasil siasatan ini termasuk syor penambahbaikan bagi keselamatan penerbangan awam di seluruh dunia. Dapatan hasil daripada laporan tersebut akan digunakan oleh Kerajaan Malaysia. Malah akan digunakan oleh seluruh dunia di dalam bidang penerbangan dalam membuat penambahbaikan secara holistik terhadap industri penerbangan awam dan juga penerbangan yang menyentuh kepada keselamatan dan ketenteraan dunia. Semua pihak seluruh dunia akan mengambil tindakan penambahbaikan berdasarkan syor-syor dan apa yang telah kita temui daripada jawatankuasa dan pakar-pakar yang telah membantu kita.

■1110

Tuan Yang di-Pertua, susulan daripada insiden kehilangan MH370, soal keselamatan lapangan terbang telah menjadi keutamaan semua pihak di negara kita lebih-lebih lagi apabila kita mendengar berita yang terkini di Karachi pagi tadi. Malah, peraturan-peraturan berhubung isu keselamatan di lapangan terbang di negara kita adalah sentiasa dan perlu sentiasa mengikut piawaian antarabangsa yang ditetapkan di bawah *Annex 17 Aviation Security International Civil Aviation Organization (ICAO)*.

Berdasarkan kepada syor-syor daripada pasukan penyiasat kelak akan tetap meningkatkan tahap keselamatan di semua lapangan terbang dengan menempatkan peralatan yang lebih canggih pada masa-masa yang hadapan. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejak kejadian kehilangan pesawat MH370, terdapat tanggapan dan kebimbangan dan ketakutan para penumpang, baik dalam negara atau di luar negara, untuk menaiki pesawat MAS dan mereka memilih pesawat penerbangan lain.

Saya ingin tahu, sejauh manakah MAS dan kementerian Yang Berhormat telah berusaha untuk memulihkan keyakinan orang ramai dan berapakah anggaran kehilangan pelanggan MAS berikutan kejadian ini berbanding sebelum ini dan mengapakah kerajaan teragak-agak mengambil tindakan segera seperti didakwa oleh Kerajaan China, sebagai susulan, setelah radar kawalan mendapati pesawat MH370 melencong daripada laluan asal dan terus terputus hubungan? Tidakkah ini menunjukkan tahap kawalan udara negara dianggap lemah dan membahayakan keselamatan udara jika berlaku serangan mengejut? Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Yang penting ialah untuk kita memahami bahawa apa yang kita hadapi sekarang merupakan satu

perkara yang *unprecedented* dan ingin diketahui oleh dunia, industri penerbangan dan juga pihak keselamatan dan ketenteraan global. Dan yang paling penting daripada menjawab soalan-soalan dan juga perkara-perkara yang mungkin berubah mengikut masa dan musim, yang penting sekarang ialah kita mewujudkan struktur untuk memastikan apa jua maklumat dan *lead* yang kita terima akan disiasat dan tanpa menyembunyikan, sekiranya tidak menjejaskan operasi dan tidak menyentuh kepada emosi dan perasaan warga keluarga penumpang, ianya tidak kita teragak-agak dan telah pun dibuktikan sebelum ini untuk didedahkan kepada khalayak ramai.

Oleh sebab itu di Malaysia, kita telah mewujudkan empat jawatankuasa di peringkat kementerian. Satu di bawah Kementerian Luar dipimpin oleh Timbalannya, Datuk Hamzah Zainudin yang melihat kepada hal ehwal yang berhubung kait dengan keluarga. Keduanya berhubung kait dengan *deployment of asset* dengan izin, aset-aset yang digunakan di peringkat awal, data dan maklumat yang kita terima dan aset-aset yang akan digunakan dalam fasa baru ini dan ini dipimpin oleh Datuk Rahim Bakri di bawah MINDEF. Ketiganya, berhubung kait dengan pakar-pakar. Ini melibatkan pakar daripada seantero dunia, daripada NTSB dari US, daripada AAIB, daripada CCSC, dari China, Inmarsat, Boeing, Roll Royce, Airbus. Semua ini di bawah MOT, Kementerian Pengangkutan dan diketuai oleh Timbalan Menteri kita, Datuk Aziz Kaprawi.

Akhir sekali *liaison* iaitu di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia yang akan mengikat apa jua rangkaian yang kita wujudkan di luar negara kita selain daripada empat jawatankuasa tadi. Di luar negara kita, sepuluh negara ASEAN secara terus terang dan juga secara jelas, secara bertulis dengan satu pendirian bersama akan menyokong penuh, terus menyokong penuh carian kita ini. *FPDA, Five Power Defence Agreement* yang melibatkan UK, Australia, Singapura, Malaysia dan juga New Zealand juga telah membuat pendirian yang sama tetapi yang lebih penting ialah *Tripartite Agreement*, perjanjian dan persefahaman di antara Australia, China dan Malaysia untuk bersama-sama melihat ke hadapan dalam kesemua empat aspek tadi.

Satu delegasi tinggi yang akan diketuai oleh keempat-empat Timbalan Menteri ini akan ke Canberra esok dan kemudiannya ke Beijing untuk melihat kepada kesemua perkara yang dibangkitkan tadi supaya ianya dapat diterangkan kepada orang ramai. Apabila diterangkan, ia tidak merupakan sesuatu hak milik dan juga tanggungjawab amanah Malaysia sahaja tetapi sekurang-kurangnya tiga daripada *Tripartite Agreement* yang kita nak buat, lima daripada FPDA, sepuluh daripada ASEAN. *This is truly a global effort* dan Malaysia yang mengkoordinasikannya. Terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Misi pencarian pesawat MH370 telah dijalankan sekali gus telah dikatakan mendedahkan aset-aset pertahanan negara dan mungkin akan mendatangkan ancaman kepada negara kelak. Soalan saya, sejauh manakah kebenaran ini dan apakah strategi-strategi yang dirangka oleh kementerian bagi mengatasi masalah ini? Terima kasih.

Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein: Saya tak nafikan apabila kita mendedahkan data-data daripada *primary* radar tentera udara kita, ianya sedikit sebanyak akan menjejaskan daripada segi maklumat dan kemampuan kita kepada dunia. Ini sedang dilihat secara teliti oleh tentera udara kita dan pihak ATM untuk bagaimana kita dapat pastikan pendedahan itu tidak menjejaskan kemampuan dan keselamatan negara.

Keduanya, apa yang kita lihat dan maklum balas yang saya terima daripada pakar-pakar dunia daripada konteks *civil aviation* dan juga keselamatan dan ketenteraan, apa yang berlaku kepada MH370 telah mendedahkan kelemahan dan kekangan dunia untuk melihat industri penerbangan ini secara holistik. Oleh sebab itu ada usaha sekarang di peringkat ICAO, di peringkat perbincangan serantau dan di peringkat dunia untuk mengetahui sebenarnya misteri MH370 ini apa sebenarnya kesilapan pihak-pihak yang berkepentingan dan ini mesti dikaji secara menyeluruh.

Baru-baru ini kita semua telah pun melihat sendiri dokumentari oleh *Discovery Channel* yang telah menyatakan bahawa memang ada kekangan dalam industri penerbangan dunia bukan sahaja dalam konteks ketenteraan negara kita tetapi hubungannya dengan satelit, hubungannya dengan *primary, secondary radar*, hubungan *military* dengan *civil aviation*. Itu tak termasuk lagi *black box, ping technology* bila nak buat carian. Itu semua mesti dikaji semula dan itulah mungkin hikmah daripada tragedi MH370.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Menteri. Cuma saya nak dapatkan penjelasan, sejak daripada awal isu pesawat MH370 ini, sejauh mana pihak Yang Berhormat mendapatkan data maklumat daripada syarikat Boeing ataupun syarikat pengeluar untuk enjin Boeing ini, Roll Royce? Ini kerana daripada pengamatan apa yang saya lihat bahawa kita hanya mendapat maklumat apa yang dibekalkan oleh Inmarsat, maknanya data-data itu mungkin melalui Inmarsat ataupun tidak. Akan tetapi saya telah difahamkan bahawa kita tidak minta ataupun mereka langsung tidak membekalkan sedangkan apa yang pernah disebut oleh pelbagai pihak termasuk oleh Tun Mahathir sendiri mengatakan bahawa sepatutnya Boeing harus dipersalahkan dalam hal ini kerana sepatutnya mereka mengetahui tentang kedudukan kapal mereka. Kalau tidak, bermakna bahawa selepas ini kapal Boeing adalah kapal yang tidak selamat.

■1120

Jadi sebab itu saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat begitu juga dengan apa yang disebut oleh Yang Berbahagia Tun Mahathir mengatakan bahawa, "*Seseorang sedang menyembunyikan sesuatu.*" Jadi, apa pihak kerajaan melihat kenyataan Tun seorang yang pernah menjadi Perdana Menteri sepanjang 22 tahun dalam negara kita, yang punya banyak pengalaman tiba-tiba boleh mengeluarkan kenyataan mengatakan bahawa "*Seseorang sedang menyembunyikan sesuatu.*" Ini menjadikan isu ini makin misteri yang kita hendak tahu tentang keadaan dia.

Akhir sekali Yang Berhormat, apa rumusan yang kerajaan buat daripada laporan yang dibuat oleh GACC yang mengatakan bahawa sebenarnya tempat yang kita cari itu tempat yang tidak betul, kapal itu tidak ada di tempat itu. Kita sudah cari. Jadi, apa langkah-langkah seterusnya untuk pastikan bahawa kalau dikatakan pencarian itu akan diteruskan, sampai ke hujung mana kita hendak cari? Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat Pokok Sena, dari segi laporan GACC saya sudah jawab minggu lepas, di mana carian yang dibuat di fasa kedua bersandarkan kepada *ping signal* yang dapat dikesan oleh *Ocean Shield* dan apabila carian itu dibuat tidak dapat dikesan *black box* itu maka GACC lah yang akan memberi penjelasan. Ini kerana kita hanya boleh membuat carian bersandarkan kepada *lead* dan *lead* yang terbaik yang ada pada ketika itu ialah *signal* yang kita terima daripada *Ocean Shield*. Sekiranya GACC tuan punya hak milik *Ocean Shield* tadi dengan alat-alat yang paling *sophisticated* merasakan bahawa kita perlu kaji semula kawasan untuk kita buat carian, masih lagi tetap di Koridor Selatan tetapi lebih terperinci. Inilah sebabnya pakar-pakar akan ke *Canberra* esok bersama-sama dengan jawatankuasa kita untuk menentukan lokasi.

Keduanya, dari segi *Rolls-Royce Boeing*, tidak benar mereka tidak bekerjasama. Mungkin mereka belum menyuarakannya secara terbuka, mungkin sebab-sebab tertentu, Yang Berhormat Pokok Sena kena tanya mereka sendiri. Akan tetapi hubungan kita dengan mereka memang erat dan kita mendapat maklumat dan kerjasama awal lagi. Mungkin maklumat itu tidak disampaikan kepada Yang Berbahagia Tun Mahathir pada ketika ini.

Ketiganya, dari segi konspirasi teori dan *geopolitics considerations*, mustahil kalau sekiranya kalau China, Australia yang cukup rapat dengan Amerika Syarikat dan Malaysia ada *tripartite agreement*, duduk bersama melihat kepada semua data, konspirasi-konspirasi, ada pihak-pihak yang tertentu menyembunyikannya. Tidak dibangkitkan oleh satu daripada tiga pihak berkenaan, campur dengan ASEAN, campur dengan FPDA yang saya sebutkan tadi. Inilah mungkin cara-cara untuk kita menjawab kepada teori konspirasi-konspirasi yang telah pun dibangkitkan. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, kalau kita ada kerjasama dengan syarikat Boeing...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Cukup, cukup Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sepatutnya kena beritahulah sama ada syarikat itu boleh mengesan teknologi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Yang ada di Boeing boleh dikesan ataupun tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Saya menjemput Yang Berhormat Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Saya ada tiga soalan. *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sepatutnya Yang Berhormatlah kena pergi tanya, dapat maklumat beritahu kepada sini bahawa *Boeing* ini tidak boleh pakai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Sudah Yang Berhormat Pokok Sena.

5. Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta Menteri Kewangan menyatakan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan dalam memberi penerangan yang kelas dan terperinci berkenaan *Goods and Services Tax (GST)* kepada rakyat.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Tinggi. Saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersamaan dengan soalan-soalan 11 orang Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut; Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Labis, Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Kubang Pasu, Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Kulai yang dijadualkan pada hari ini. Yang Berhormat Tanjong Malim, Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Kota Melaka yang dijadualkan pada 11 Jun dan Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Bagan Serai yang dijadualkan pada 17 dan 18 Jun.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan GST merupakan satu langkah kerajaan dalam menyusun semula struktur percukaian negara bagi menjadikannya lebih terus, cekap dan meningkatkan daya saing negara. GST yang dicadangkan bukan merupakan cukai baru, GST akan menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan sekarang ini yang didapati mempunyai kelemahan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah pengenaan cukai berganda yang menyebabkan rakyat sekarang terpaksa membayar harga yang lebih tinggi dan aktiviti pemindahan harga yang memberi kesan kepada kutipan hasil negara serta eksport sekarang ini ada elemen cukai. Kelemahan sistem cukai sekarang ini sebenarnya memberi kesan negatif bukan sahaja pada negara tetapi juga kepada rakyat. Dengan GST kita akan mendapati harga yang dibayar lebih telus di mana rakyat tahu berapakah jumlah cukai yang dibayar.

Selain itu struktur GST yang dicadangkan adalah bersifat progresif yang memberikan kebaikan kepada golongan yang berpendapatan rendah. Kerajaan akan mempunyai satu sistem percukaian yang lebih baik. GST akan menjadikan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar meningkat sebanyak 0.3% dan eksport akan meningkat sebanyak 0.5%. Tambahan hasil yang didapati ekoran dari sistem yang cekap dan kurangnya pengelakan dan pelarian cukai akan digunakan dengan sebaiknya untuk kepentingan rakyat seperti pembangunan prasarana, pengangkutan, kesihatan, pendidikan, kebajikan dan keselamatan. Kerajaan sememangnya telah bersedia untuk melaksanakan GST dengan memastikan perkara-perkara berkaitan disiapkan

dalam tempoh yang ditetapkan. Rang Undang-undang GST telah diluluskan di Parlimen, perundangan subsidiari seperti peraturan am, peraturan ketetapan awal dan peraturan Tribunal Rayuan GST akan digazet dalam masa terdekat.

Garis panduan bagi peniaga juga telah diterbitkan dan dimuat naik dalam portal GST. Sebanyak satu garis panduan am, 16 garis panduan spesifik, 36 garis panduan industri juga telah dimuat naik. Sistem pengkomputeran GST telah 99.75% siap untuk dibangunkan. Penubuhan Tabung Bayaran Balik GST, Tribunal Rayuan GST dan pelantikan ejen cukai GST sedang dilaksanakan dan program penerangan dan publisiti yang tekah digerakkan sejak tahun lalu dipergiatkan lagi dan sesi latihan pada peniaga juga ditambah bilangannya. Setakat ini sebanyak 5,177 program penerangan telah dilaksanakan. Jawatankuasa Pemantauan GST juga telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II dan dianggotai oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Menteri Kerjaya dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Kerajaan akan memastikan peniaga terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bersedia untuk melaksanakan GST. Kerajaan juga tekah menyediakan peruntukan geran sebanyak RM150 juta bagi pembelian sistem perakaunan oleh PKS yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada minggu lepas. Setiap PKS yang layak akan diberi RM1,000 untuk membeli *software* GST yang berkaitan. Struktur GST yang dicadangkan ini sebenarnya secara tidak langsung telah menggunakan pelbagai kadar iaitu GST pada kadar 6%, kadar sifar atau dikecualikan.

Bagi barang dan perkhidmatan yang merupakan keperluan asas dalam kehidupan seharian terutamanya kepada mereka yang berpendapatan rendah, kerajaan telah mencadangkan barang dan perkhidmatan tersebut dikenakan GST pada kadar sifar atau dikecualikan. Ini bermaksud barang dan perkhidmatan perlu seperti makanan asas, beras, gula tepung, sayuran, rempah ratus, daging, ayam, telur, ikan, bekalan air, perkhidmatan pengangkutan awam, pendidikan dan kesihatan, pembelian, penyewaan rumah kediaman tidak dikenakan GST.

Manakala barang dan perkhidmatan yang lain yang peratus penggunaannya tinggi bagi mereka yang mampu adalah dikenakan GST pada kadar 6%. Sekiranya GST dilaksanakan pada kadar kurang daripada 6% misalnya 4% maka kerajaan tidak akan dapat menampung kehilangan hasil ekoran daripada pemansuhan cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Kadar GST 6% yang ditetapkan adalah bagi menjana *revenue neutral* dengan izin, pada peringkat awal pelaksanaannya dan bukannya untuk menambahkan hasil.

■1130

Selain itu dengan kadar GST 4% kerajaan tidak akan dapat menyediakan pakej bantuan cukai dan bukan cukai seperti mana yang telah diumumkan dalam Bajet 2014. Bilangan barang

dan perkhidmatan yang tidak dikenakan GST juga perlu dikurangkan bagi mengimbangi kehilangan hasil kelak.

Mengenai isu senarai barang yang dibangkitkan, senarai barang dan perkhidmatan yang dikenakan GST pada kadar sifar atau dikecualikan telah diumumkan semasa pembentangan Bajet 2014 yang lalu. Pada masa yang sama kerajaan juga telah memaklumkan jenis barang dan perkhidmatan tersebut melalui program penerangan dan publisiti yang dijalankan. Namun begitu, kerajaan akan memastikan senarai ini dapat disebar luas melalui pelbagai media sebagai rujukan kepada orang ramai. Akhirnya kerajaan bercadang untuk mengeluarkan *shoppers guide* atau panduan pengguna tiga bulan sebelum pelaksanaan GST bagi membolehkan pengguna membuat bandingan harga. *Shoppers guide* itu akan kita keluarkan pada Januari 2015. Terima kasih.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan atas usaha baik untuk menerangkan GST, cukai barangan perkhidmatan ini atau CBP adalah baik untuk rakyat dan negara. Amat penting ia didokong oleh semua untuk menjayakannya.

Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk melibatkan sektor swasta GLC dan siswa-siswi IPTA, IPTS untuk sama-sama menyingsing lengan turun padang beri penerangan dan penjelasan termasuklah ambil kira keperluan mendekati kelompok-kelompok sasaran yang pelbagai dari pekerja, peniaga, petani, orang-orang kampung, warga kota dan sebagainya agar GST ini dapat difahami, diterima dan disokong demi kesejahteraan rakyat dan negara. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebut tadi sebanyak 5,177 program penerangan telah kita laksanakan dan kita akan terus melaksanakan segala program penerangan dan penjelasan dengan pelbagai media seperti ceramah penerangan melalui radio, TV, melalui media sosial dan juga melalui kaedah bersemuka yang lain. Apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kota Tinggi itu kita sedang melaksanakan. Namun pada saat dan ketika ini, mereka yang memberikan penjelasan kita tumpukan kepada Kastam terlebih dahulu dan juga pihak yang telah kita latih untuk membuat penerangan tentang GST.

Pada bulan Januari dan Februari tahun ini, kita telah selesai membuat penjelasan di peringkat ibu negeri sebanyak 15 siri di 14 buah negeri. Kemudian, pada bulan Mac dan juga April kita menyediakan penceramah-penceramah daripada pelbagai peringkat dan kemudian pada bulan Mei, kita membuat penjelasan GST di peringkat daerah oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia, JASA dan juga Kastam dan pada bulan Jun ini kita mula membuat penjelasan di peringkat Parlimen pula.

Isu tentang pemahaman kepada rakyat memang penting walaupun begitu, kita juga memohon agar rakyat secara proaktif mencari maklumat-maklumat yang disediakan melalui

portal yang kita ada sama ada Portal Kastam ataupun Portal Perbendaharaan Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat itulah pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2014) 2014

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan Tahun 2014 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat minggu hadapan.

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (PINDAAN) 2014

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Chaing @ Mary Yap Ken Jin]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua dan ketiga pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENGGALAKAN PELABURAN (PINDAAN) 2014

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(PINDAAN) 2014**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN
(PINDAAN) 2014**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
(PINDAAN) 2014**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

11.37 pg.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bangkitkan peraturan mesyuarat yang nombor dua. Adalah konvensyen lama Parlimen ini sejak Hari Merdeka bahawa..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Peraturan mesyuarat yang mana?

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Nombor dua. Konvensyen lama Parlimen ini sejak Hari Merdeka bahawa kedudukan kerusi Ahli-ahli Dewan ini, Barisan Nasional sebelah sana, pembangkang sebelah sini, yang bukan pihak-pihak mana sebelah tengah. Akan tetapi konvensyen lama telah dilanggar itu saya nampak Yang Berhormat Baram dan juga Yang

Berhormat Saratok masih ada di Blok Barisan Nasional sedangkan mereka telah keluar daripada Barisan Nasional. *[Dewan riuh]*

Itu saya hendak buat satu keputusan sama ada konvensyen lama ini masih diteruskan atau dilanggar hari ini. Kalau boleh dilanggar saya hendak minta duduk campur dengan Barisan Nasional. *[Dewan riuh]* Saya hendak satu keputusan dibuat hari ini sebab ini konvensyen lama di Dewan yang mulia ini tidak boleh dilanggar dengan sewenang-wenangnya. Setuju tidak Ahli-ahli Dewan ini? *[Dewan riuh]* Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, peraturan mesyuarat itu tidak apa Yang Berhormat, tetapi minta sokongan suara sedemikian hanya Speaker yang buat. Panggilan suara itu hanya Speaker yang buat, yang itu tidak perlu buat, Yang Berhormat. Yang Berhormat terima kasih atas makluman itu.

Apa pun seperti yang terkandung dalam perkara 3, kerusi-kerusi ditentukan mengikut pertimbangan Tuan Yang di-Pertua. Pada ketika ini saya dimaklumkan oleh Setiausaha Dewan bahawa Speaker belum menerima sebarang pemakluman tentang pertukaran parti ahli-ahli yang dimaksudkan itu, sekian.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Adakah mereka belum keluar daripada Barisan Nasional, belum? Jadi surat khabar adalah tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Itu bukan isu untuk saya putuskan hari ini.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua, Jumaat lalu saya telah masuk satu usul untuk di bawah Peraturan Mesyuarat 18 iaitu saya hendak bangkit isu kerugian Malaysia Airlines (MAS) sepanjang tahun lalu dan kerugian bersih untuk suku tahun pertama tahun ini.

■1140

Saya hendak Dewan ini membahaskan sama ada kerajaan masih terus membantu MAS lagi atau bagi dia bankrap. Punca-punca kenapa MAS dalam *financial procurement* ini tetapi dia telah ditolak. Jadi saya minta satu peluang untuk saya... Tidak boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Tidak boleh Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG YAYASAN GURU
TUN HUSSIEN ONN 2014****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****11.41 pg**

Menteri Pendidikan II [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk menubuhkan Yayasan Guru Tun Hussien Onn untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan perkara yang bersampingan dengannya untuk membubarkan Kumpulan Wang Simpanan Guru untuk membatalkan Kaedah-kaedah Kumpulan Wang Simpanan Guru 1962 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berbangkit dan bersampingan dan dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu mencadangkan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk menubuhkan Yayasan Guru Tun Hussien Onn untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan kuasa yang bersampingan dengannya untuk membubarkan Kumpulan Wang Simpanan Guru untuk membatalkan Kaedah-kaedah Kumpulan Wang Simpanan Guru 1962 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berbangkit dan bersampingan dengannya dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru ataupun KWSG telah ditubuhkan sebagai satu badan berkanun pada tahun 1962 di bawah Kaedah-kaedah Kumpulan Wang Simpanan Guru 1962 LN 29/1962. Penubuhan KWSG pada ketika itu bertujuan untuk menjaga kepentingan dan memberi faedah kepada guru-guru bukan kerajaan di bawah Skim Perkhidmatan Guru-guru Dipersatukan ataupun *Unified Teaching Service* (UTS) melalui sebuah tabung persaraan khusus untuk guru-guru UTS yang mencarum kepada tabung berkenaan. Pada tahun 1972, sebahagian besar daripada guru UTS telah memilih untuk berkhidmat sebagai guru kerajaan sepenuhnya melalui tawaran Suruhanjaya Diraja Aziz. Dalam hal itu, guru-guru tersebut tidak lagi wajib untuk mencarum kepada KWSG kerana guru-guru berkenaan telah tertakluk kepada Skim Faedah Persaraan Kerajaan.

Sehubungan dengan itu, fungsi KWSG adalah terhad kepada menerima caruman daripada guru-guru UTS yang tidak memilih skim-skim guru kerajaan dan menguruskan dana caruman tersebut hingga semua guru yang mencarum dalam KWSG layak untuk mengeluarkan wang caruman masing-masing apabila telah mencapai umur persaraan. Berdasarkan fungsi KWSG sebagaimana yang dinyatakan, pencarum terakhir KWSG layak untuk mengeluarkan caruman serta dividennya pada tahun 2007. Dalam hal ini, pencarum dan warisnya yang tidak mengeluarkan wang caruman berserta dividen mereka, wang tersebut dipindahkan kepada pendaftar wang tidak dituntut di bawah Akta Wang Tidak Dituntut 1965 dalam Akta 370.

KWSG telah mencapai matlamat penubuhannya dan telah melunaskan fungsinya sebagai pencarum terakhir KWSG layak untuk mengeluarkan caruman serta dividennya pada tahun 2007. Sehubungan dengan itu adalah wajar KWSG dibubarkan memandangkan tujuan penubuhannya sebagai tabung persaraan tidak lagi relevan. Pembubaran KWSG bertujuan untuk membolehkan aset KWSG dimanfaatkan untuk pembangunan profesionalisme dan kebajikan guru serta pendidikan anak-anak guru melalui sebuah yayasan. Ini adalah wajar kerana dana KWSG adalah asalnya berkaitan dengan kebajikan guru. Oleh itu, yayasan yang dikenali sebagai Yayasan Guru Tun Hussien Onn dicadangkan ditubuhkan sebagai badan berkanun yang diasingkan pengurusan saraannya daripada sektor awam.

Yayasan Guru Tun Hussien Onn yang akan ditubuhkan ini tidak menerima geran permulaan atau peruntukan tahunan daripada kerajaan. Kewangan yayasan ini akan menggunakan dana sedia ada yang telah dijana oleh KWSG yang akan dipindahkan kepada yayasan. Selain daripada itu, yayasan juga akan menjana pendapatan melalui hasil daripada aktiviti pelaburan serta perniagaan yang akan dijalankan oleh syarikat yang akan ditubuhkan. Penubuhan Yayasan Guru Tun Hussien Onn ini akan memberi manfaat kepada semua guru yang dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan ataupun (PPP) oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Selain daripada itu, anak-anak guru juga turut menerima faedah daripada penubuhan yayasan ini.

Yayasan yang akan ditubuhkan ini berfungsi untuk membantu Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan pembangunan profesionalisme guru seperti menyediakan latihan jangka pendek dan jangka panjang yang berimpak tinggi serta berterusan kepada kumpulan guru terutama dalam kalangan guru bukan pentadbir. Selain daripada itu, yayasan ini juga bertujuan membantu guru yang berminat untuk melanjutkan pelajaran tetapi tidak layak mendapat biasiswa atau pembiayaan daripada kerajaan kerana faktor umur yang melebihi had yang ditetapkan. Ini sejajar dengan dasar kerajaan untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat bersesuaian dengan pelanjutan umur had persaraan kepada 60 tahun.

Selain daripada itu, yayasan juga berfungsi untuk membantu mana-mana pihak menjalankan aktiviti penyelidikan dalam meningkatkan kualiti pendidikan mereka. Ini bertujuan untuk menggalakkan penyelidikan yang boleh membantu kementerian meningkatkan kualiti pendidikan dengan kaedah dan inovasi terkini selari dengan perkembangan pendidikan sejagat. Kebajikan guru yang menjadi fokus utama Kementerian Pendidikan, sehubungan dengan itu, antara fungsi Yayasan Guru Tun Hussien Onn yang akan ditubuhkan ini adalah untuk membantu Kementerian Pendidikan menjaga kebajikan guru. Yayasan akan memberi keutamaan kepada guru-guru yang memerlukan bantuan seperti bantuan kecemasan, bencana alam, khairat kematian dan bantuan peralatan sokongan selepas rawatan seperti kerusi roda.

Ini bertujuan untuk meringankan bebanan guru sebagai tanda penghargaan kepada guru-guru yang banyak berjasa dalam mendidik anak bangsa. Selain daripada kebajikan kepada guru, pendidikan anak-anak guru juga tidak diabaikan. Sehubungan dengan itu, fungsi yayasan

juga adalah membantu dalam pendidikan anak guru seperti bantuan yuran pengajian kepada anak guru yang hilang tempat bergantung dan tidak mendapat bantuan serta pembiayaan daripada mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi lapan bahagian yang merangkumi 49 fasal dan juga satu Jadual seperti berikut.

Bahagian I, fasal 1 hingga 2 memperuntukkan tentang perkara permulaan.

Bahagian II, fasal 3 rang undang-undang yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan yayasan sebagai sebuah pertubuhan perbadanan.

Fasal 4 bertujuan untuk membenarkan yayasan mempunyai meterai perbadanan.

Bahagian III, fasal 5 hingga 8 memperuntukkan tentang fungsi dan juga kuasa yayasan.

Antara fungsi yayasan yang diperuntukkan dalam fasal 5 ialah:

- (i) membantu Kementerian Pendidikan mengadakan aktiviti dalam meningkatkan pembangunan profesionalisme guru.
- (ii) membantu mana-mana pihak menjalankan aktiviti penyelidikan dan meningkatkan kualiti pendidikan negara.
- (iii) melakukan apa-apa perkara yang wajar atau suai manfaat atau perlu dalam menjaga kebajikan guru dan;
- (iv) membantu pendidikan anak-anak guru.

Fasal 6 memperuntukkan mengenai kuasa yayasan untuk melakukan suatu perkara yang perlu atau suai manfaat bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya seperti:

- (i) Kuasa untuk membuat pelaburan dalam syarikat yang ditubuhkan.

■1150

- (ii) kuasa untuk memberi pinjaman, pembiayaan atau biasiswa;
- (iii) kuasa untuk melaksanakan program pembangunan sumber manusia bagi membangun dan memajukan profesional perguruan; dan
- (iiii) kuasa untuk menyediakan geran penyelidikan bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Bahagian IV, fasal 9 hingga fasal 18 mengandungi peruntukan mengenai penubuhan dan kuasa Lembaga Pemegang Amanah. Keanggotaan lembaga, tempoh jawatan anggota lembaga, pembayaran elaun kepada anggota lembaga, pembatalan pelantikan, perletakan jawatan dan pengisian jawatan lembaga serta memberi kuasa kepada lembaga untuk menubuhkan jawatankuasa bagi membantu melaksanakan fungsinya.

Bahagian V, fasal 19 hingga fasal 22 memperuntukkan mengenai pekerja Yayasan termasuk peruntukan bagi pelantikan dan kewajipan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan.

Bahagian VI, fasal 23 hingga fasal 33 mengandungi peruntukan berkaitan kewangan. Antara perkara yang diperuntukkan di bawah bahagian ini ialah peruntukan bagi penubuhan Kumpulan Wang Yayasan Guru Tun Hussien Onn. Peruntukan bagi perbelanjaan yang boleh

dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang, menghendaki Yayasan menyediakan anggaran perbelanjaan, membenarkan Yayasan membuka dan menyelenggarakan akaun bank, meminjam dan melabur wang Yayasan serta menentukan tatacara kewangannya sendiri.

Bahagian VII, fasal 34 hingga fasal 40 mengandungi peruntukan am. Antaranya ialah peruntukan pendakwaan kesalahan dan memberi Yayasan kuasa seperti kelulusan Menteri untuk membuat peraturan-peraturan di bawah rang undang-undang yang dibentangkan ini.

Bahagian VIII, fasal 41 hingga fasal 49 mengandungi peruntukan berhubung kecualian dan peralihan.

Fasal 41 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemindahan kuasa, hak keistimewaan, liabiliti, tanggungjawab dan kewajipan KWSG kepada Yayasan sebaik selepas ia dibubarkan pada hari yang ditetapkan menurut peruntukan undang-undang.

Fasal 42 meletakkan harta KWSG yang akan dibubarkan dipindahkan kepada Yayasan.

Fasal 43 mengadakan peruntukan tentang peralihan surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan perkiraan kerja yang terletak hak kepada KWSG yang akan dibubarkan kepada Yayasan.

Fasal 44 mengadakan peruntukan bagi pemindahan wang KWSG yang akan dibubarkan kepada Yayasan; manakala

Fasal 45 bertujuan untuk mengadakan tawaran kepada pekerja KWSG yang akan dibubarkan untuk terus menjadi pekerja Yayasan.

Fasal 46 pula bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi meneruskan apa-apa perkara yang belum selesai di hadapan KWSG yang akan dibubarkan untuk diuruskan oleh Yayasan.

Fasal 47 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi meneruskan prosiding sivil dan jenayah.

Fasal 48 mengatakan sebutan dalam undang-undang atau dokumen mengenai KWSG yang akan dibubarkan hendaklah nanti ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Yayasan.

Fasal 49 membenarkan penggunaan nama kumpulan Wang Simpanan Guru oleh Yayasan dan melarang penggunaan nama ini dari mana-mana orang tanpa kebenaran pihak Yayasan.

Juga Jadual memperuntukkan mengenai mesyuarat dan juga tatacara lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan fungsi dan kuasa Yayasan Guru Tun Hussein Onn seperti yang telah dinyatakan, penubuhan Yayasan ini akan membantu Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan kualiti pendidikan secara amnya dan memberi faedah manfaat khususnya kepada guru-guru di bawah Kementerian Pendidikan. Sehubungan dengan itu, semua guru di bawah Kementerian Pendidikan akan mendapat faedah daripada penubuhan Yayasan. Ini adalah selari dengan hasrat yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ataupun PPPM yang menitikberatkan pembangunan profesionalisme perguruan serta menggalakkan

aktiviti penyelidikan dan inovasi dalam kalangan guru. Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Yayasan Guru Tun Hussein Onn untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan perkara bersampingan dengannya untuk membubarkan Kumpulan Wang Simpanan Guru, untuk membatalkan kaedah-kaedah Kumpulan Wang Simpanan Guru 1962 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berbangkit dan bersampingan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ya, Yang Berhormat Lenggong.

11.56 pg.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya ucapkan terima kasih kerana memberikan peluang untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya kementerian kerana mengambil langkah untuk mewujudkan suatu Yayasan yang boleh membantu dan memberi pengiktirafan kepada kumpulan guru kerana kita sedar bahawa tanggungjawab guru hari ini memang begitu banyak dan tentunya soal-soal pembelaan perlu diberi perhatian yang berat oleh kerajaan. Apabila kerajaan menubuhkan Yayasan ini dengan menggantikan Kumpulan Wang Simpanan Guru sebelum ini, ia merupakan satu langkah yang baik dan bertepatan dengan apa yang telah terkandung dalam cadangan-cadangan kementerian sebelum ini.

Saya ingin mendapat penjelasan dalam perbahasan ini kerana saya difahamkan bahawa sebelum ini kita ada Kumpulan Wang Simpanan Guru yang ditubuhkan dan ia mempunyai dana yang diperolehi daripada hasil-hasil caruman dan juga beberapa keuntungan daripada pelaburan-pelaburan yang dibuat melalui Kumpulan Wang Simpanan Guru. Saya percaya sebelum ini Kumpulan Wang Simpanan Guru mempunyai beberapa kejayaan hasil daripada pengurusan yang cekap, yang efisien dan akhirnya mewujudkan pendapatan yang begitu banyak dan ia disalurkan kepada ahli. Sudah tentu saya juga difahamkan bahawa Kumpulan Wang Simpanan Guru juga sebelum ini mampu untuk mengenal pasti bidang-bidang pelaburan yang selamat yang boleh menguntungkan dan sekali lagi juga boleh disalurkan kepada ahli.

Kemudian, saya juga melihat bahawa Kumpulan Wang Simpanan Guru, saya hendak sebut Kumpulan Wang Simpanan Guru sebelum ini, ia ada aset bangunan, ada simpanan tetap dan ada juga difahamkan pegangan saham di beberapa syarikat di bursa saham. Ini merupakan satu perkara yang cukup baik kepada Kumpulan Wang Simpanan Guru. Pencapaian ini

sebenarnya cukup membanggakan sekali dan ia memberi kebaikan kepada kumpulan guru yang menjadi ahli kepada Kumpulan Wang Simpanan Guru ini. Tentunya persoalannya yang saya ingin timbulkan di sini ialah apabila kita wujudkan Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini, sudah pasti kita mengharapkan yang akan dilakukan oleh Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini tentulah lebih baik daripada apa yang dibuat oleh Kumpulan Wang Simpanan Guru.

Jadi sebab itu saya ingin mendapat kepastian daripada Yang Berhormat Menteri, apakah jaminan kerajaan apabila kita tubuhkan Yayasan ini? Ia bukan hanya mampu untuk meneruskan apa yang telah dibuat oleh Kumpulan Wang Simpanan Guru tetapi apakah jaminan ia mampu untuk meningkatkan lagi keupayaan menjana pendapatan dan seterusnya menguruskan dana-dana sedia ada dan akan membolehkan Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini lebih baik daripada apa yang ada sebelum ini. Ini kerana tentunya harapan guru-guru dan harapan rakyat apabila satu badan baru yang ditubuhkan, mesti mereka mengharapkan sesuatu yang lebih baik daripada apa yang ada sebelum ini. Jadi soalnya apakah jaminan yang kerajaan boleh bagi untuk pastikan supaya Yayasan Guru Tun Hussein Onn lebih baik daripada sebelum ini.

■1200

Kemudian saya juga ingin mendapat pertanyaan dan kepastian daripada kerajaan bagaimanakah Yayasan Tun Hussein ini boleh meneruskan apa-apa yang telah pun dilaksanakan oleh yayasan sebelum ini. Saya juga berharap kita tahu bahawa hari ini banyak isu yang berkaitan dengan kebajikan guru-guru yang memang telah menjadi perdebatan dan perbincangan di banyak forum. Sudah tentulah harapan yang ada pada rakan-rakan tentu juga rakyat mahukan supaya boleh tidak isu-isu berbangkit berkaitan dengan guru-guru yang mungkin antara isunya kebajikan mereka bila bertugas di luar kawasan, bertugas di luar waktu bekerja atau perkara-perkara lain yang menjadi rungutan pada ketika ini yang saya tahu bahawa kementerian tahu dapat ditangani melalui perwujudan yayasan ini kerana saya percaya bahawa tentu harapan rakyat dan guru begitu tinggi dengan perwujudan yayasan ini. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bukit Gantang .

12.02 tgh.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil perbincangan dalam Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn. Ini sebagai satu usaha untuk hendak meningkatkan pembangunan kepada profesional guru-guru di Malaysia. Kita tahu guru-guru ini merupakan satu sektor yang penting di dalam sebuah negara malahan kita lihat masa depan negara dan masa depan pembangunan sebuah negara ialah bergantung kuat kepada kehebatan dan juga kewibawaan pendidik yang berada di dalam sebuah negara.

Maka dengan sebab itu kita tahu kerana guru ini ialah merupakan tonggak kepada kejayaan dalam sebuah negara. Maka sudah tentulah penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn untuk menjaga kebajikan guru seperti mana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi kebajikan ini bukan hanya semata-mata di dalam bentuk material tetapi biarlah kebajikan yang dihidangkan kepada guru-guru dan pendidik ini sebagai sudut kepuasan yang ada kepada mereka. Kita hendak guru-guru yang berada di sekolah mereka merasakan selesa dan bukan tempat untuk mereka susah hati apabila datang ke sekolah. Kita tidak hendak apabila munculnya hari Isnin ataupun bermulanya hari Ahad mereka sudah resah kerana memandangkan mereka akan menghadapi berbagai-bagai bebanan yang berada di sekolah.

Maka sebab itu aspek kebajikan, guru-guru ini mesti kita letakkan aspek kepuasan ini mesti dicari oleh pihak kementerian supaya bidang pendidikan ini menjadi satu bidang ataupun profesion yang digemari. Malahan kadang-kadang kita tengok ada di kalangan anak-anak guru yang tidak berminat untuk menjadi guru apabila mereka melihat bebanan yang dialami oleh ibu dan bapa mereka ketika berada di sekolah dan juga bebanan itu pula dibawa balik ke rumah sedangkan profesion ini profesion yang mulia sebagaimana yang disebut oleh Imam Shafie Rahimahullah. [*Membaca sepotong ayat dalam bahasa Arab*] Hampir taraf guru ini dia bertaraf sebagai seorang Rasul. Hendak menunjukkan bidang ini bidang yang cukup mulia tetapi malangnya apabila profesion ini dibebankan dengan berbagai-bagai bentuk bebanan apabila Yang Berhormat Menteri bertukar, bertukar polisi. Kadang-kadang saya dapat maklumat bukan setakat polisi, fail juga kadang-kadang bertukar. Bayangkan gambaran keresahan yang wujud dari kalangan guru-guru.

Maka dengan sebab itu pada kita ialah eloklah guru-guru ini hanya tumpukan pada P&P iaitu pengajaran dan pembelajaran yang perlu diberikan penekanan oleh guru-guru di sekolah. Kadang-kadang kita tengok kasihan ada cikgu ini terpaksa bawa kad balik kampung hendak kutip duit. Kad maraton seolah-olah macam negara kita ini sengkek dengan izin miskin sangat sampai cikgu terpaksa hendak pergi minta sedekah, hendak kena buat kad supaya ada perbelanjaan yang ada untuk sekolah mereka. Sepatutnya guru tidak perlu begitu dan mereka hanyalah tumpukan kepada soal P&P. Inilah yang paling penting dalam konteks untuk meningkatkan profesion perguruan.

Oleh itu kita hendak supaya perbelanjaan untuk sektor pendidikan biarlah tinggi. Menurut laporan Human Development Index 2011 pembelajaran dan pendidikan berbanding dengan KDNK dengan negara lain Malaysia 4.1% berbanding dengan Denmark 7.8%, Finland 5.9% dan Timor Leste 16.8%. Jadi sebab itu kita mengharapkan supaya pembelajaran ataupun peruntukan untuk sektor pendidikan ini ditinggikan supaya tidak timbul lagi cikgu dan juga kadang-kadang bebanan kepada PIBG, kanak-kanak sekolah yang terpaksa membayar yuran dan sebagainya untuk yuran-yuran sampingan semuanya berpunca daripada tidak adanya kewangan yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih mengharapkan juga pihak kementerian mesti menyediakan pembantu guru untuk meringankan bebanan tugas guru-guru di sekolah. Saya

cadangkan sekurang-kurangnya ada satu orang pembantu guru menyelesaikan soal perkeranian. Seramai 20 cikgu tempatkan seorang kerani yang kerja mereka ialah untuk membuat kerja-kerja perkeranian. Biarlah cikgu tugas dia didik pelajar-pelajar supaya menjadi pelajar-pelajar yang cemerlang sama ada dari segi moral ataupun dari segi pencapaian akademiknya.

Saya juga ingin menarik perhatian mengenai bantuan utiliti untuk sekolah menengah agama bantuan kerajaan (SMABK). Saya mendapat maklumat ada surat yang sampai ke sekolah SMABK iaitu mereka hanya diperuntukkan RM2,000 sahaja peruntukan sebulan untuk pembayaran bil elektrik dan air. Jadi kalau itu RM2,000 yang diperuntukkan untuk satu kompleks sekolah sebulan untuk pembayaran utiliti pada saya ini merupakan satu bebanan lagi kepada pihak pentadbir macam mana mereka hendak mendapatkan wang yang selebihnya untuk membayar utiliti di sekolah tersebut. Kalau kompleks di Seri Perdana kita boleh biayai sebanyak RM2.5 juta setahun maka apalah sangat dengan pelajar-pelajar ataupun sekolah dan asrama sekolah menengah agama bantuan ini tadi.

Tuan Yang di-Pertua, keanggotaan anggota lembaga pengarah biarlah pula mereka yang memahami dunia pendidikan. Walaupun kita tahu yang diambil dari kalangan mereka yang terlibat daripada Kementerian Pendidikan tetapi kita harapkan ahli lembaga pengarah ini biarlah mereka yang tahu tentang denyut nadi dan juga permasalahan yang berlaku di peringkat sekolah yang juga dialami oleh guru-guru di sana. Kita tidak hendak mereka hanya bersifat teori dan membuat pelbagai teori, membuat pelbagai dasar sedangkan benda itu tidak turun di peringkat bawah dan mereka tidak faham mengenai dunia pendidikan sana. Kalau boleh biarlah mereka yang terlibat ini merupakan mereka daripada *rank and file* dengan izin barulah mereka ini tahu tentang suara dan masalah guru serta untuk mendapat menjaga kebajikan guru.

■1210

Oleh kerana itu, bidang kuasa Ahli Lembaga Yayasan Guru ini adalah untuk melabur dan berniaga. Biarlah lantik mereka yang memang ada kepakaran. Kita tidak mahu mereka yang dilantik itu tadi tidak pandai apa, yang mereka pandai lobi projek. Mereka hanyalah mengambil 10% ataupun mengambil keuntungan di atas angin sahaja. Tokoh-tokoh seperti mana Tan Sri Muhammad Ali Hashim, bekas Johor Corporation. Biarlah mungkin boleh lantik salah seorang untuk menganggotai bahagian pelaburan ini kerana beliau terbukti dan teruji dalam konteks ini.

Bantuan guaman perlu juga diberikan kepada guru yang disaman oleh ibu bapa dan juga murid-murid kerana sedangkan guru-guru ini tidak ada matlamat yang lain melainkan untuk hendak tengok anak-anak murid jadi baik. Akan tetapi zaman hari ini kita tengok kadang-kadang ada guru yang disaman kerana mereka membuat tindakan-tindakan ataupun untuk mendidik anak-anak ini untuk menjadi baik. Sedangkan apa yang mereka lakukan tadi telah disaman oleh murid-murid dan juga ibu bapa menyebabkan kadang-kadang mereka mengalami trauma. Akhirnya mereka mengambil sikap biarlah mereka mengajar sahaja, habiskan *syllabus*, asalkan anak murid hendak jadi apa pun mereka tidak kisah. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tebrau.

12.11 tgh.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk berbahas mengenai Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya adalah seorang bekas pendidik dan juga merupakan seorang yang pernah mencarum KWSG. Jadi KWSG ini sebenarnya merupakan sebuah kumpulan wang simpanan yang telah ditubuhkan pada tahun 1962 berlandaskan seksyen 117 Akta Pelajaran 1961 yang tertakluk di bawah peraturan Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru 1961.

Antara lainnya KWSG bertujuan sebagai sebuah tabung persaraan khusus bagi kalangan guru yang sebelumnya bukan bertaraf kakitangan kerajaan. Dia bukan macam sekarang. Sekarang kita semua adalah kakitangan kerajaan tetapi pada masa saya masuk ke perkhidmatan perguruan, kami bukanlah kakitangan kerajaan. Oleh demikian, tidak bertaraf berpencen juga.

Penubuhan KWSG bermatlamat untuk menjaga kepentingan dan memberi faedah kepada guru-guru yang bernaung di bawah Skim Perkhidmatan Guru-guru Dipersatukan atau *Unified Teaching Service* (UTS). Kewujudan KWSG adalah untuk memenuhi pewujudan sebuah tabung persaraan khusus untuk guru-guru UTS. Ia berfungsi seperti amalan yang dilaksanakan oleh KWSP iaitu menerima caruman ahli dan melaburkan wang caruman tersebut bersesuaian dengan undang-undang bagi pelaburan kumpulan wang amanah mengikut *Trustee Ordinance 1949*, bertujuan untuk menjana pulangan keuntungan untuk diberikan sebagai faedah kepada ahlinya melalui pengisytiharan dividen tahunan.

Pada ketika itu, ahli-ahli perlu membuat caruman bulanan sekitar 6% daripada gaji masing-masing. Lanjutan pelaksanaan Skim Gaji Aziz yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Diraja Aziz pada tahun 1968, guru-guru diletakkan di bawah skim perkhidmatan yang disatukan serta bertaraf kakitangan kerajaan dan berpencen. Kebanyakan pencarum KWSG mula menghentikan caruman mereka pada tahun 1972 dan tahun-tahun berikutnya, kecuali kira-kira 2,000 orang guru yang memilih untuk tidak menyertai Skim Gaji Aziz.

Mereka yang memilih untuk tidak masuk merupakan guru-guru yang telah lama berkhidmat dan kalau mereka masuk ke skim itu, bahagian yang dicarum oleh kerajaan akan ditarik balik. Jadi pada mereka, mereka rasa mereka rugi. Oleh itu mereka memilih untuk tidak masuk menjadi kakitangan kerajaan.

Di peringkat awal penubuhan KWSG, jumlah pencarum adalah seramai 5,767 orang dan semua urusan yang berkaitan kewangan dan perakaunan telah ditadbir oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja memandangkan KWSG masih kekurangan pengalaman dalam menguruskan akaun caruman berbanding KWSP yang pada ketika itu sudah mengalami pengalaman pengurusan akaun caruman selama 10 tahun.

Walau bagaimanapun mulai 1 Januari 1998, kakitangan KWSG yang dilantik oleh Lembaga Pengarah KWSG telah mengambil alih keseluruhan pengurusan pentadbiran dan perakaunan KWSG. Pada ketika itu, jumlah penjarum KWSG meningkat kepada 63,641 orang dan nilai keseluruhan aset berjumlah RM72 juta. Pada tahun 1972, telah diperkenalkan Opsyen Aziz yang ditawarkan kepada semua guru di bawah Skim Guru-guru Dipersatukan. Hasilnya, sebahagian besar guru telah memilih Opsyen Aziz dan menjadi guru kerajaan sepenuhnya. Hasil daripada peristiwa tersebut, perubahan drastik telah berlaku di mana saiz kakitangan KWSG telah dikurangkan dan diserap sebagai kakitangan kerajaan. KWSG pula telah diletakkan di bawah pentadbiran Bahagian Pencen Jabatan Perkhidmatan Awam.

Pada 1 September 1997, pentadbiran KWSG telah dipindahkan di bawah pentadbiran Bahagian Kewangan Kementerian Pendidikan Malaysia. Bermula daripada tarikh itu, operasi KWSG dijalankan oleh kakitangan sokongan yang dipinjamkan dari Bahagian Kewangan Kementerian Pendidikan Malaysia sehingga hari ini. Pada masa sekarang, tiada lagi penjarum aktif yang mencarum dengan KWSG.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ayer Hitam bangun. Ya, sila.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau kerana membenarkan saya mencelah. Saya memang tertarik dengan hujah-hujah Yang Berhormat tadi sebagai bekas pendidik. Banyak pengalaman dan juga sejarah yang telah diperihalkan oleh Yang Berhormat tadi.

Saya ada satu soalan hendak diajukan kepada Yang Berhormat sebagai bekas pendidik. Banyak masalah yang berlaku di mana dalam tempoh peralihan tahun 70-an, tahun 80-an yang mana guru telah diserap ke dalam sistem kita tetapi apabila pencen, mereka hanya mendapat pencen yang sangat-sangat rendah. Apa yang saya tahu, ada kes hanya mendapat RM400 sahaja. Mereka telah puas merayu dengan SPA dan SPP tetapi nampaknya macam bola ditendang ke sana ke sini. Saya difahamkan kumpulan ini dinamakan SRC (5) di mana mereka masa itu kurang layak selepas diletakkan untuk latihan bahasa Malaysia. Oleh kerana tempoh pelantikan itu, mereka tidak letak pada tarikh yang betul, maka mereka tidak mendapat cari pegawai dulu. Sekarang sudah berusia 75 tahun, mereka ini hidup dalam keadaan yang susah.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, dengan adanya Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini, apakah bantuan yang boleh kita berikan?

Kedua, apakah Yang Berhormat sebagai bekas pendidik bersetuju di mana kes-kes seumpama ini - saya difahamkan Kohot itu ada 100 orang dan hampir lebih 90 orang sudah meninggal. Tinggal beberapa orang sahaja dan usia mereka sudah lebih 70 tahun. Apakah bantuan yang sepatutnya kerajaan bagi di atas nama mungkin *ex-gratia payment* kepada mereka memandangkan mereka telah berkhidmat lebih daripada 30 tahun. Ini adalah kumpulan SRC (5). Terima kasih.

■1220

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Ayer Hitam. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Ayer Hitam dan saya minta bahawa ucapan beliau dimasukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya juga.

Saya bersetuju, pada masa itu ada banyak syarat. Misalnya kalau hendak jadi kakitangan kerajaan mesti ada kredit dalam Bahasa Malaysia dan ada cikgu-cikgu yang sudah lanjut usianya memang sukar sedikit hendak dapatkan kredit. Jadi saya juga bersetuju bahawa mungkin kita kena ambil peluang ini tengok balik kes-kes seperti itu. Kalau mereka sudah diberikan pencen yang tidak setimpal dengan perkhidmatan mereka, mungkin ini masanya. Saya percaya jumlah wang yang terlibat bukan besar sangat. Jadi sepatutnya mereka diberikan pengiktirafan atas perkhidmatan mereka selama itu.

Tuan Yang di-Pertua, jadi pada masa sekarang tiada lagi penjarum aktif yang mencarum dengan KWSG. Saya merupakan salah seorang yang saya pun sudah bersara lebih sepuluh tahun. Jadi mereka yang memilih untuk terus mencarum KWSG pada masa itu adalah semua orang lebih tua daripada saya. Orang yang lebih lama berkhidmat di perkhidmatan pelajaran dengan saya. Jadi saya pun sudah bersara lebih sepuluh tahun memang tidak ada lagilah penjarum yang aktif.

Namun demikian, pengurusan KWSG perlu diteruskan sehingga semua liabiliti KWSG kepada penjarum telah dilunaskan sama ada dengan membuat pembayaran mengikut tuntutan daripada penjarum atau kepada badan yang dibenarkan. Semua penjarum KWSG telah mencapai umur persaraan dan layak mengeluarkan caruman.

Semasa sambutan Hari Guru 2007 di Johor Bahru, mantan Perdana Menteri Malaysia, Yang Berbahagia Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi telah mengumumkan penubuhan Yayasan Guru Tun Hussien Onn bagi menggantikan KWSG. Ini bertepatan dengan inspirasi Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memartabatkan profesion perguruan dan menjaga kebajikan guru. Pada 25 Ogos 2010, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan penubuhan Yayasan Guru Tun Hussien Onn dan pembubaran KWSG. Maka pada hari ini Rang Undang-Undang Yayasan Guru Tun Hussien Onn 2014 dibaca kali yang kedua untuk dipertimbangkan di Parlimen Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Allahyarham Tun Hussien Onn sentiasa dalam kenangan kita sebagai Baba Perpaduan. Allahyarham sebenarnya juga merupakan Menteri Pelajaran yang kedua yang berkhidmat pada tahun 1970 hingga 1973 dalam sejarah Malaysia. Tidak boleh dinafikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang berwawasan itu memang sedar tentang kepentingan pendidikan terhadap pembangunan insan dan negara. Ini terbukti daripada hakikat bahawa Kementerian Pendidikan saban tahun diberikan peruntukan yang paling banyak antara semua kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Yayasan Guru Tun Hussien Onn akan mengambil alih aset dua entiti yang bertujuan serupa iaitu untuk membantu para warga pendidik

Malaysia. Dua entiti itu adalah KWSG dan juga Yayasan Guru Malaysia Berhad. Adalah dipercayai bahawa penubuhan Yayasan Guru Tun Hussien Onn akan memperhebatkan lagi usaha menjaga kepentingan para warga pendidik serta pendidikan anak-anak mereka.

Bantuan kewangan untuk para guru dan anak-anak mereka melanjutkan pelajaran, cucu-cucu mereka khususnya yang pernah mencarum ke KWSG juga perlu diberikan pertimbangan jua. Saya buat cadangan ini oleh kerana seperti saya sudah kata, orang yang pernah mencarum kepada KWSG ini sekarang sudah berusia lanjut. Tidak ada yang saya ingat ramai yang lebih muda daripada saya. Jadi saya ingat anak-anak mereka semua sudah habis *tertiary education*. Mungkin orang itu yang sudah mencarum haruslah diberikan pertimbangan khas supaya cucu-cucu mereka juga diberikan pertimbangan.

Negara kita, selain daripada Hari Polis dan Hari Pahlawan, hanya guru sahaja ada hari khas. Kita tidak ada 'Hari Doktor', 'Hari *Engineer*', tidak ada 'Hari Akauntan' dan sebagainya. Akan tetapi kita ada sambut Hari Guru pada setiap 16 Mei. Ini membuktikan bahawa pimpinan negara kita mengiktiraf perguruan sebagai satu profesion yang harus disanjung tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan orang profesional ada gelaran tertentu di hadapan nama mereka masing-masing, contohnya ada 'Dr.' bagi doktor, ada 'Ir.' bagi *engineer*, ada 'Ar.' bagi arkitek dan sebagainya. Saya cadangkan bahawa kita ada 'Tr.' bagi cikgu untuk *teacher*. Ini akan menaikkan imej para guru pada mata orang awam atau masyarakat. Jadi saya rasa selepas itu mungkin cikgu Ahmad, cikgu Chong, cikgu Samy ada gelaran Tr. Ahmad, Tr. Chong dan Tr. Samy.

Saya penuh keyakinan gelaran rasmi tersebut akan menjadikan orang ramai dan para pendidik sendiri sentiasa sedar tentang status istimewa dan profesional mereka. Ini salah satu sebabnya saya membuat cadangan ini. Kalau ada 'Tr.' di depan mereka, mereka akan sentiasa ingat mereka adalah guru, mereka adalah pendidik dan mereka harus bertindak lebih profesional. Maka secara langsung ataupun tidak langsung, gelaran tersebut akan merangsang para pendidik dan memperingatkan mereka sentiasa bertindak secara profesional.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 5 Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussien Onn menyentuh fungsi yayasan termasuklah:

- (i) membantu kementerian yang bertanggungjawab bagi pendidikan mengadakan aktiviti yang meningkatkan pembangunan profesionalisme guru; dan
- (ii) membantu mana-mana pihak menjalankan penyelidikan ke arah meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Saya amat bersetuju dengan fungsi-fungsi tersebut. Namun demikian, tidak boleh dinafikan bahawa setakat ini para pendidik tidak pernah digalakkan untuk membuat *research* ataupun penyelidikan untuk memajukan dan memodenkan pedagogi psikologi pengurusan pendidikan dan sebagainya yang penting untuk pembangunan profesionalisme perguruan.

Saya mengaku bahawa para pendidik sering didedahkan kursus-kursus demi mempertingkatkan kemahiran pengajaran mereka. Namun demikian, saya tidak yakin bahawa pensyarah-pensyarah yang tidak masuk mengajar di dalam bilik-bilik darjah lebih mahir daripada guru-guru yang mengajar di bilik-bilik darjah di saban hari. Ini pandangan saya. Ramai pensyarah perguruan hanya ada teori sahaja. Mereka tidak tahu situasi yang sebenarnya dalam bilik darjah, masalah yang dihadapi oleh guru. Jadi apa yang mereka ajar kepada guru tidak semestinya praktikal.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan para pensyarah institusi-institusi perguruan dikehendaki balik mengajar di sekolah-sekolah biasa sekurang-kurangnya bagi tempoh setahun ataupun setiap lima tahun. Biar mereka ada pengalaman di dalam bilik darjah supaya mereka tahu masalah yang mereka akan hadapi. Jadi, saya ingat ini lebih praktikal daripada hanya teori sahaja. Jadi ini adalah untuk memastikan para pensyarah benar-benar faham masalah P&P di dalam bilik darjah dan mempunyai pengalaman yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussien Onn, saya ingin membangkitkan beberapa isu yang perlu perhatian kerajaan.

■1230

Pertama, walaupun lima fungsi Yayasan tersebut di perenggan lima rang undang-undang tersebut, adakah kerajaan mempunyai lebih spesifik apa yang yayasan itu akan buat pada peringkat awal dan dalam tempoh lima tahun pertama agar Yayasan tersebut ada hala tuju yang telah ditentukan mulai dari hari pertama operasinya.

Kedua, selain daripada memberikan bantuan dan menjaga kebajikan para guru serta anak-anak mereka, apakah *roadmap* ataupun program untuk mencapai sasaran jangka masa pendek dan panjang? Ketiga, antara kuasa-kuasa Yayasan yang termaktub dalam klausa 6(2)(a) termasuklah kuasa untuk membuat pelaburan dalam syarikat yang ditubuhkan oleh Yayasan bagi maksud menjana pendapatan Yayasan dan menerima pulangan pelaburan syarikat. Menurut laporan tahunan KWSG selama ini KWSG memang memperoleh pendapatan daripada pelaburannya. Pada tahun 2012, pendapatan tersebut meningkat 1.85% kepada RM17.8 *million*. Di samping itu, penerimaan sivil dari Wisma KWSG pun mencatat RM5.88 *million* pada tahun 2012.

Maka soalnya ialah adakah Yayasan Guru yang baru ini akan berterusan dengan pelaburan-pelaburan tersebut atau membuat *roadmap* pelaburan yang baru, yang lebih dinamik dan lebih agresif. Memandangkan setiap pelaburan ada risikonya dan selalunya pulangannya lebih besar datang daripada pelaburan yang berisiko yang lebih tinggi maka apakah garis panduan yayasan untuk mengimbangkan pendapatan dan risiko. Saya mencadangkan Yayasan Guru Tun Hussien Onn harus diberikan garis panduan yang jelas demi memastikan nilai asetnya sentiasa bertambah.

Jadi berkenaan dengan ini, saya tidak berapa bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Bukit Gantang tadi bahawa ahli-ahli lembaga ini semuanya datang daripada pendidik.

Saya bercakap terus terang, daripada pemerhatian dan pengalaman saya, ramai guru yang bersara cuba berniaga tetapi ramai yang gagal. Jadi, oleh sebab Yayasan ini ada banyak unsur perniagaan, kita juga harus ada orang yang ada pengalaman dari segi perniagaan, bukan semua guru sahaja. Kalau tidak silap saya dahulu kita pernah ada bank guru yang juga tidak berjaya oleh sebab kebanyakan ahli lembaga pengarah datang daripada pendidik yang tidak tahu bagaimana hendak membuat *business*.

Keempat Tuan Yang di-Pertua, mengenai kuasa untuk meminjam yang termaktub dalam klausa 29, saya ingin bertanya tentang keperluan untuk membuat pinjaman memandangkan KWSP mempunyai aset yang tertentu untuk pelaburan, adakah ini perlu? Apakah jaminan kuasa meminjam tersebut tidak menyebabkan kesan negatif terhadap aset Yayasan? Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai klausa 45, berterusan pekerja. Ini saya ikut daripada rang undang-undang ini. *“Mana-mana orang yang diambil berkhidmat sebagai pekerja Kumpulan Wang Dibubarkan sebaik sebelum hari ditetapkan boleh terus berkhidmat sebagai pekerja yayasan seolah-olah orang itu telah dilantik di bawah seksyen 21 akta ini.”*

Saya mencadangkan sekiranya ada pekerja yang tidak ingin meneruskan perkhidmatan, Yayasan seharusnya menawarkan gratuiti yang setimpal dengan tempoh perkhidmatan, sumbangan dan pengorbanan mereka. Jadi dengan pandangan tersebut, saya dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussien Onn.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bukit Bendera.

12.34 tgh.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussien Onn. Sememangnya kebajikan guru harus diberikan keutamaan sekiranya kita ingin memastikan sistem pendidikan negara dapat menghasilkan modal insan yang berpengetahuan tinggi dan berdaya saing bagi memacu pembangunan negara menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi menjelang akhir dekad ini. Jadi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan sistem pendidikan negara kita. Menurut pengumuman Menteri Pendidikan I pada bulan Mac yang lepas, peperiksaan PMR akan dimansuhkan mulai tahun ini dan akan digantikan dengan PT3. Langkah ini adalah sebahagian daripada anjakan Kementerian Pendidikan Malaysia format PBS ataupun Pentaksiran Berasaskan Sekolah.

Yang Berhormat Menteri juga menyatakan bahawa PT3 ini akan digunakan sebagai asas menentukan kemasukan murid ke Tingkatan Empat termasuk di sekolah SBP, MRSM, sekolah agama, teknik, kolej vokasional dan sebagainya. Di bawah PT3 ini pelbagai instrumen akan digunakan untuk menilai prestasi murid seperti ujian amali, ujian bertulis, kajian kes, projek dan lain-lain lagi bergantung kepada mata pelajaran yang terlibat. Tidak seperti PMR dahulunya yang merupakan sistem peperiksaan berpusat, PT3 ini akan dikendalikan oleh pihak sekolah yang

bertanggungjawab untuk mentadbir, mentaksirkan, memberi skor berpandukan panduan yang disediakan oleh lembaga peperiksaan. Tambahan daripada itu pentaksir luar akan dilantik oleh lembaga peperiksaan bagi melakukan moderasi dan verifikasi terhadap keputusan murid dan akhir sekali, ujian psikometri juga diuar-uarkan sebagai salah satu kaedah untuk memastikan pemilihan penempatan murid ke sekolah-sekolah tersebut.

Jelas sistem PT3 ini adalah satu perubahan yang ketara berbanding dengan peperiksaan PMR dahulu. Namun, saya ingin bertanya sama ada pelaksanaan PT3 ini sudah pun dikaji dan difikirkan secara masak. Ini kerana saya mendapat maklumat daripada pelbagai pihak khususnya guru dan juga pentadbir sekolah bahawa sehingga sekarang masih terdapat banyak kekeliruan mengenai PT3 yang bakal dilaksanakan tahun ini. Sebagai contoh, format muktamad PT3 ini belum lagi disampaikan oleh Lembaga Peperiksaan kepada pihak sekolah dan tenaga pengajar. Guru-guru Tingkatan Tiga di seluruh Malaysia juga masih belum diberikan taklimat penuh. Sesetengah sekolah pula tidak dapat membuat persiapan bagi kemasukan murid ke tingkatan empat pada tahun depan akibat tidak memahami proses dan prosedur sistem penilaian baru ini. Tambahan pula saya juga difahamkan bahawa buku-buku teks yang baru pun belum disiapkan lagi akibat penyemakan semula sukatan pelajaran yang baru ini gagal dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kini sesi sekolah pun sudah memasuki separuh masa atau separuh tahun kedua namun para murid dan guru Tingkatan Tiga di serata negara masih berada di dalam kegelapan mengenai PT3 ini. Dengan hanya beberapa bulan lagi yang tinggal bagaimanakah sekolah boleh memastikan murid akan bersedia untuk menghadapi pentaksiran baru pada akhir tahun ini. Pada masa yang sama adakah guru dan juga pentadbiran sekolah bersedia untuk melaksanakan sistem baru yang belum lagi diketahuinya? Bagaimana pula dengan persiapan sekolah-sekolah dalam kemasukan enrolmen murid Tingkatan Empat tahun depan? Jadi nampaknya seluruh *batch* ataupun kelompok murid Tingkatan Tiga tahun ini bakal dikorbankan kerana pelaksanaan PT3 yang sungguh mengelirukan dan mengecewakan ini. Persoalannya, siapakah yang bertanggungjawab dan apakah tindakan kementerian untuk menangani masalah ini dengan segera?

Tuan Yang di-Pertua, sistem pendidikan negara kita sedang mengalami pelbagai perubahan selain daripada peralihan daripada peperiksaan berpusat kepada Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah, buku teks digital juga telah diperkenalkan pada awal tahun ini oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan II. Menurut laporan media, penggunaan buku teks digital yang mengandungi teks grafik serta ciri *flip* akan dilaksanakan secara berperingkat di semua sekolah di seluruh negara mulai tahun ini. Inisiatif baru ini yang ditawarkan sebagai alternatif kepada buku teks fizikal adalah sebahagian daripada projek infrastruktur ICT mega yang dianugerahkan kepada Syarikat YTL. Antara projek-projek kementerian yang sedang dilaksanakan oleh YTL adalah pemasangan jalur lebar 4G di kesemua 10,000 buah sekolah di bawah Program 1BestariNet, penyediaan Pelantar Pelajaran Maya, VLE ataupun *Virtual Learning Environment*

yang merangkumi buku teks digital ini serta pembekalan komputer riba Chromebook kepada sekolah-sekolah.

■1240

Di sini saya ingin menimbulkan beberapa persoalan mengenai pelaksanaan projek-projek tersebut. Pertama sekali, pendekatan yang digunakan adalah *one size fit all* ataupun satu saiz untuk semua. Ini pada khidmat saya merupakan pendekatan yang tidak intuitif dan langsung tidak mengambil kira faktor-faktor serta perbezaan keadaan setempat yang sangat ketara antara satu kawasan dengan kawasan yang lain. Sebagai contoh, cuba bandingkan sebuah sekolah di kawasan pedalaman Malaysia timur dengan sekolah bandar seperti Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara. Perbezaannya bukan sekadar dari segi infrastruktur, kualiti fakulti, penglibatan ibu bapa, malah juga dari segi latar belakang sosioekonomi murid serta kemahiran mereka dalam menggunakan kemudahan ICT.

Jadi penggunaan VLE ataupun buku teks digital tidak akan mengurangkan kesenjangan antara murid bandar dan luar bandar, malah ia mungkin akan meluaskan lagi jurang tersebut. Ini kerana kemudahan ICT sudah tentu akan dimanfaatkan dengan lebih mendalam oleh guru-guru dan murid-murid di kawasan bandar yang lebih mahir dan juga biasa dengan peranti-peranti IT dan sebagainya. Hakikat ini juga diakui oleh Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang menyatakan bahawa pelaburan sebanyak RM6 bilion dalam prasarana IT sejak tahun 1999 sehingga tahun 2010 tidak menampakkan hasil yang baik dari segi kualiti pembelajaran dan prestasi murid.

Walaupun perbelanjaan ICT dalam bidang pendidikan adalah sangat tinggi, sebuah kajian oleh kementerian pada tahun 2010 telah mendapati bahawa penggunaan ICT dalam kalangan guru dan murid adalah sangat terhad. Menurut laporan tersebut, hanya kurang lebih 80% guru yang menggunakan ICT sebanyak satu jam seminggu. Manakala laporan UNESCO pada tahun 2012 mendedahkan bahawa tidak ada bukti yang menunjukkan penggunaan ICT berjaya menyemai daya kreativiti, penyelesaian masalah, pemikiran kritis atau kemahiran berkomunikasi dalam kalangan murid.

Salah satu sebab yang menjelaskan kegagalan infrastruktur ICT untuk meningkatkan kualiti pembelajaran adalah kekurangan latihan dan perkhidmatan sokongan kepada para guru. Justeru prasarana canggih seperti makmal komputer, makmal sains dan sebagainya hanya boleh dimanfaatkan sepenuhnya sekiranya guru dan murid fasih dan berminat dengan kemudahan tersebut. Sekiranya tidak, ia akan menjadi pembaziran besar semata-mata seperti mana pelaburan RM2.6 bilion dalam perkakasan PPSMI juga tidak digunakan dengan sepenuhnya.

Oleh itu, walaupun saya percaya bahawa penggunaan teknologi seperti VLE dan buku teks digital adalah pembaharuan yang dapat memperkayakan pengalaman pendidikan murid dan guru. Ia hanya boleh berjaya sekiranya sekolah dan guru kita bersedia untuk melaksanakannya dengan betul. Pendapat ini adalah selaras dengan laporan-laporan antarabangsa seperti daripada badan pemantau pendidikan *Office for Standards in Education, Children's Services and*

Skills (Ofsted) di United Kingdom. Menurut hasil kajian mereka, sistem pendidikan maya tidak semestinya meningkatkan prestasi murid. Sebaliknya, keberhasilannya adalah sangat bergantung kepada sikap dan kemahiran guru yang mengajar di mana guru terlatih dan bersikap terbuka untuk mengubah kaedah pengajaran mereka, maka barulah peningkatan dapat dicapai.

Oleh itu, kita berbalik kepada persoalan kebolehpayaan guru yang berkhidmat dalam sekolah-sekolah kita. Adakah mereka benar-benar berupaya untuk memanfaatkan sistem yang canggih ini? Sekiranya tidak, apakah semua projek ICT atau VLE ini menjadi gajah putih dan pembaziran yang besar?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Kegagalan program PPSMI yang menelan belanja sebanyak RM3.2 bilion secara keseluruhannya harus dijadikan sebagai satu peringatan. Yang Berhormat Sepang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Bendera. Yang Berhormat Bukit Bendera, saya ingin bertanyakan dua persoalan. Pertamanya berdasarkan apa yang dikatakan Yang Berhormat Bukit Bendera tadi, jelas bahawa ada satu masalah di sini iaitu kerajaan dilihat tidak melihat kepada apakah prioriti, keutamaan yang perlu dikedepankan dalam isu pendidikan ini.

Kita telah menyaksikan bagaimana didedahkan oleh Yang Berhormat Bukit Bendera tadi bahawa program-program menjadi gajah putih. Kita melihat perbelanjaan dibelanjakan dengan begitu banyak dan kita tahu tahun 2014 ini, kerajaan telah memperuntukkan RM54 bilion dari segi bajet yang tertinggi bagi digunakan untuk pendidikan. Jadi apa yang dilihat itu, pelajar ini masalahnya jurang itu, yang pelajar-pelajar di luar bandar ini, guru-guru menghadapi masalah untuk hendak galakkan mereka belajar, bukan lagi untuk hendak fikir berkenaan penggunaan buku digital. Untuk mereka pergi sekolah pun satu masalah. Untuk mereka hendak belajar itu pun satu masalah.

Jadi kalau kita habiskan wang begitu banyak untuk pelaburan dalam contohnya projek buku teks digital ini dalam keadaan prioriti sebenar tidak di *address*, setuju tidak dengan saya bahawa ini menunjukkan bahawa kita melihat model-model baru ataupun produk-produk baru yang diperkenalkan dalam sistem pendidikan ini menjadikan pelajar sebagai tikus makmal, bahan uji kaji bukan kerana hendak buat semata-mata, selepas itu hendak menaiktarafkan sistem pendidikan. Akan tetapi seperti mana yang dikatakan oleh Ungku Aziz pada suatu masa dahulu, dilihat sistem pendidikan ini seperti tikus tebuk labu. Maknanya sini bocor, sini bocor, kalau sini bocor tebuk lain pula. Maknanya sentiasa buat eksperimen baru dan sentiasa membelanjakan wang rakyat untuk eksperimen baru itu, tetapi hasilnya sering negatif. Terima kasih. Minta pandangan.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Memang betul apa yang dikatakan Yang Berhormat Sepang. Isu-isu seperti kualiti guru,

infrastruktur asas, saya rasa harus diberi keutamaan sebelum projek-projek mega yang menelan belanja duit dan juga boleh dipersoalkan keberhasilannya.

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan bahawa sekolah luar bandar tidak harus diberikan perhatian dan pelaburan yang sama, sebaliknya saya percaya bahawa keperluan setiap kawasan adalah berlainan dan kementerian harus memberikan tumpuan yang berbeza untuk memenuhi keperluan murid setempat. Sebagai contoh, laporan PPPM juga mendedahkan bahawa setakat tahun 2011, kurang lebih 300 sekolah masih tidak mempunyai bekalan elektrik 24 jam. Sementara 1,500 sekolah tidak dilengkapi dengan kemudahan air bersih.

Dari segi prasarana ICT dan sains pula, lebih kurang 2,700 sekolah tidak mempunyai makmal komputer, manakala 2,000 sekolah tidak mempunyai makmal sains yang beroperasi penuh. Sedangkan masalah infrastruktur asas masih belum ditangani, bagaimanakah mungkin sistem canggih seperti jalur lebar 4G, buku teks digital dan sebagainya dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Tidakkah patut lebih perhatian diberikan kepada usaha menyempurnakan prasarana asas dahulu sebelum berganjak kepada sistem canggih terbaru?

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu masalah yang menggugat daya saing modal insan kita adalah tahap penguasaan bahasa Inggeris. Jika dahulu kita boleh berbangga dengan graduan tempatan yang fasih bertutur dan berkomunikasi dalam bahasa yang menjadi lingua franca dunia dalam bidang ilmu dan perdagangan, kebelakangan ini kelemahan penguasaan bahasa Inggeris adalah semakin menyerlah. Sebagai contoh, hanya 28% murid tingkatan lima berjaya mendapat kredit minimum dalam kertas SPM tahun 2011 apabila diukur dengan standard Cambridge 1119. Keputusan ini tidak mengejutkan memandangkan kementerian sendiri pernah mengakui bahawa dua per tiga daripada 70,000 guru bahasa Inggeris di negara kita gagal mencapai tahap kecekapan yang sepatutnya. Pada masa yang sama, tahap penguasaan bahasa Inggeris yang rendah dalam kalangan graduan telah dikenal pasti sebagai antara lima masalah utama yang dihadapi oleh para majikan di negara kita.

Justeru, kita mengiktiraf bahawa kementerian telah melaksanakan beberapa program untuk memperkukuhkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan guru dan murid. Antara usahanya adalah Program Penutur Jati Bahasa Inggeris (PPJBI) yang dijalankan dari tahun 2010 sehingga tahun 2013 dan kini dilanjutkan selama dua tahun lagi sehingga tahun 2015. Dalam program tersebut, tiga syarikat perunding telah dilantik untuk menyediakan 360 orang mentor penutur jati bahasa Inggeris asing yang kemudiannya dihantar ke sekolah rendah terpilih di serata negara untuk membimbing sekolah bahasa Inggeris tempatan.

Jumlah kos bagi program ini adalah kurang lebih setengah bilion ringgit dalam tempoh lima tahun atau bersamaan dengan RM90 juta setahun atau RM21,000 sebulan bagi setiap seorang mentor penutur jati bahasa Inggeris. Menurut jawapan kementerian yang pernah saya terima, sepatutnya 7,500 orang guru di dalam 1,800 buah sekolah rendah sudah pun terlatih dalam tempoh tiga tahun yang lalu.

■1250

Walau bagaimanapun, pelaburan yang besar ini tampaknya tidak mendatangkan hasil yang setimpal. Berdasarkan keputusan UPSR tahun lepas, didapati bahawa keputusan kertas Bahasa Inggeris telah mengalami kemerosotan di mana hanya 74.4% daripada calon sekolah kebangsaan berjaya mencapai sekurang-kurangnya gred C penurunan berbanding tahun sebelumnya. Malah bilangan calon yang mendapat gred A dan B juga telah menurun. Pada masa yang sama, gred purata mata pelajaran untuk kertas tersebut juga merosot.

Justeru, selepas tiga tahun pelaksanaan dan perbelanjaan yang begitu besar, bagaimanakah mungkin penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah rendah kita boleh merosot? Dalam pada itu, program ini telah dilanjutkan selama dua tahun lagi dengan kos tambahan sebanyak RM184 juta dengan terma yang sama bagi ketiga-tiga syarikat perunding. Dalam mesyuarat Parlimen yang lalu, saya telah mengajukan soalan mengenai rasional lanjutan PPJBI ini memandangkan penurunan prestasi kertas Bahasa Inggeris dalam UPSR telah menurun.

Dalam maklum balas yang saya terima, Timbalan Menteri Pendidikan II mengakui bahawa memang terdapat kemerosotan namun menyatakan bahawa PPJBI ini ialah program jangka masa panjang. Saya setuju dengan Timbalan Menteri bahawa program pendidikan seharusnya bersifat jangka panjang. Walau bagaimanapun, saya tidak boleh menerima hakikat bahawa setelah beratus juta ringgit dibelanjakan dalam tiga tahun pelaksanaan program ini, tiada sebarang peningkatan yang dicapai daripada segi prestasi murid.

Dalam mempertahankan keputusan kementerian untuk melanjutkan program tersebut, Timbalan Menteri II telah menyatakan bahawa tahap penguasaan guru bahasa Inggeris telah meningkat. Menurut penilaian yang dibuat oleh mentor penutur jati ke atas guru bimbingan mereka, bilangan guru yang berada pada tahap *basic level* telah berkurangan manakala bilangan guru pada tahap *profession level* telah meningkat. Dengan kata lain, kejayaan yang diuar-uarkan ini adalah berdasarkan penilaian yang dibuat oleh mentor penutur jati daripada syarikat perunding sendiri.

Saya tahu pihak kementerian ingin mengamalkan sistem pentaksiran berasaskan sekolah tetapi saya meragui sama ada sistem pentaksiran berasaskan perunding ini adalah kaedah yang paling tepat untuk mengukur hasil yang dicapai. Pada saya walaupun program ini bertujuan untuk melatih guru, akhirnya kayu ukur kejayaan hendaklah berdasarkan kepada prestasi murid.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan kepada PPJBI ini kita juga dimaklumkan bahawa kementerian akan memulakan pengambilan tenaga pengajar bahasa Inggeris dari negara India juga. Di sini saya ingin bertanya sama ada program ini merupakan kesinambungan daripada PPJBI ataupun satu program baru? Pada masa yang sama, saya juga ingin tahu berapakah kos yang terlibat, tempoh kontrak yang dipersetujui serta adakah pengambilan guru bahasa Inggeris ini juga dilakukan melalui syarikat perunding. Selain daripada itu, siapakah sasaran bagi program

ini, apakah rasional dan kelebihan menggunakan guru dari India berbanding penutur jati dari negara Barat? Pohon mendapat perincian daripada pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, isu terakhir saya hendak bawa isu perbelanjaan. Komitmen kerajaan dari segi peruntukan kewangan yang diberikan kepada hal ehwal pendidikan adalah sangat tinggi. Untuk tahun ini, seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sepang, sebanyak RM54 bilion telah diperuntukkan untuk kementerian pendidikan. Angka ini bersamaan dengan 21% belanjawan negara dan lantas menjadikan Kementerian Pendidikan sebagai kementerian terbesar dari segi saiz belanjawan. Namun begitu, perbelanjaan yang besar ini seolah-olah tidak menghasilkan pulangan atas pelaburan ataupun ROI yang baik.

Apabila prestasi murid kita dalam penilaian antarabangsa seperti PISA dan TIMSS dan sebagainya sering menunjukkan pola yang makin merosot sehingga negara kita kini di tempatkan di kalangan negara-negara yang tercorot. Hal ini juga diakui oleh laporan PPPM yang menyatakan bahawa tahap perbelanjaan lebih tinggi tidak semestinya dikaitkan dengan keberhasilan yang lebih baik. Jelas, persoalan yang harus diberi perhatian bukanlah sama ada peruntukan pendidikan mencukupi atau tidak, tetapi sama ada peruntukan tersebut diuruskan dan dibelanjakan dengan baik, berhemah dan demi keberhasilan yang maksimum.

Saya sebentar tadi pun telah mempersoalkan perbelanjaan kerajaan dalam prasarana ICT, perkakasan komputer, buku teks digital dan juga lantikan syarikat perunding. Kini, saya ingin membawa perhatian Dewan kepada beberapa lawatan kerja ke luar negeri yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri selaku kapasitinya sebagai Menteri Pendidikan I. Menurut beberapa dokumen bocor yang disiarkan di dalam blog pemberi maklumat, Timbalan Perdana Menteri telah membuat lawatan kerja ke Dubai, United Arab Emirates dari 8 hingga 12 April 2014. Kononnya untuk menghadapi Gulf Education and Training Exhibition 2014.

Menurut kepada jadual perjalanan yang tidak dinafikan tetapi hanya disangkal oleh Pejabat Timbalan Perdana Menteri sebagai draf yang belum dimuktamadkan. Rombongan Timbalan Perdana Menteri telah menaiki pesawat khas ke Dubai di samping menginap di hotel mewah. Jumlah rombongan pula adalah seramai 17 orang. Daripada 17 orang ini, tujuh merupakan pengawal keselamatan. Jadi, kita pun tertanya sama ada Timbalan Perdana Menteri ini pergi bersidang kah pergi berperang? Juga dalam delegasi tersebut, empat pegawai khas, dua setiausaha politik, seorang setiausaha akhbar, seorang setiausaha sulit serta Timbalan Perdana Menteri sendiri dan isteri.

Selain daripada itu, jadual perjalanan tersebut juga menunjukkan bahawa urusan rasmi tidaklah begitu banyak berbanding program peribadi. Permainan golf serta acara-acara tidak rasmi yang melibatkan syarikat-syarikat besar seperti Ahmad Zaki Resources Berhad dan Eversendai Corporation. Pertama sekali, rakyat berhak untuk mengetahui apakah kos keseluruhan lawatan tersebut termasuk penggunaan pesawat khas, penginapan di Shangri-la Dubai untuk keseluruhan rombongan, perbelanjaan luar jangka serta kos lain yang ditanggung

oleh semua badan kerajaan termasuk Kementerian Pendidikan, Pejabat Timbalan Perdana Menteri, agensi-agensi seperti TalentCorp, Education Malaysia dan Tourism Malaysia.

Kedua, kerajaan harus menjawab apakah kewajaran menghantar delegasi seramai 17 orang untuk lawatan lima hari? Sudahlah ramai, tetapi lebih mengejutkan lagi apabila tujuh seperti saya kata tadi adalah merupakan pengawal keselamatan sahaja. Ketiga, sekiranya salah satu sebab utama lawatan tersebut adalah untuk menjalin hubungan dalam bidang pendidikan, kenapakah tidak ada seorang pun pegawai daripada Kementerian Pendidikan yang termasuk dalam rombongan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, menurut blog pemberi maklumat yang sama, lawatan kerja ke Dubai ini bukanlah kes terpencil. Pada tahun 2012, Timbalan Perdana Menteri pernah membuat lawatan yang serupa ke Gold Coast, Australia. Mengikut jadual perjalanan yang dibocorkan, lawatan dari 10 hingga 18 November 2012 telah bermula dengan dua hari di Melbourne di mana Timbalan Perdana Menteri telah merasmikan persidangan World Chinese Economic Forum namun selepas daripada itu, Timbalan Perdana Menteri dan rombongannya telah bergegas ke destinasi pelancongan utama Australia iaitu Gold Coast Brisbane selama empat hari dan lima malam.

Dalam empat hari penuh yang dihabiskan di Gold Coast, aktiviti Timbalan Perdana Menteri hanyalah sebanyak dua jam sehari secara purata.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Kebanyakan daripada aktiviti tersebut merupakan taklimat ringkas, majlis makan malam termasuk dengan ahli-ahli kelab UMNO.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Erm, cukuplah itu.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Okey, dah nak habis.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Jauh sangat menyimpang.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Sekejap?

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Sepanjang lawatan tersebut, rombongan telah menginap di Hotel Hilton Surfer's Paradise...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Saya rasa Yang Berhormat Bukit Bendera telah menaikkan satu isu yang penting tentang perbelanjaan. Kalau...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini saya tidak jemput lagi ini?

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Dia bagi laluan. Dah bagi laluan.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Akan tetapi, kena saya jemput dahulu.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Okey, okey. Dia bagi laluan.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bukit Bendera, sebenarnya saya juga mendapat dokumen yang sama tentang lawatan bekerja ke Gold Coast ini oleh Timbalan Perdana Menteri yang berjumlah 17 orang juga seperti lawatan ke Dubai. Seramai 17 orang ini termasuklah enam orang pengawal keselamatan, lima orang pegawai khas, dua setiausaha akhbar, seorang setiausaha politik, seorang setiausaha sulit dan termasuklah Timbalan Perdana Menteri dan isteri beliau sekali. Enam orang pengawal keselamatan, kalau pergi ke Dubai mungkin hendak perang, pergi ke Gold Coast untuk perang apa?

Seperti mana juga lawatan kerja ke Dubai, tiada seorang pun pegawai daripada kementerian yang mengikuti lawatan tersebut. Tiada *carrier civil servant*. Adakah ini bermakna Timbalan Perdana Menteri sendiri tidak mempercayai pegawai-pegawai kementerian ataupun adakah lawatan ini sekadar *company trip* untuk pegawai-pegawai pejabat beliau sahaja? Minta Timbalan Perdana Menteri jawab. Seperti ke Dubai, rombongan kali ini terbang menggunakan *special aircraft* ataupun pesawat khas. Apakah makna *special aircraft* ini? Adakah ia jet peribadi dan bagaimana semua ini membawa sumbangan kepada sektor pendidikan ataupun kepada negara secara amnya di masa penjawat awam dikenakan potongan elaun sampai RM50 tol pun kena potong. Di masa mereka kena ambil potongan elaun penerbangan, buat program sarapan pagi nasi lemak pun tidak dapat makan, di masa rakyat kena makan kangkung...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: ...Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dapat layanan begitu istimewa membelanjakan wang berjuta-juta ringgit untuk program lawatan sambil bekerja kah, bermain kah kita tidak tahu.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam dan saya pohon agar kementerian memberi penjelasan ya. Saya akan habiskan mengenai perbelanjaan ini. Hakikatnya Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup, pukul 1.00 dah.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: ...Okey. Tiada sesiapa yang menafikan bahawa pendidikan adalah bidang kritikal dan harus diberikan perhatian termasuk dari segi sumber dana. Namun, kerajaan perlu membelanjakan dengan benar-benar memfokuskan kepada perkara-perkara yang boleh membawa kepada kebaikan dan juga faedah dalam sistem pendidikan negara. Jadi, kerana itu ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam perbelanjaan pendidikan merupakan ciri-ciri yang sangat mustahak dan adalah menjadi harapan saya agar pihak kementerian dapat memberikan jawapan yang tepat dan bernas kepada semua soalan-soalan yang telah saya bangkitkan tadi. Dengan itu saya ucapkan sekian terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang dan ruang untuk berbahas...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai kita sambung jam 2.30 petang.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Baiklah Yang Berhormat, kita tangguhkan persidangan sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai untuk menyambung perbahasan.

2.32 ptg.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Kerana guru kita mendapat ilmu, kerana guru kita dapat ke universiti, kerana guru kita mencipta kejayaan. Jadi apabila kita mencipta kejayaan, guru dalam hatinya terasa sangat suka kerana baginya indah kejayaan yang sama. Jadi peranan guru dalam kehidupan kita semua adalah sangat penting.

Baru-baru ini saya jumpa dengan guru saya. Saya jumpa guru saya di *supermarket*, saya bagi tahu, *how are you Sir?* Dia terpinga-pinga dan melihat saya. Siapa kamu katanya? Dia tidak ingat sudah. Seorang guru, seorang cikgu sudah lupa anak murid, tetapi kita ingat cikgu kita. Sebab itu cikgu sangat-sangat penting. Saya percaya dalam Dewan ini ada banyak cikgu. Kebanyakan sahabat-sahabat saya dari Perak banyak cikgu. Keluarga saya pun cikgu, *my grandfather*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *was a teacher*. Ayah saya cikgu, mak saya cikgu, adik-adik saya cikgu. *Ish, ish*. Jadi cikgu memainkan peranan yang penting.

Cikgu atau guru adalah tunjang dalam sistem pembelajaran. Mereka ini adalah pelaksana dasar dan matlamat kurikulum yang dicipta oleh kerajaan dan mereka inilah golongan yang bertanggungjawab mendidik dan memimpin masyarakat. Dan menyemai khidmat bakti untuk pembangunan bangsa dan negara. Jadi cikgu jugalah, guru jugalah yang membina sahsiah pelajar-pelajar. Jadi kalau dululah dari masa kita awal-awal dalam kehidupan, guru memainkan peranan yang penting. Kira guru memang hebatlah. Kalau sebut guru itu kata orang boleh buat menantulah. Orang kata menantu kerja apa? Kerja guru. Oh! Baguslah. Begitu keadaan guru, penghormatan yang diberikan oleh guru.

Sewaktu tadi ada pembahas yang mengatakan guru perlu ada *title*, guru tidak perlu tidak ada *title*. Sebab kita panggil dia cikgu sampai dia mati. Kalau doktor, tidak ditulis Dr. Nya, orang sudah lupa dia doktor. Akan tetapi cikgu atau guru tanpa dengan *title* depan semua orang akan ingat dia cikgu sampai dia mati. Siapa yang mati? Cikgu yang mati. Nama pun sudah tidak ingat. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan bahawa fokus yang sangat penting kepada kebajikan guru. Sebab guru itu penting fokus kepada kebajikan supaya guru dapat melaksanakan tugas dengan sebaik-baiknya. Kita lihat kalau saya ambilkan contoh solatlah. Solat, sembahyang.

Sembahyang ini satu perkara yang sangat penting. Ia merupakan tiang agama. Runtuh solat, runtuh tiang agama. Maka usaha-usaha untuk memperkasakan, memperkuat kualiti solat itu sangat penting. Begitu juga kalau kita lihat kepada perpaduan. Tanpa perpaduan yang baik maka negara hendak pergi maju adalah merupakan satu perkara yang agak mustahil. Jadi usaha-usaha untuk memperkasakan, memperkuat perpaduan dalam sesebuah negara adalah perkara yang sangat penting. Jadi guru bukan sahaja memberikan ilmu dan kemahiran, malah guru menyuburkan minat, mengembangkan bakat dan kebolehan, membina daya pemikiran yang analitikal yang kritikal, yang kreatif dan inovatif.

Tuan Yang di-Pertua, guru dulu ibarat lilin membakar diri menerangi orang lain. Guru sekarang, gajinya besar. Banyak juga guru yang ada beberapa buah kereta di rumahnya. Ini kerana apabila suami dan isteri bekerja, mereka mempunyai pendapatan yang jauh lebih besar. Akan tetapi guru sekarang terpaksa mengharungi beban kerja yang tinggi. Boleh saya katakan macam hampas tebu. Tuan Yang di-Pertua, hampas tebu. Tebu apabila digelek untuk ambil air tebu, yang tinggalnya hampas. Diperah, diperah, diperah maka kering. Gaji besar bagus tetapi kerja yang sangat membebankan akan menyebabkan prestasi guru ini akan menurun.

Saya ingin menyatakan, menceritakan pengalaman saya sebagai seorang doktor selama hampir 30 tahun di klinik. Banyak guru yang datang jumpa saya. Guru ini kalau setakat demam sikit-sikit dia pergi kerja. Kalau setakat sakit perut sikit-sikit dia pergi kerja. Tapi guru datang dan menyatakan dia sakit kepala, *headache*. Sakit kepala tidak boleh tidur, *irregular menses*, *irritable* oleh sebab beban kerja yang kronik yang menyebabkan dia cepat marah, cepat menangis yang menyebabkan dia panas baran. Jadi ini yang saya lihat, saya percaya kawan-kawan saya yang juga terlibat di dalam perkhidmatan kesihatan dulu melalui apa yang terjadi kepada guru.

Tuan Yang di-Pertua, antara perkara yang saya lihatlah, saya dengar selalu ialah tentang penempatan guru-guru baru. Memang payah untuk dilayan semua. Akan tetapi apa kata kalau 70% dapat diberikan penempatan di kampung dia. Supaya guru baru dapat berjasa pada ibu bapa dia, pada kaum kerabat dia, pada orang-orang yang di kampungnya. Ini akan mengurangkan kos mobiliti, akan mengurangkan beban kepada guru-guru muda ini. Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, penempatan guru-guru yang suami isterinya bekerjasama. Satu orang bekerja di Perak, satu orang bekerja di Sabah. Boleh kita bayangkan tidak macam mana suami isteri yang tidak berjumpa tidak dapat tengok anak-anak, dengar cerita sakit pening dan sebagainya. Beban kerja, susah hati dan lain-lainnya juga termasuk di dalam fikirannya. Di

samping untuk melakukan kerja sekolahnya itu. Jadi penempatannya saya percaya berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Jadi inilah yang pernah terjadi kepada guru-guru yang kita dengar.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga ialah tentang peranan Pusat Kegiatan Guru (PKG). PKG adalah berperanan utama untuk pembastarian sekolah-sekolah. Dari aspek ICT, membantu guru dalam semua aplikasi dan juga sistem *online*, dengan izin, dalam pengurusan guru, pengurusan kokurikulum-kokurikulum, pengurusan murid. Akan tetapi apa yang terjadi sekarang ialah di Pusat Kegiatan Guru (PKG) di seluruh negara, pegawai-pegawai tidak mencukupi. Dengan hasrat kerajaan untuk mensiswazahkan guru-guru ini, ramai guru telah pergi ke universiti dan bila pulang gred jawatannya tidak ada di PKG dan kita lihat PKG jadi masalah. Apabila PKG jadi masalah, guru-guru jadi *stress*. Apabila guru-guru jadi tekanan, guru-guru di PKG tekanan, guru-guru lain akan *stress*. Maka pelajar-pelajar, anak murid akan *stress*. Jadi hari ini kita tidak hairan kita dengar anak murid tampar guru. Jadi perkara-perkara begini.

■1440

Kita jangan terkejut nanti sebab kita guru tanpa wakil rakyat. Lagi masalah bagi kita. Benda-benda ini boleh terjadi kerana *stress*. Inilah tekanan yang melanda. Bukan kerana wang tetapi tidak tahan. Guru-guru satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, guru-guru yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti luar. Guru-guru yang menjadi pengiring pelajar-pelajar, membawa pelajar-pelajar ke acara sukan, membawa pelajar-pelajar ke acara *camping* dan sebagainya, adakah guru-guru diberi insurans? Kalaulah terjadi kemalangan dan apa-apa, biasanya guru-guru dikatakan cuai. Akan tetapi guru-guru telah berkorban, meninggalkan keluarga dia, meninggalkan urusan-urusannya untuk jaga pelajar-pelajar sekolah. Jadi adakah mereka diberikan pengiktirafan contohnya belanja dan sebagainya untuk menjalankan kegiatan-kegiatan di luar sekolah?

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin nyatakan di sini ialah tentang kakitangan kerajaan yang mendapat cuti khas 20 hingga 25 hari tetapi guru-guru kita dapati hanya dapat tujuh hari dalam setahun. Adakah ini mencukupi? Benar, guru-guru mendapat cuti waktu cuti sekolah umpamanya tetapi kecemasan tidak berlaku masa cuti sekolah. Kecemasan boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja. Jadi saya sarankan kalau guru-guru diberikan ditambahkan cuti-cuti khas supaya mereka dapat menjalankan kerja dengan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, guru-guru juga banyak hari ini adalah wanita-wanita, ibu-ibu muda yang mempunyai anak-anak mereka dan kita dapati di sekolah tidak ada pusat jagaan harian kanak-kanak. Di satu perkara ini kalau terdapat pusat jagaan harian kanak-kanak di sekolah, maka beban fikiran ataupun masalah, susah hati dan kerunsingan guru-guru akan berkurangan. Saya percaya prestasi kerja akan jadi lebih baik di mana-mana perkara ini diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melancarkan program di MRSM Trolak berkenaan dengan pembelajaran sains, teknologi, *engineering* dan *mathematics*. Kajian menunjukkan pelajar-pelajar di Malaysia masih lagi ketinggalan, masih lagi lemah dalam pelajaran-pelajaran yang bersangkutan dengan subjek-subjek ini iaitu *stamp*. Jadi

kelemahan ini akan juga menyebabkan ekonomi akan tergugat. Jangka panjang ekonomi akan tergugat kerana banyak pekerjaan-pekerjaan, karier yang melibatkan subjek-subjek yang penting seperti Sains, Teknologi, *Engineering* dan Matematik ini. Ini telah dinyatakan dalam kajian-kajian seperti *Program for International Students Assessment* (PISA) dan juga *International Mathematics and Science Studies* (TIMSS). Jadi ada satu kajian. Kajian PISA pada tahun 2011 menunjukkan Malaysia duduk di tangga yang agak corot satu per tiga ke bawah. Pada kajian PISA 2012, Malaysia menduduki tangga ke-39 daripada 44 negara yang mengambil bahagian.

Kajian TIMSS pula pada tahun 2011 menunjukkan negara kita duduk pada tahap 26 daripada 42 negara. Satu kajian yang mendalam telah dilakukan yang mendapati hampir 38% daripada pelajar-pelajar yang berumur 14 tahun gagal untuk mencapai skor yang minima untuk mata pelajaran Matematik dan Sains. Ini adalah perkara yang serius. Ini adalah perkara yang boleh menggugat negara yang hendak jadi negara maju dan juga berpendapatan tinggi. Jadi saya percaya semua boleh menggembeleng tenaga untuk memikirkan bagaimana untuk menambahkan minat pelajar-pelajar kita supaya mengambil mata pelajaran, supaya mengkhususkan mata pelajaran tentang Sains dan Matematik ini. Jadi paradigma mengatakan subjek-subjek ini susah dan tidak diminati ini perlu dihapuskan dan semua yang terlibat daripada guru dan pensyarah, daripada ibu bapa dan juga masyarakat patut bersama-sama.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita ada lebih kurang 410,000 guru di negara ini. Statistik menunjukkan 13 murid kepada satu guru. Statistik atau nisbah ini adalah jauh lebih baik daripada Singapura, 16:1 dan juga Korea Selatan 20:1. Jadi kita tidak ada masalah dan dengan kuantiti kerana kita dapat lahirkan banyak graduan daripada institut perguruan, IPG, IPTA dan IPTS tetapi yang perlu kita fikirkan hari ini adalah kualiti guru-guru. Ini kerana kualiti guru-guru juga memainkan peranan agar mereka dapat membawa perubahan...

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Bagan Serai, boleh saya mencelah?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Silakan.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Bagan Serai. Saya tertarik dengan pembentangan Bagan Serai. Jadi soalan saya adakah dalam pendapat Yang Berhormat Bagan Serai, cikgu-cikgu di sekolah swasta boleh dikatakan lebih mempunyai dengan izin, *performance* yang lebih baik daripada cikgu-cikgu sekolah kerajaan. Apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Itu sebab hari ini— Terima kasih. Saya baru hendak sampai ke perkara ini yakni kualiti guru-guru kerana kalau guru-guru mempunyai inisiatif sendiri dengan hati yang ikhlas kerana untuk menjadi seorang guru ini, bukan boleh dengan kelulusan begitu sahaja. Akan tetapi mereka perlu diterapkan semangat untuk membina. Jadi kalau ada semangat, kalau ada keikhlasan, kalau ada kesungguhan, tidak kira guru itu berada di mana sama ada di swasta atau daripada kerajaan, maka mereka dapat memberikan yang terbaik untuk anak murid. Mereka mahukan kejayaan untuk murid-murid mereka. Jadi pada

pendapat saya, perkara ini adalah perkara yang tidak begitu serius. Akan tetapi apa yang lebih penting ialah calon ataupun guru-guru yang kita hendak pilih ke IPT. Hasrat di bawah program PPPN 2013-2025 ini yang dilancarkan oleh kerajaan untuk mengambil pelajar SPM yang terbaik adalah satu langkah yang baik yang harus dipuji.

Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang standard ataupun kelulusan daripada program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan perlulah dipertingkatkan dan diperketat supaya kita dapat melahirkan senarai guru yang berkualiti dan juga tentang *continuing education*, dengan izin untuk...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bagan Serai, mencelah sedikit boleh?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar begitu teliti bagaimana Yang Berhormat Bagan Serai sebut tentang pembelaan yang perlu dibuat oleh kerajaan kepada guru-guru. Kita hendak kaitkan dengan yayasan dibentangkan pagi tadi. Apakah Bagan Serai berpandangan bahawa dalam lembaga pengarah ini perlu ada wakil guru supaya mereka dapat memperjuangkan semua perkara tersebut dalam perbincangan ini?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Yayasan yang diwujudkan ini memang sepatutnya menjadi hadiah kepada guru-guru kerana yayasan ini akan menitik beratkan profesionalisme guru-guru dan bawa mereka kepada *research and development* pengkaji, dengan izin, dan juga menjaga kebajikan. Bila kata kebajikan itu, makna dengan segala-galanya berkaitan dengan kewangan, sakit dan sebagainya. Bagaimana untuk memantapkan guru? Juga yang dinyatakan adalah tentang kebajikan anak-anak guru, kepentingan anak-anak guru. Jadi saya percaya perkara-perkara yang saya sebutkan tadi yayasan yang diwujudkan harus memberi fokus, harus melihat perkara-perkara ini dengan lebih serius kerana kita dapati bahawa tahap profesionalisme, bagaimana untuk dicapai oleh guru-guru di negara kita ini.

Dalam satu kajian *Teaching and Learning International Survey* (TALIS) mendapati penglibatan guru Malaysia dalam pembangunan profesionalisme hanya sepuluh hari dalam setahun. Sepuluh hari dalam setahun? Sepuluh hari itu mana cukup. Apakah impak sepuluh hari kepada profesionalisme perguruan? Adakah ini mencukupi? Jadi ini yang patut dilihat. Yayasan melihat kebajikan ini untuk dilihat bagaimana untuk meningkatkan kualiti guru dan profesionalisme guru.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan sekali lagi bahawa guru-guru patut mendapat pembelaan.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Gajah bangun Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sila, boleh.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Serai. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat yang amat prihatin tentang kebajikan guru-guru dan Yang Berhormat juga ada sentuh tentang kesinambungan pendidikan oleh guru-guru. Ada tidak Yang Berhormat tahu bahawa ramai di kalangan guru-guru yang berkhidmat, mereka dengan inisiatif mereka sendiri, mereka cuba melanjutkan pelajaran mereka.

■1450

Kalau mereka hanya memiliki diploma mereka belajar ijazah. Kalau mereka ada ijazah mereka buat sarjana dan mereka yang memiliki sarjana, mereka belajar untuk PhD. dengan inisiatif mereka sendiri. Selepas mereka mendapat kelulusan tersebut tidak ada sebarang pengiktirafan daripada pihak kerajaan dan saya rasa perkara ini harus diberi perhatian. Saya pernah bangkitkan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini sebelum ini. Saya rasa kerajaan seharusnya mengambil satu inisiatif untuk mengiktiraf semua guru yang dengan inisiatif sendiri telah melanjutkan pelajaran mereka ke tahap yang lebih tinggi. Ini adalah sangat penting untuk mengutuhkannya lagi profesion perguruan. Apa pandangan Yang Berhormat berkaitan dengan perkara ini? Terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Batu Gajah. Ini kerana usaha-usaha sendiri untuk meningkat profesionalisme, usaha-usaha sendiri untuk meningkatkan ilmu supaya anak bangsa dapat dijaga dan dibina untuk kejayaan negara pada akhirnya. Jadi memang patut dan saya lihat di sini dengan wujudnya yayasan nanti, kita berharap yayasan ini kan menitikberatkan perkara ini, yang mana menjadi salah satu daripada perkara penting dalam mewujudkan Yayasan Tun Hussein Onn ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin menyatakan, yayasan ini saya kira adalah satu hadiah besar untuk guru-guru di negara ini. Saya percaya dengan adanya ini maka guru-guru akan lebih terbela dan *stress* atau tekanan yang saya katakan tadi akan berkurangan dan memudahkan guru-guru untuk memberikan yang terbaik untuk anak bangsa. Jadi saya fikir saya sangat-sangat menyokong rang undang-undang ini dan mengharapkan semua guru-guru khususnya guru-guru di Parlimen Bagan Serai tempat saya dapat menikmati apa yang akan dilakukan oleh kerajaan hari ini. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Serai mohon menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Siput.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan cadangan kerajaan untuk tubuhkan yayasan ini untuk menjaga kebajikan guru-guru. Akan tetapi ada beberapa isu saya rasa kita kena kaji dahulu, ya. Satu, dalam Kumpulan Wang Simpanan Guru yang akan dimansuhkan, apakah nasib guru-guru yang telah

wujudkan kumpulan wang simpanan ini pada tahun 60-an. Pada kefahaman saya ada lebih kurang 10,000 orang guru pada masa itu yang bukan dalam khidmat kerajaan, mereka *contract workers* dan mereka telah mencarumkan satu *percentage* kecil daripada gaji mereka kepada kumpulan wang simpanan ini.

Sekarang, apakah nasib mereka? So adakah cadangan untuk pakai dana dalam yayasan ini untuk bantu mereka? Ini kerana sekarang ramai daripada mereka saya ingat ramai sudah pencen dan bersara. So untuk mereka ataupun jika mereka sudah meninggal, balu mereka-adakah apa-apa cadangan yang akan dijana atau dipakai? Ini kerana saya difahamkan juga dana ini besar juga kerana mereka ada hartanah dan ada bangunan. Lebih kurang berapa ratus juta ringgit. So saya harap Yayasan ini akan juga tumpu pada guru-guru yang lama yang pernah wujudkan dana ini dan tengok apakah kebajikan mereka, jangan lupakan mereka.

Satu lagi dalam isu ini ialah dari segi undang-undang, bila satu dana diwujudkan oleh satu kumpulan, bolehkah ianya dimansuhkan tanpa kita ada perhubungan atau dialog dalam kumpulan yang wujudkan dana ini. Ini kerana beratus-ratus juta ringgit yang berada dalam Kumpulan Wang Simpanan Guru itu diwujudkan daripada caruman guru pada 60-an. So sekarang kita mansuhkan itu dan pinda untuk pakai juga untuk guru-guru tetapi satu guru yang lain adakah ini dari segi undang-undang adakah ini sah ataupun adakah kita ini ada masalah dengan undang-undang? So itu satu isu, harap Menteri akan jawab itu.

Kedua ialah fasal 10 dalam undang-undang ini berkenaan dengan keanggotaan Lembaga Yayasan Guru. Pada saya nampaknya ini terlalu *top heavy* di mana ramai orang atau hampir semua orang ditetapkan oleh Menteri Kewangan dan juga Menteri Pendidikan juga KSU Pendidikan, Ketua Pengarah Pendidikan dan beberapa orang daripada Kementerian Pendidikan yang dilantik oleh Menteri. Akan tetapi langsung tidak ada ruang untuk suara-suara guru-guru biasa untuk mewakili kehendak dan hasrat mereka dalam Lembaga ini. So, apa salahnya kita adakan satu lagi seksyen kita minta dalam lembaga ini, kita mengesyorkan lima orang guru yang sedang berkhidmat sekarang, mungkin tiga daripada Semenanjung, satu daripada Sabah dan Sarawak dilantik dalam lembaga ini untuk memberi suara daripada *ground* atau kumpulan sasaran iaitu guru-guru yang sedang berkhidmat.

Jika boleh, mereka harus dilantik bukan oleh Menteri tetapi oleh Kesatuan Guru-guru, *Nationalism of Teachers Profesion* (NUTP). Itu akan bagi satu *feedback* daripada kumpulan sasaran. Isu ketiga yang saya hendak bawa ialah fasal 6, nombor dua, subseksyen (i) yang mengatakan dana ini dalam yayasan boleh dipakai untuk beri pinjaman, *scholarship*, *advances* untuk kakitangan Yayasan. So adakah harus kita mengehendkan kuantiti yang- *quantum* yang boleh diberi kepada kakitangan yayasan kerana sekarang kita ada 400,000 guru di negara kita. So jika kita hendak buka kemudahan untuk kakitangan yayasan mungkin 400 orang, harus kita katakan hanya 0.1% mengikut bilangan, 400,000 guru, 400 orang kakitangan, hanya 0.1% *of the total outlay* harus beri kepada kakitangan. Takutlah jika ini lebih membantu kakitangan daripada membantu guru-guru yang jadi, adakah ini harus dijadikan satu syarat dalam dana ini, ya.

Point yang terakhir yang saya hendak bawa ialah fasal 33- berkenaan dengan laporan. Saya ingat laporan ini juga harus dibawa dalam *website* yayasan ini dan senarai semua bantuan yang diberi kepada kaum guru disenaraikan supaya guru-guru lain pun boleh tengok siapa dapat, negeri mana dapat. Ini salah satu cara *feedback*lah. Kita ada *check and balance*, ya.

Akhir sekali undang akta ini menunjukkan satu kesedaran kerajaan bahawa sistem *Laissez-faire* atau sistem pasaran bebas tidak dapat menjaga segala kepentingan rakyat kita, bahawa rakyat kita melalui kerajaan harus ada program-program tertentu untuk menjaga kepentingan rakyat.

Saya ingin mengesyorkan di sini, oleh kerana kerajaan kaji sistem *pension*, satu-satu skim *pension* untuk semua pekerja di sektor swasta. Ini kerana kita ada lebih kurang lima juta ke enam juta orang pekerja sektor swasta, situasi mereka lebih susah daripada guru-guru. Guru-guru yang kerja dengan kerajaan, mereka ada *pension* tetapi ini orang-orang yang kerja untuk sektor swasta, mereka hanya ada KWSP. Satu kajian oleh KWSP tunjukkan hanya 30% sahaja dapat simpanan, lebih daripada 100,000.

Lain semua di bawah 100,000 bila mereka bersara. Ini tidak akan sampai bila mereka lebih berusia. So bolehkah kita kaji satu sistem *pension* untuk pekerja sektor swasta, untuk kita beri mereka- mungkin kita *start* dengan RM200 sebulan bila mereka sampai umur 70 tahun. Jika mereka tidak dapat *pension* kerajaan atau *pension* PERKESO, bila mereka sampai umur 70, ramai daripada mereka akan habiskan dia punya KWSP. So pada masa itu jika kita boleh beri mereka satu dan kecil dan satu *pension* kecil setiap bulan RM200, ini akan sangat membantu dia. Daripada *rough calculation* saya ini hanya akan ambil bajet RM1.5 bilion setahun sahaja. So bolehkah kerajaan kaji idea ini dan kita mulakan satu *old age pension* pada umur 70 tahun? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jerantut.

■1500

3.00 ptg.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan penubuhan Yayasan Tun Hussein Onn pada kali ini.

Keduanya, saya ingin merakamkan tahniah kepada kementerian dan juga kerajaan kerana usaha untuk mewujudkan Yayasan Tun Hussein Onn. Adalah diharapkan agar penubuhan Yayasan ini akan dapat menambahkan keyakinan para guru mengenai dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan serta menambah kebajikan kepada para guru yang di seluruh negara yang berjumlah hampir setengah juta orang ini.

Namun, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri terhadap dua perkara yang telah dikemukakan dalam cadangan ini iaitu pertamanya mengenai dengan Bahagian III, fasal 5(a) mengenai dengan meningkatkan pembangunan profesionalisme para guru.

Saya mengharapkan agar kerajaan mempunyai pelan jangka panjang yang lebih luas mengenai perkara ini supaya para guru akan nampak lebih jelas tentang apakah peluang-peluang yang disediakan oleh kerajaan mengenai dengan perkara yang berkaitan dengan fasal 5(a) ini. Seperti contohnya ialah mengemukakan satu jumlah yang tertentu sama ada daripada segi bilangan guru yang boleh mendapat manfaat yang jelas daripada fasal 5(a) ini.

Contoh, berapakah bilangan guru yang boleh mendapat nikmat apabila mereka ingin melanjutkan pelajaran ke dalam bidang kedoktoran, sama ada daripada segi jumlah gurunya ataupun daripada segi jumlah peruntukan yang telah dikhususkan oleh yayasan ini. Begitu juga bagi mereka yang ingin melanjutkan dalam bidang sarjana khususnya, kerajaan atau kementerian perlu juga menentukan jumlah bilangan guru serta peruntukan. Dengan adanya keadaan ini, para guru akan dapat berkeyakinan penuh bahawa peluang mereka memang disediakan dengan lebih banyak hasil daripada penubuhan yayasan ini. Tidak dilihat oleh sebahagian daripada guru hanya indah khabar daripada rupa semata-mata.

Mengenai fasal 5(d) yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini iaitu mengenai pendidikan anak-anak guru, saya mengharapkan agar pihak kerajaan khususnya Menteri juga memberikan penjelasan mengenai biasiswa khas khusus kepada anak guru dapat diberikan melalui penubuhan yayasan ini, sama ada mereka pergi ke institusi pengajian tinggi awam ataupun institut pengajian tinggi swasta, serta berapakah dana yang diperuntukkan untuk anak-anak guru khususnya bagi mereka melanjutkan pendidikan mereka di universiti-universiti yang terdapat di luar negara?

Saya juga Tuan Yang di-Pertua, ingin menarik perhatian mengenai dengan Bahagian IV fasal 10 iaitu anggota lembaga pengarah yang ada di dalam Yayasan Guru ini. Apa yang saya dapati, jumlah sembilan orang ahli lembaga ini hanya diwakili oleh tiga orang guru sahaja. Jadi jumlah ini sudah pasti, saya sebagai bekas guru, tidak melambangkan bahawa yayasan ini boleh memberikan fikiran yang benar-benar memberi kebajikan kepada guru kerana daripada segi jumlah tiga orang berbanding dengan sembilan. Saya mengharapkan agar kementerian menambah keanggotaan daripada kalangan guru daripada empat ke enam orang agar Yayasan ini benar-benar dilihat memberikan kebajikan kepada para guru.

Mengenai dengan Bahagian V, pelantikan memberi keistimewaan kepada anak-anak guru dalam apa juga perjawatan dalam yayasan ini. Ini kerana saya sebagai bekas guru juga mendengar rintihan para guru. Sebagai contohnya, pewujudan Maktab Rendah Sains Mara walaupun bukan di bawah Kementerian Pendidikan, ada khusus misalnya kepada anak-anak polis tapi anak guru tak ada. Kementerian Pendidikan sendiri yang banyak sekolah berasrama penuh juga tidak mewujudkan peluang yang istimewa untuk anak-anak para guru. Jadi ini mungkin antara sebab para guru merasakan mereka tidak diberikan sedikit keistimewaan yang lebih baik berbanding dengan anak-anak polis seperti mana yang saya nyatakan tadi.

Jadi wajarlah dengan peluasan Yayasan Guru ini daripada Kumpulan Simpanan Wang Guru kepada penubuhan Yayasan Tun Hussein Onn ini, daripada segi perjawatan yang ada

dalam yayasan ini, setidak-tidaknya 80% daripada tenaga kerjanya mestilah diambil daripada anak-anak para guru sekalian.

Adalah diharapkan dengan adanya penubuhan Yayasan Tun Hussein Onn ini, sekali lagi kerajaan dapat membuktikan bahawa para guru yang sentiasa mendukung hasrat kerajaan dalam bidang pendidikan negara akan terus dimartabatkan dan keyakinan para guru terhadap kerajaan, terhadap kesungguhan kerajaan dapat direalisasikan melalui penubuhan Yayasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya Jerantut mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang.

3.06 ptg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi laluan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya akan cuba memfokuskan kepada beberapa perkara dalam cadangan yang dikemukakan oleh pihak kerajaan terhadap undang-undang ini.

Pertamanya, saya melihat ada beberapa perkara yang perlu dilihat semula oleh kerajaan sebab saya bimbang jika diluluskan, mungkin ada beberapa perkara yang ultra virus. Sebagai contoh, kalau kita lihat kepada kuasa Yayasan, saya merujuk kepada fasal 6(2)(a) di mana dikatakan bahawa antara kuasa Yayasan adalah termasuk kuasa untuk membuat pelaburan dalam syarikat yang ditubuhkan oleh Yayasan bagi maksud menjana pendapatan Yayasan dan menerima pulangan pelaburan syarikat. Seperti mana yang dikatakan dalam *preamble* rang undang-undang ini bahawa tujuan akta ini diperkenalkan adalah untuk membatalkan Kaedah-kaedah Kumpulan Wang Simpanan. Jadi kalau kita lihat kepada fasal 6(2)(a) itu, apabila diperuntukkan bahawa Yayasan ini boleh membuat pelaburan dalam syarikat yang ditubuhkan oleh Yayasan.

Isu yang ingin saya bangkitkan adalah bagaimanakah dengan status pelaburan yang telah dibuat oleh Kumpulan Wang Simpanan Guru ini sebelum ini? Adakah pelaburan itu ditamatkan atau bagaimana keadaannya? Ini kerana kalau lihat kepada fasal 6(2)(a) ini, seolah-olah Yayasan ini hanya boleh membuat pelaburan baru tanpa meneruskan ataupun tak ada peruntukan yang dinyatakan dalam akta ini bahawa Yayasan ini boleh meneruskan pelaburan yang telah dibuat sebelum ini. Jadi apakah status pelaburan itu dan adakah laporan yang sebelum ini akan dibatalkan begitu sahaja? Itu yang pertama.

Keduanya, kalau dilihat kepada ayat di dalam fasal 6(2)(a) ini, dia hanya menyatakan untuk membuat pelaburan dalam syarikat yang ditubuhkan oleh Yayasan. Maksudnya pelaburan hanya boleh dibuat kepada syarikat yang ditubuhkan oleh yayasan. Makna, Yayasan akan tubuhkan syarikat dan pelaburan kepada syarikat itu sahaja. Jadi saya merasakan bahawa ini sesuatu yang agak pelik kerana saya percaya mana-mana yayasan ataupun mana-mana kumpulan wang ini apabila mereka ingin menjanakan wang itu untuk mendapatkan pulangan

untuk tujuan membantu guru-guru ini, seharusnya pelaburan ini, jika dibenarkan, boleh dibuat kepada syarikat-syarikat yang kita tahu syarikat-syarikat yang memang boleh membantu.

■1510

Kita tahu KWSP ini dibenarkan untuk melabur dalam syarikat-syarikat yang besar, yang utuh, yang daripada segi *track record*nya adalah baik. Akan tetapi kalau dilihat dalam 6(2)(a) ini, Yayasan hanya boleh buat pelaburan dalam syarikat yang ditubuhkan oleh Yayasan. Sedangkan penubuhan syarikat baru ini yang kita tidak tahu ada pengalaman atau tidak, adakah ini satu pelaburan yang difikirkan ketika buat undang-undang ini? Saya percaya yayasan ini boleh sekiranya dia ingin mendapatkan pulangan terhadap pelaburan ini, dibenarkan untuk melabur kepada syarikat-syarikat yang lebih utuh dari segi kedudukan kewangan, dari segi *track record* dan sebagainya. Akan tetapi kalau dilihat kepada seksyen 6(2) ini Yayasan tidak dibenarkan untuk melabur dalam syarikat lain. Jadi, ini saya rasa sekiranya dibaca secara literal, makna pelaburan itu begitu terhad dari segi *nature*nya. Itu yang pertama.

Kedua, saya ingin bertanya adakah pihak kerajaan tidak berunding dengan NUTP ataupun Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (KPPK) ataupun dalam bahasa Inggeris NUTP. Sebab apa saya katakan begitu, kalau dilihat kepada seksyen 10 itu tidak ada satu pun anggota lembaga itu terdiri daripada wakil daripada NUTP. Sedangkan kita tahu bahawa Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan ini adalah kesatuan yang paling besar dari segi saiz, dari segi jumlah anggota, terbesar di Malaysia. Dia adalah anggota tunggal dalam bidang pendidikan ini, maknanya tidak ada persatuan lain dalam bidang pendidikan ini dan mereka ada anggota ILO. Dia juga adalah kumpulan terbesar dalam perkhidmatan awam dan dia juga adalah pengasas kepada *ASEAN Council of Teachers*.

Maknanya NUTP ini satu badan yang berpengaruh dan badan yang penting dalam sektor pendidikan ini. Akan tetapi mengapakah seksyen 10 ini seolah-olah peranan NUTP ini tidak diambil kira sedangkan dia mewakili suara guru. Jadi, saya mencadangkan kepada pihak Menteri, supaya seksyen 10 ini dibuat pindaan. Walaupun ada rakan-rakan tadi mengatakan dicadangkan supaya diletakkan wakil guru dalam lembaga ini, itu pun satu cadangan yang baik. Akan tetapi saya rasa kalau sekiranya ada wakil NUTP berada dalam lembaga ini, ini sudah cukup untuk menjadi jurucakap guru-guru sebab NUTP ini adalah kesatuan yang telah ditubuhkan untuk membela nasib guru-guru. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya diperluaskan lagi anggota ini dan mengambil kira peranan NUTP.

Seterusnya saya ingin bertanya kepada pihak kementerian walaupun kita lihat dalam seksyen 5 ini, tujuan ataupun fungsi yayasan ini antaranya dinyatakan di sini ialah (b) "*Membantu mana-mana pihak menjalankan penyelidikan ke arah meningkatkan kualiti pendidikan negara.*" Bulan Mei baru ini Timbalan Menteri juga ada mengakui bahawa saya baca dalam laporan, bahawa pihak kementerian juga mengakui bahawa tahap sistem pendidikan negara kita berada dalam *below par*, kedudukan tahap kualiti pendidikan negara ini memang menjadi satu isu yang dibimbangkan sebab dalam banyak laporan menyatakan bahawa tahap pendidikan kita ini begitu

membimbangkan. Jadi, saya agak ragu, adakah Yayasan ini seharusnya dilibatkan dalam perkara ini sebab kita lihat apabila untuk membantu menjalankan penyelidikan ke arah meningkatkan kualiti pendidikan negara, saya berpendapat ia secara khususnya adalah peranan kerajaan. Jadi, Yayasan ini saya lebih suka kalau dia memfokuskan kepada kebajikan guru-guru. Oleh sebab dia adalah satu akta yang digubal untuk membatalkan Kaedah-kaedah Kumpulan Wang Simpanan Guru.

Jadi seharusnya peranan itu lebih kurang sama. Apabila kita meletakkan peranan ia juga termasuk dalam menjalankan penyelidikan maknanya sebahagian wang yang dilaburkan itu akan digunakan untuk tujuan tersebut. Kadang-kadang apabila digunakan itu walaupun dengan tujuan baik tetapi kita khawatir kebajikan guru-guru akan disampingkan. Jadi, saya harap supaya Yayasan ini lebih fokus dia punya peranan dia seperti mana tujuan Kumpulan Wang Simpanan itu ditubuhkan iaitu untuk bantu guru-guru.

Saya hendak bagi contoh pengalaman saya sendiri dan saya minta satu jaminan daripada pihak kerajaan, apakah sebenarnya pendirian kerajaan terhadap guru-guru yang ditangkap di bawah akta yang melibatkan penahanan tanpa bicara ini? Sebab apa saya katakan begitu sebab saya ada mengendalikan, saya pernah memfailkan satu kes semakkan kehakiman terhadap salah seorang guru besar yang ditangkap di bawah ISA selama beberapa tahun tetapi telah dinafikan pencen. Jadi, guru ini pertamanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Kes yang Yang Berhormat buat itu pasal pencen atau apa?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Pasal dia tidak dapat wang pencenlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Tidak bertentangkah Yang Berhormat, tidak bertentangan dengan peraturankah?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya hendak tanya sebab melibatkan Kementerian Pendidikan. Oleh sebab dalam kes itu Kementerian Pendidikan sendiri menyatakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Nanti bertentangan dengan peraturan pasal kes melibatkan pencen dan kemudian soalan ini diajukan kepada Menteri untuk menjawab... *[Dewan riuh]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Dengarlah dahulu.

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Diamlah Yang Berhormat Baling.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Tidak, saya rasa Yang Berhormat faham dengan peraturan mesyuarat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya faham.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Keluar tajuk Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya katakan begini sebab apa dalam kes itu melibatkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: *Do not go into the merit of the case, please.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *No, I am not going into the merit because case has over.* Saya lebih kepada isu kebajikan guru sebab saya kata begitu, dalam kes ini kementerian telah memberikan surat sokongan. Apa yang berlaku ialah guru ini tidak mendapat pencen. Akan tetapi dalam masa yang sama beberapa guru yang lain ditahan di bawah akta yang sama, ditahan di tempat yang sama mendapat pencen, di mana pihak kementerian telah menulis surat kepada pihak pencen bagi *support*. Maksudnya bagi sokongan supaya guru ini diberikan pencen. Jadi di situ ada diskriminasi. Kenapa ada guru yang dapat, ada guru yang tidak dapat? Jadi saya hendak tanya apakah pendirian kementerian dalam perkara ini? Oleh sebab kita kasihan, saya rasa guru yang ditahan di bawah akta seperti itu, mereka tidak didapati bersalah oleh mana-mana mahkamah. Mereka tidak diberi peluang untuk mempertahankan diri.

Akan tetapi apabila mereka dinafikan pencen ini, macam guru ini, dia pula kena penyakit buah pinggang dan memang menyusahkan dia. Jadi, saya ingin mendapatkan satu kepastian kenapakah pihak kementerian ini ada guru-guru yang diberi sokongan? Maksudnya pihak kementerian menghantar surat kepada pihak pencen "*Kami menyokong guru ini diberikan pencen.*" Akan tetapi ada guru-guru yang tertentu yang tidak dapat. Jadi ini isunya. Jadi, saya rasa relevan peringkat dasar ini untuk kementerian memberikan, kalau sekiranya Menteri ingin dapatkan maklumat lanjut tentang ini saya boleh berikan nama guru itu. Cuma saya ingin mendapatkan pendirian pihak kerajaan. Adakah apabila mereka ditahankan di bawah contohnya sekarang mungkin ada guru yang telah ditahan di bawah SOSMA dan sebagainya, apa pendirian pihak kerajaan? Kalau mereka diberhentikan dan sebagainya, apakah pencen itu mereka dapat atau tidak.

■1520

Sebab ada dapat, ada tidak dapat, itu isunya. Jadi, saya harap pihak kementerian dapat memberikan jawapan terhadap perkara tersebut. Seterusnya, yang terakhir Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan seksyen 49. Dinyatakan bahawa Yayasan boleh terus menggunakan Kumpulan Wang Simpanan Guru bagi maksud mengekalkan nama baik atau bagi apa-apa maksud bagi Yayasan fikirkan patut.

Jadi, saya ingin dapatkan penjelasan, sampai bila? Sebab seksyen 49 ini *very general*, Yayasan boleh terus gunakan nama Kumpulan Wang Simpanan Guru. Kalau kita sudah hapuskan satu entiti, kita sudah hapuskan akta berkaitan dengan Kumpulan Wang Simpanan Guru, tiba-tiba kita boleh gunakan namanya dan tidak dinyatakan sampai bila boleh guna ini. Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah rasional digunakan, diletakkan seksyen 49 ini. Jadi, saya harap pihak Yang Berhormat Menteri dapat- sebab ia boleh disalahgunakan. Mungkin

ada guru-guru yang mungkin tidak- sebab kita jangan jangka semua guru atau mana-mana rakyat Malaysia ini mereka arif tentang undang-undang.

Mereka mungkin memikirkan bahawa Kumpulan Wang Simpanan Guru ini masih ada lagi, mungkin ada pihak-pihak tertentu yang menyalahgunakan Kumpulan Wang Simpanan Guru ini untuk minta supaya guru-guru carum. Ini boleh berlaku sebab ia akan *expose* kepada salah guna. Jadi, kalau kita letak seksyen 49 ini, bermakna Yayasan Kumpulan Wang Simpanan Guru masih digunakan namanya. Jadi, saya harap seksyen 49 ini seharusnya dihapuskan. Akan tetapi kalau tidak dihapuskan pun mesti ada satu jangka masa tertentu sampai bila boleh guna sebab dikhuatiri ia boleh menimbulkan salah sangka, menimbulkan kekeliruan. Akhirnya, boleh pihak yang tertentu menyalahgunakan nama ini untuk mendapatkan wang daripada pihak guru juga. Jadi, saya harap kementerian dapat mengambil perhatian terhadap apa yang telah saya katakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kangar.

3.22 ptg.

Ir. Shahrudin bin Ismail [Kangar]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn. Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang Simpanan Guru (KWSG) yang telah ditubuhkan pada tahun 1960 untuk membantu guru yang bertaraf bukan kakitangan kerajaan. Namun, kini KWSG tidak lagi relevan, namun telah mencapai matlamat penubuhannya.

Justeru itu, penubuhan yayasan dicadangkan untuk mengambil alih fungsi KWSG. Persoalannya, sejauh manakah penubuhan yayasan ini mampu menjamin kelangsungan fungsi KWSG dan seterusnya membawa peranan yang lebih berkesan dan lebih membawa impak, khususnya dalam menjaga kebajikan sejumlah 400,000 lebih guru-guru di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Yayasan Tun Hussein Onn ini secara tidak langsung perlulah bergerak selari dengan perancangan yang telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi meningkatkan pembangunan profesionalisme guru-guru di Malaysia. Dengan adanya Yayasan ini kelak diharapkan ia mampu menjadi penggerak dan pemacu kepada kerangka aktiviti buat para guru. Aktiviti perlu diselaraskan di setiap peringkat dan seterusnya bekerjasama antara pihak KPM, agensi dan para guru itu sendiri akan dipertingkatkan. Namun, dalam masa yang sama sebarang latihan yang dijalankan perlu mendapat jaminan tidak akan menambah beban kepada guru-guru. Latihan yang meliputi aspek pembelajaran sendiri, bengkel di luar sekolah hinggalah perancangan pembelajaran perlu diberi penekanan selari dengan aspirasi KPM untuk meningkatkan peratusan aktiviti pembangunan profesionalisme perguruan.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan KWSG juga bermatlamat untuk menjaga kebajikan guru di Malaysia. Justeru, dengan pembubaran KWSG, dana yang disalurkan terus kepada yayasan ini diharapkan diguna sebaik mungkin, khususnya bagi menjaga kebajikan guru.

Persoalan saya di sini, apakah perancangan yang telah dirangka melibatkan dana yang disalurkan dari KWSG mampu memelihara kebajikan guru dan anak-anak mereka. Pada masa yang sama, perancangan pembahagian dana untuk kebajikan dan peningkatan kualiti profesionalisme guru-guru perlu diberi perhatian yang sewajarnya agar kebajikan dan peningkatan profesionalisme guru bergerak selari.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan pemilihan keanggotaan lembaga yayasan ini. Anggota yang dipilih perlulah daripada kalangan mereka yang terlibat secara langsung dalam profesion ini dan mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam semua aspek bagi memastikan yayasan ini mampu menjadi lebih baik daripada KWSG yang dibubarkan.

Anggota lembaga perlu aktif memperjuang, membela dan membawa suara guru ke peringkat yang lebih tinggi agar para pendidik ini tidak berasa tertindas, terutamanya dengan bebanan kerja yang sering kali menjadi rungutan daripada para guru. Garis panduan yang jelas terhadap bidang kuasa anggota lembaga ini juga perlu diambil kira bagi memastikan kelangsungan Yayasan ini. Seterusnya, menjadi sebuah Yayasan yang mampu memelihara kebajikan guru-guru.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya mencadangkan supaya penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn yang telah menggariskan fungsi-fungsi dan bidang kuasanya untuk menggarap profesion perguruan ke tahap yang lebih tinggi. Diharapkan mampu menyediakan dan melahirkan guru-guru yang lebih kompeten seiring dengan peningkatan teknologi dan persekitaran yang lebih mencabar buat para guru.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Pahat.

3.27 ptg.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Sebagai guru atau bekas guru, saya masih berasa terhormat, tercebur atau menceburkan diri dalam bidang profesion ini. Antara faktor yang menjadikan kita merasa terhormat itu ialah dalam penilaian, persepsi yang dibuat oleh pelbagai kalangan, yang dibuat oleh sebuah akhbar beberapa ketika dahulu, profesion perguruan menduduki tempat yang tertinggi, yang teratas.

Akan tetapi yang agak saya berasa terkilan sedikit ialah bila sekarang ini di akhir hayat saya terlibat dalam bidang politik dan *politician* diletakkan di tangga yang terakhir. Jadi, mudah-mudahan saya gabungan antara cikgu dengan politik itu masih kekal di atas lagi, *insya-Allah...*
[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Menyesalkah Yang Berhormat?

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, kami di Batu Pahat mengalu-alukan penubuhan Yayasan ini dan ingin kita membahaskan beberapa perkara dalam cadangan ini.

Pertama, tentang Yayasan itu sendiri kemudian tentang peranan atau fungsi Yayasan yang melibatkan tiga perkara yang utama yang kita cuba bahaskan iaitu membantu kementerian dalam meningkatkan profesionalisme perguruan, kemudian menjaga kebajikan guru, dan yang ketiga, menjaga kebajikan anak-anak guru. Terakhir, kita akan cuba sama-sama mengajak Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat melihat tentang- atau kedua terakhir iaitu kedudukan ahli lembaga dan yang terakhirnya, tentang *fund* Yayasan.

Tuan Yang di-Pertua, dicatatkan dalam Yayasan ini hayatnya ialah turun-temurun, lebih kurang istilahnya, selagi ada bulan dan mentari. Jadi, barangkali kena ada *qualification* sedikit di situ supaya barangkali tidak diambil sebagai suatu yang mutlak turun-temurun, *whatever*, apa pun *performancenya*.

■1530

Tuan Yang di-Pertua, kita menyokong tentang peranan yayasan membantu menguatkan profesionalisme perguruan. Cuma saya hendak mengajak ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua untuk melihat bila kita sebutkan tentang membangun profesionalisme perguruan, ianya lebih kepada *teacher development*, bukan *technology development* ataupun *tools development* kerana pengalaman saya sebagai seorang murid dan sebagai seorang guru ya, sama ada guru di sekolah ataupun guru dalam bidang *consultancy* mendidik *human resource* dalam *human resource development*. Kita melihat yang lebih utama ialah paling kurang tiga perkara tentang *teacher development*. Satu tentang sahsiah perguruan dan yang kedua tentang *knowledge*, tentang ilmu, tentang keguruan itu dan yang ketiga ialah tentang kaedah atau metodologi yang dikuasai oleh seorang guru.

Sahsiah keguruan ini penting sebagaimana sahsiah bagi profesion-profesion lain. Kalau ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat, dulu kalau kita melihat cikgu, kita tahu, kita dapat baca jalannya, cakupnya, gaya bawanya, peribadinya, akhlaknya ya. Kita tahu oh itu cikgu dan kita pun boleh baca sahsiah *politician*. Bila kita tengok saja, ah ini ahli politik lah ini. Kemudian bila dia naik ke atas lagi jadi Menteri, kita pun boleh membaca memang ada sahsiah ke Menterinya. Begitulah sebenarnya tuntutan sahsiah keguruan ini. Mudah-mudahan dia dapat dibina tuntutan atau permintaan kita kepada kementerian menerusi yayasan ini melatih guru yang ada sahsiah keguruan, yang sabar, yang pengasih, yang penyayang, yang cinta murid, yang tidak pendendam ya, yang dia *being love as teachers* ya.

Dan mereka pula ada ilmu dan kepakaran dalam penyampaian. Saya ingat masa saya menjadi murid dahulu, sejak mula-mula masuk sekolah High School, Batu Pahat, masa dari sebuah kampung kecil, terpencil, tidak tahu bahasa Inggeris. Masuk *remove class* tetapi saya bernasib baik kerana mendapat seorang guru bahasa Inggeris *an Indian lady* yang baik peribadinya, akhlaknya, kemudian bagus pula kaedah pelajarannya sehingga sampai sekarang

ini kalau saya masih ingat satu frasa yang diajar dalam bahasa Inggeris masa *remove* itu, oleh kerana dia mengajar itu dengan gayanya, dengan berceritanya, dengan lagunya. Saya masih ingat sampai sekarang. Saya belajar itu tahun 1958, frasa itu, "*If you meet a lady, if you meet a fairy, don't run away, she won't want to hurt you, she only wants to play*".

Itu saya belajar tahun 1958...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tahan.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Ya, saya ingat dengan izin lah, kalau tidak faham...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Lepas ini boleh masuk *Kilauan Emas*.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Apa dia? Gangguan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Bagi sokongan moral lah itu Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Otai masih berbisa.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Jadi ertinya sahsiah keguruan dengan kaedah pengajaran itu bagi saya seorang anak kampung yang tidak pernah belajar bahasa Inggeris dari Sekolah Kebangsaan Sungai Tongkang, Sekolah Umum Sungai Tongkang masa itu. *Within one year*, dalam masa satu tahun saya menguasai bahasa Inggeris. So sifatnya apa? Sifat gurunya, sahsiahnya, ilmunya tentang murid, psikologi muridnya, dia dapat melayan murid kampung, murid bandar, murid Cina, murid India, murid Melayu. Kemudian gaya dia mengajar, metodologi dia. Jadi ini yang kita maksud dengan sahsiah keguruan ya. Dengan peribadinya yang baik, ilmunya yang tinggi tentang kemanusiaan dan manusia dan muridnya dan kaedah mengajar, *teaching learning* yang sesuai untuk muridnya.

Mutakhir ini Tuan Yang di-Pertua, kementerian lebih ghairah memberi peruntukan dalam bidang teknologi dan kalau kita tengok impaknya, kawan saya tadi dari Bukit Bendera kata, dari segi ROI nya, *return of investement* memang tidak pulang modal. Tidak *kelik* modal kata orang Kelantan, tidak berbaloi...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat mengenai langkah-langkah yang diambil. Cuma mungkin Yang Berhormat perlu mempersoalkan kepada kerajaan iaitu pelantikan Lembaga Pengarah.

Saya nampak tidak ada wakil kesatuan daripada guru-guru. Jadi ini tidak menampakkan bahawa yayasan ini benar-benar mewakili perguruan. Ianya dianggotai oleh Ketua Setiausaha selaku Pengerusinya dan pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan kementerian tidak langsung ada perwakilan daripada Kesatuan Guru-guru. Jadi apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kementerian supaya ditimbang. Jawatankuasa ini mungkin diletakkan

dua orang wakil kesatuan guru-guru Malaysia khususnya dan bolehlah menyuarakan masalah guru-guru. Jangan hanya pegawai tinggi kerajaan yang memegang jawatan ini dan guru-guru dilupakan pula. Terima kasih.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Yang Berhormat Sepang sudah sebut tadi.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya akan sampai ke situ tapi untuk melayan pertanyaan murid, *quote unquote*, saya akan layan soalan itu dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju sebenarnya dari segi Lembaga Pengarah, guru mesti diwakili. Tapi bukan individu. Cadangan daripada Yang Berhormat Sepang tadi tentang kesatuan guru dan ada beberapa Kesatuan Guru, ada NUTP, ada KKGMB, ada KGLI, kemudian di Sabah, di Sarawak ada kesatuan guru sendiri. Paling kurang ada empat atau lima Kesatuan Guru Cina. Ada beberapa buah yang kita dulu masa saya di IAB kita cukup rapat dengan dia orang ini. Jadi mereka ini diwakili. Jadi bukan pegawai-pegawai atas. Pegawai atas ini dia tengok dari atas saja, bukan dia nampak dekat bawah itu pun. Habis dengan *all the respect*, dengan segala hormat kita.

Jadi saya fikir memang wajar ahli lembaga itu kalau namanya Yayasan Guru, ahli lembaganya mesti terdiri, mewakili pandangan-pandangan guru. Bukan individu tapi dia mewakili kesatuan-kesatuan guru yang mewakili, bukan saja NUTP, nanti dia tidak menyeluruh persatuan itu. Saya balik tadi kepada Pembangunan Profesion Perguruan, Tuan Yang di-Pertua, iaitu tentang peri pentingnya kita membangun guru itu sendiri. Motivasi dari segi sahsiah, motivasinya tinggi. Idealismenya tinggi. Dia faham bahawa tujuan dia mendidik itu, dia *by choice* jadi cikgu ialah hendak memanusiakkan manusia. Hal-hal ini kita mesti garap dengan sebaik-baiknya kerana kalau kita garap dengan baik *insya-Allah* kita akan dapat berguru, sebab mendapat latihan, dapat membentuk guru seperti ahli Yang Berhormat Batu Pahat pada masa menjadi guru dulu, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan tadi tentang kecenderungan sekarang ini ialah menumpukan kepada membangun teknologi. Jadi kadang-kadang kita mentafsirkan apakah hendak membangun pendidikan ataupun hendak membangun *business* pendidikan. Yang ini barangkali persepsi yang kena dibetulkan oleh kementerian lebih-lebih lagi bila kita melihat misalnya dari 300 buah makmal komputer di Sabah dalam audit yang dibuat. Hanya dua yang siap. Dari 300, dua yang siap. Saya sebenarnya menunggu Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah membangkitkan hal ini tapi saya pun faham kenapa mereka tidak bangkitkan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Perkara Yang Berhormat kita bangkit lima tahun yang lalu sudah.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Okey. Masa itu belum buat pun lima tahun. *[Ketawa]* Akan tetapi tidak apalah Yang Berhormat Kinabatangan selalu mendahului. Jadi Tuan Yang di-Pertua kita bangkitkan ini soal akauntabiliti ya, soal akauntabiliti dan inilah juga yang kita harapkan akan ada satu prinsip dan pegangan yang dipegang oleh Yayasan, lebih-lebih lagi

ianya suatu badan yang agak bebas begitu ya supaya wang terutama yang dikeluarkan daripada ataupun yang dimasukkan daripada KWSG, Kesatuan Kumpulan Wang Guru-guru (KWG) itu dapat diamanahkan dengan sebaiknya.

■1540

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang berikut yang kita hendak sebutkan ialah tentang kebajikan guru. Berbeza agak dengan polis dan tentera bila bersara ada *special program* untuk mereka, untuk meneruskan kerjaya mereka. Guru selalunya terbiar begitu. Ini barangkali oleh kerana kerajaan melihat guru ini orang cerdas dan mereka boleh bawa diri jadi tidak perlu dilatih selepas *after profession, verification* mereka ini. Dengan adanya Yayasan ini, kita mengharapkan ada program membina kerjaya selepas kerjaya sepenuh masa sebagai seorang pendidik. Kami ingin mencadangkan Yayasan barangkali membina satu kumpulan guru-guru kompeten dalam pelbagai bidang yang sekarang banyak guru pakar. Ada guru pakar bahasa Inggeris, ada guru pakar matematik, ada guru pakar ini, mereka ini dipilih oleh Yayasan. Kalau perlu tubuh badan ataupun badan perniagaan, boleh ditubuhkan bagi mereka melatih.

Misalnya melatih guru-guru bahasa Inggeris, tidak payah import dari India. Nanti lidahnya pun lintang-pukang macam yang dari India juga. Bukan orang India Malaysia lah yang banyak dah di Malaysia kan. Jadi tidak payah pakai badan-badan lain untuk membina kompetensi perguruan. Ambil guru-guru kita yang bersara, *they are professional*. Mereka ini profesional, ramai yang kompeten yang berikan latihan semula untuk mereka memberi khidmat kepada kita. Ini sekali gus nanti kita akan memberi mereka pengiktirafan kepada kepakaran tempatan. Jangan kita ada penyakit yang sentiasa bila hendak bina sesuatu dalam negara kita, guru atau apa pun, sentiasa tengok orang luar macam kita tidak ada kepakaran. Kita sudah 50 tahun merdeka, apakah universiti kita tidak ada kepakaran? Apakah kolej-kolej kita tidak ada kepakaran? Apakah orang-orang kita, profesor, doktor dan lain-lain ini tidak ada kepakaran untuk membina perguruan kita sendiri?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan Yang Berhormat, boleh?

Datuk Mohd. Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat atas laluan. Saya tertarik dengan apa yang disebut Yang Berhormat tentang kita memanfaatkan kepakaran yang hasil daripada produk negara kita sendiri yang ada di kolej dan universiti yang kita lahirkan. Fenomena yang ada sekarang ialah bagaimana kita melihat lambakan guru-guru yang menganggur daripada institusi pendidikan dalam negara kita sendiri. Terutama yang lepasan daripada pendidikan Islam. Mereka ini tidak mendapat tempat walaupun menganggur sudah bertahun-tahun. Apa maklumat yang kita terima, layanan lebih diberi kepada guru sandaran ataupun guru sementara untuk mengisi kekosongan. Sedangkan guru-guru yang berijazah, yang mempunyai kelulusan, yang tenaga mahir ini tidak mendapat tempat. Jadi

seharusnya perkara ini diberi perhatian. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat dalam isu ini.

Datuk Mohd. Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, ini yang saya fikir yang kita sebutkan sebagai *Aulawiyat* ya, keutamaan kita. Jadi, di mana keutamaan kita? Saya meminta kementerian dan Yang Berhormat Menteri untuk memberikan perhatian hal ini dan memberikan bukan sahaja jawapan tetapi penyelesaian. Pengalaman saya yang setahun lebih dalam Parlimen ini Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan ini cantik dalam jawapan macam selalu yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan, cantik dalam jawapan tetapi dalam pelaksanaan, kita masih menunggu pelaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga yang saya ingin sebutkan ialah tentang kebajikan untuk anak-anak guru dan keluarga guru. Saya fikir ini telah banyak dibicarakan, saya hanya *endorse* supaya ini dapat diberi perhatian dengan sewajarnya.

Kedua terakhir yang telah saya sebutkan lebih awal tentang ahli lembaga pengarah. Tuan Yang di-Pertua, sesuatu badan ini ahli lembaga itu memberikan persepsi tentang keyakinan kita kepada organisasi tersebut. Jadi kalau badan itu dianggotai oleh tokoh-tokoh yang mewakili, yang *credible*, yang ada *credentialnya* yang baik dari segi sahsiahnya, dari segi keilmuannya, dari segi *track recordnya*, bukan sahaja diri peribadinya tetapi profesion yang dipegangnya itu sendiri dan dia menjemput hormat daripada *public*, daripada orang awam atau orang ramai. Bila dia dapat menarik, badan itu dapat menarik rasa hormat, *then* program-program kita akan disambut dengan baik. Jadi sebab itu saya fikir, faktor orang kerana dalam mana-mana organisasi atau *management* yang penting yang pertamanya orang, yang keduanya sistem. Kalau sistem itu baik tetapi orangnya tidak baik dan orang yang tidak baik itu ialah bergantung pada persepsi kita. Jadi kalau kita dapat menampilkan ahli lembaga yang berwibawa, yang kita telah sebut tadi mewakili ramai pihak, bukan sahaja *top down* yang disebut oleh rakan-rakan tadi, tetapi juga ialah *bottom up* yang mewakili masa guru menerusi kesatuan-kesatuan yang mereka wakili.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah soal *the fund. All money transferred from the fund of the dissolve* Kumpulan Wang. Jadi barangkali kami ingin mengetahui berapa jumlah wang yang akan dipindahkan itu. Berapa jumlahnya? Barangkali dengan perinciannya. Selepas itu, apakah jaminan bahawa kumpulan wang yang dipindahkan ini akan memberi keutamaan atau memberikan faedah kepada orang yang mencarum itu sendiri? Peringkat awal dahulu, kerana yang mencarum itu sebagaimana kita kalau beri caruman kepada buat masjid, ia kekal kita dapat hasil caruman itu. Jadi bagaimana kita hendak jamin bahawa pencarum awal itu yang mula pada tahun 1960 itu mendapat faedah. Jadi bukan orang lain nanti yang lebih-lebih dapat faedahnya. Kita juga berharap *fund* ini tidak disalahgunakan kerana kecenderungan kita Tuan Yang di-Pertua, dalam pelancaran sesuatu program ini, ia punya gendang palunya itu membawa kepada semangat revolusi hasrat melambung. Melambung hasrat kita, harapan tingginya. Akan tetapi

akhirnya dalam pelaksanaan, bila ia terlibat dalam perniagaan, bila terlibat dalam *business*, terlibat dalam badan-badan perniagaan ini, berlaku revolusi hasrat terkandas.

Dengan peringatan yang sedemikian, kita menerima baik Yayasan ini. Semoga ia membawa manfaat kepada para pendidik semua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Rajang.

3.48 ptg.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mohon turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014. Sememangnya tanggungjawab seorang guru di dalam membentuk serta mendidik generasi pewaris negara bukan sesuatu tugas yang mudah. Bagi guru-guru yang berkhidmat di pedalaman khususnya pelbagai cabaran terpaksa ditempuhi demi untuk melaksanakan tugas di sekolah-sekolah luar bandar yang rata-rata jauh di pedalaman dan serba kekurangan dari segi infrastruktur. Berkat dari usaha serta kegigihan para guru di luar bandar, keputusan SPM tahun 2013 bagi pelajar luar bandar meningkat sebanyak 0.16% mata berdasarkan gred purata nasional sekali gus mengurangkan jurang penyampaian akademik antara sekolah bandar dan luar bandar.

Oleh yang demikian, penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn diharap sedikit sebanyak dapat membantu memartabatkan profesion perguruan di samping membalas jasa yang telah mereka taburkan di dalam memartabatkan institusi pendidikan negara kita. Seperti yang digariskan di bawah fasal 5 penubuhan Yayasan ini, bakal memberi pelbagai bentuk kemudahan seperti dana untuk membantu pendidikan anak-anak guru di samping penyediaan program untuk mempertingkatkan profesionalisme para guru. Setakat tahun 2014, bilangan guru di sekolah rendah dan menengah mencapai jumlah kira-kira 425,000 orang yang menjadikan profesion perguruan antara sumber pendapatan utama rakyat Malaysia. Pelbagai keluh kesah telah kita dengar dari para guru yang dibebani dengan pelbagai tugas di luar tanggungjawab sebagai pendidik. Maka amatlah wajar bagi pihak kerajaan untuk mengutamakan kebajikan para guru untuk mengurangkan sedikit sebanyak bebanan mereka.

■1550

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang wakil rakyat saya menyokong sepenuhnya usaha kerajaan untuk merangka sistem pendidikan yang lebih holistik serta meningkatkan daya saing pelajar di dalam bidang yang sesuai dengan minat serta keupayaan mereka. Fasal 6(2)(f) Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn menggariskan penyediaan geran penyelidikan ke bawah Yayasan ini untuk mana-mana pihak yang berminat untuk menjalankan penyelidikan bagi mempertingkatkan kualiti pendidikan negara kita. Ingin saya sarankan agar yayasan yang bakal ditubuhkan dapat menyalurkan dana kepada pendidikan yang menyumbangkan kepada menambahbaikkan kurikulum di sekolah rendah dan menengah. Sudah tiba masanya untuk

mengkaji semula proses penilaian pelajar yang terlalu berlandaskan ujian dan pencapaian akademik semata-mata.

Para pelajar harus digalakkan untuk *thinking out of the box*, dengan izin, dan berani bertanya soalan yang bukan sekadar *what* tetapi *how*, serta *why*, dengan izin. Di dalam melahirkan modal insan yang berkaliber para guru harus membantu pelajar untuk mengenal pasti teori yang mereka pelajari dalam kehidupan seharian agar proses pelajaran tidak hanya terhad kepada dalam bilik darjah sahaja.

Maka saya memohon kepada pihak kementerian untuk menyegerakan pengambilan lebih ramai anak-anak tempatan dari negeri Sabah dan Sarawak untuk berkhidmat sebagai guru di negeri mereka khususnya di sekolah-sekolah luar bandar. Soal pendidikan tidak seharusnya dipandang ringan. Adalah lebih praktikal sekiranya pihak kerajaan menempatkan anak-anak tempatan untuk mengajar di kawasan-kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak agar para pelajar di kawasan ini tidak jauh ketinggalan sejajar dengan matlamat kerajaan untuk membasmi masalah buta huruf di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn yang dirangka khusus untuk menjaga kebajikan tenaga pengajar di sekolah-sekolah seluruh negara harus dilihat sebagai salah satu komponen penting yang menjayakan pelan pembangunan pendidikan negara kita. Sesungguhnya masa depan negara terletak di tangan guru yang telah dipertanggungjawabkan untuk mendidik anak-anak bangsa Malaysia. Sekian, saya Hulu Rajang mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Kawan.

3.52 ptg.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada Yang Berhormat Batu Kawan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn dalam Dewan yang mulia ini. Penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn adalah bertujuan untuk menggantikan Skim Kumpulan Wang Simpanan Guru dan di antara tugas Yayasan ini adalah untuk membantu Kementerian Pendidikan dalam menganjurkan program-program atau aktiviti-aktiviti yang akan menyumbang kepada pembangunan positif profesional para guru untuk membantu mana-mana pihak dalam penyelidikan yang akan menambah baik kualiti pendidikan di negara ini supaya menjalankan tugas membela kebajikan para guru untuk memastikan bahawa anak kepada para guru dibantu dalam pendidikannya berdasarkan keputusan Yayasan dan akhir sekali untuk menjalankan semua tanggungjawab di bawah bidang kuasa Yayasan ini dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun syor-syor, dengan izin, *job description* yang telah diberikan berhubung dengan tugas-tugas dan fungsi-fungsi yayasan ini namun ada beberapa persoalan yang timbul berhubung dengan kuasa yang diberikan kepada Yayasan. Di antaranya adalah untuk meluluskan pinjaman kewangan, pembiayaan serta biasiswa kepada para guru

serta anak beliau berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan oleh yayasan serta kelulusan pinjaman kewangan, pinjaman wang pendahuluan serta penganugerahan biasiswa kepada staf-staf dalam yayasan ini seperti dalam fasal 6(2)(d) dan fasal 6(2)(i). Mungkin kementerian harus meneliti juga pada masa yang sama kesemua enam cadangan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) kepada kementerian untuk kebaikan para pendidik dan sumbangan mereka untuk melahirkan negarawan yang berkaliber, berpotensi dan berkualiti untuk mengembalikan nama baik negara ini sebagai produser cendekiawan negara.

Di antara cadangan-cadangan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia adalah agar kerajaan serta kementerian benar-benar mengambil serius untuk mewujudkan Suruhanjaya Pendidikan untuk warga pendidik, menubuhkan satu Mahkamah Tribunal bagi menangani kes-kes anomali gaji atau pelencongan dari rukun penggajian guru, ketetapan bekerja lima hari seminggu, skim gaji bersepadu, perubahan dasar dan polisi pendidikan untuk mencapai kualiti bertaraf antarabangsa serta menaikkan status guru melalui pemberian insentif dengan ganjaran yang lebih tinggi agar mereka terus kekal dalam profesion perguruan sehingga bersara.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan ini yang disyorkan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia merupakan satu keperluan bagi masyarakat pendidikan di negara ini dan kementerian haruslah memandang serius cadangan-cadangan ini yang selaras dengan permintaan serta tuntutan rakyat dewasa ini. Mungkin Kementerian Pendidikan harus meneliti cadangan-cadangan ini yang lebih penting daripada penubuhan satu Yayasan yang baru sahaja. Persoalannya adalah mampukah Yayasan ini bertindak secara neutral tanpa mengira pendirian politik setiap guru dalam pemberian insentif-insentif ini serta adalah layanan yang sama akan diberikan kepada para guru yang dilihat menyokong mana-mana organisasi politik atau NGO yang bukan dari aliran BN serta bagi guru-guru yang berkhidmat di bawah negeri-negeri Pakatan Rakyat.

Saya mengetengahkan persoalan yang serius ini kerana sejak awal lagi para guru telah dengan izin, *indoctrinated* dengan polisi bahawa mereka wajar memberi sokongan penuh dalam apa bentuk sekalipun kepada Kerajaan Pusat yang telah menjajah negara ini selama lebih 50 tahun dan yang paling mengejutkan lagi layanan yang telah diberikan oleh pihak-pihak tertentu terhadap para guru yang dilihat sebagai menyokong Pakatan Rakyat, dengan izin.

Seorang Ahli: Baliklah!

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Balik mana, siapa cakap baliklah? Balik mana, balik mana? Tuan Yang di-Pertua, *this is a decorum of our Members of Parliament from BN.*

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Teruskan Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *...All members of the board and any office committees and employees and agents of the Yayasan while this charging their duties*

under this act as such members, employees or agent shall be deem to be public servant within the meaning of the Penal Code [Act 475].

Adakah ini bererti bahawa kakitangan kerajaan wajib memberi kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada kerajaan BN selaku Kerajaan Pusat di negara ini? Di manakah kebebasan untuk berfikir, bersuara atau memilih sandaran politik individu itu sendiri? Hak kebebasan bersuara diiktiraf sebagai hak asasi manusia di dalam Perkara 19, perisytiharan hak asasi manusia sejagat dan diiktiraf dalam Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa dalam perjanjian antarabangsa mengenai hak-hak sivil dan *political*.

Di Malaysia pula kebebasan bersuara telah termaktub dalam artikel 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan yang menyebut setiap rakyat mempunyai hak dalam kebebasan bersuara dan menyuarakan pandangan. Namun nampaknya di Malaysia akta-akta kuno dan kejam seperti ISA dan Akta Hasutan telah digunakan untuk membungkam golongan pendidik di negara ini. Jumlah guru yang kian menjadi mangsa penganiayaan disebabkan oleh pegangan politik yang berlainan oleh pihak kerajaan makin membimbangkan dengan layanan yang buruk terhadap guru-guru ini. Baru-baru ini perpindahan seorang guru dengan serta-merta yang telah mengetuai dan mengambil bahagian dalam gerakan anti pentaksiran berasaskan sekolah atau SBA di Bangi oleh Pejabat Pendidikan Daerah seakan-akan wujudnya campur tangan satu dengan izin, *invisible hand* yang telah memangsakan guru ini disebabkan ideologi politik yang berlainan. Beliau telah diberikan notis 24 jam sebelum dipindahkan ke sebuah sekolah pedalaman di Pahang.

Tindakan terburu-buru oleh Pejabat Pendidikan Daerah seakan-akan hamba kepada kezaliman Putrajaya terhadap para pendidik di negara ini. Akan tetapi penglibatan para guru dalam persada politik BN nampaknya tidak ada apa-apa tindakan diambil terhadap mereka. Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin berkata bahawa beliau tidak pasti sama ada wujud sebab-sebab di atas tindakan menghukum guru ini atau kerana para guru telah menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap SBA. Tambah Yang Berhormat Menteri lagi sesiapa pun boleh menyuarakan pendapat tetapi mestilah terikat dengan undang-undang dan perintah pekeliling.

Kenyataan ini Tuan Yang di-Pertua ibarat, "*baling batu sembunyi tangan*". Sekiranya dikeluarkan perintah pekeliling melarang para guru untuk mengambil bahagian dalam mana-mana perhimpunan untuk menyuarakan pendapat mereka maka di manakah kebebasan bersuara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Dengan izin, *worried therefore be fair to say that the Ministry of Education is guilty in curving the freedom of speech against Article 10(1)(a), of the Federal Constitution.*

■1600

Reaksi kementerian terhadap guru-guru ini dengan hukuman pindahan 24 jam amat kolot dan sepatutnya kementerian lebih mempraktikkan *listen, listen, listen* kepada para guru yang

terpaksa mengharungi tekanan pekerjaan hari demi hari yang hanya mahu menambah baik sistem yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, SBA meninggalkan kesan yang negatif ke atas daya saing dan motivasi pembelajaran para pelajar. Dalam dua tahun SBA diimplementasikan, apa yang menyerlah bukanlah pencapaian pelajar tetapi minat pelajar yang menurun terhadap pembelajaran kerana tiada insentif untuk mereka menambah baik prestasi mereka di sekolah. Kegagalan SBA dapat dilihat dalam prestasi buruk yang ditunjukkan dalam kedudukan Malaysia pada tahun 2012 dalam *Program for International Student Assessment (PISA)*.

Antara 65 buah negara yang telah mengambil bahagian dalam penilaian PISA, kedudukan Malaysia adalah di tangga ke-52 dan lebih teruk lagi dari prestasi Vietnam dalam pembacaan, Matematik dan Sains. Oleh itu daripada membazir dana dan tenaga dalam usaha mencekup mana-mana guru yang tidak sehaluan ideologi politik, mungkin kementerian patut menyalurkan lebih usaha untuk mendengar rintihan para guru dan mengambil nasihat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2008 pengetua-pengetua sekolah di Pulau Pinang telah dinasihati atau diarahkan supaya tidak menjemput pemimpin negeri serta wakil rakyat Pakatan Rakyat sebagai tetamu kehormat atau VIP. Pesanan mulut ini telah disampaikan oleh seorang pegawai atasan dari Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang di bawah Kementerian Pendidikan. Baru-baru ini, sehinggalah gambar Ketua Menteri Pulau Pinang pun tidak dibenarkan digantung di mana-mana sekolah di Pulau Pinang. Adakah ini satu *precedent* bagi kelakuan satu masyarakat atau satu kerajaan dan lebih penting lagi satu budaya yang ingin digalakkan oleh Kementerian Pendidikan. Saya pasti kesemua wakil rakyat Pakatan Rakyat di sini menjadi mangsa dalam permainan politik dalam isu pendidikan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Pilihan Raya Kecil Telok Intan baru-baru ini, Timbalan Menteri Kewangan merangkap Ketua Penerangan UMNO, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan telah menyatakan bahawa tidak salah menggunakan sekolah sebagai lokasi berkempen jentera pilihan raya Barisan Nasional kerana ia aset kerajaan dan mereka telah mendapat kebenaran PIBG sekolah untuk mengadakan pelbagai majlis Barisan Nasional. Memandangkan beliau adalah Ketua Penerangan, saya cukup terkejut dengan komen beliau yang kurang cerdik menyatakan sebab sekolah itu aset kerajaan...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: ...Maka Barisan Nasional boleh dibenarkan masuk berkempen. Pembinaan sekolah itu dan semua sekolah lain di negara ini dibina dengan menggunakan dana hasil daripada kutipan cukai semua rakyat Malaysia dan bukanlah kepunyaan Barisan Nasional semata-mata. Dengan gelagat Menteri dan kementerian macam ini, mampukah negara ini melahirkan anak-anak yang patriotik dan matang, berfikiran terbuka dan mengamalkan toleransi antara kaum, dengan izin, *what faith do we have to the Ministry of Education and the Yayasan Guru Tun Hussein Onn will act without fear or favor*

against the powers that be in existing teachers and their children as well as their staffs in granting them loans and assisting them with scholarships.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang bangun.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat, penggunaan sekolah-sekolah kerajaan oleh pemimpin Barisan Nasional. Bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi saya kira di seluruh negara. Begitu juga di negeri Kelantan. Malah yang paling kita terkilan sekali, masa sambutan Hari Guru baru ini, ada wakil kerajaan, salah seorang daripada Exco Kerajaan Negeri Kelantan menghantar sumbangan ke kepada guru tetapi enggan diterima oleh guru kerana mereka kata mereka mendapat arahan tidak boleh kerjasama sedangkan ini kita hendak menghargai jasa guru. Bukan itu sahaja. Saya pernah berpengalaman pergi ke salah sebuah sekolah, hendak menghantar sumbangan. Masa itu bulan Ramadhan. Bantuan kepada- dalam sekolah itu ada kelas OKU. Sumbangan duit raya kepada pelajar-pelajar OKU yang ada tetapi dihalang oleh guru besar.

Jadi, apakah ini corak yang diatur oleh sistem pendidikan sedangkan kita hendak mengajak rakyat hendak membina akhlak yang baik. Jadi, saya minta pandangan Yang Berhormat. Sejauh mana seharusnya penelitian, seharusnya pemantauan ataupun arahan yang perlu dibuat oleh pihak kementerian sedangkan apabila hendak bina padang sekolah, hendak bina sekolah perlu kerjasama kerajaan negeri. Jadi, kena ingat di Kelantan, kami jadi kerajaan. Di Pulau Pinang, kami jadi kerajaan. Barisan Nasional jadi pembangkang. Jadi, kenapa pula Ketua Bahagian UMNO boleh masuk sedangkan dia pembangkang di negeri kami. Jadi, minta pandangan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Kawan, jangan jauh sangat daripada rang undang-undang ya.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih kawan saya dari Rantau Panjang. Saya sambung, Tuan Yang di-Pertua.

Bilakah kementerian akan bersikap lebih matang dan membenarkan para guru berkebebasan berfikir dan bersuara jika adanya perbezaan fikiran politik yang tidak boleh dianggap sah oleh kerajaan. Akhir kata, dalam nada yang sama, perkataan Yayasan didefinisikan sebagai pertubuhan yang dibentuk untuk mengusahakan sesuatu. Oleh itu saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini serta Yang Amat Berhormat Menteri Pendidikan untuk mengambil serius pembinaan sebuah sekolah menengah Tamil yang pertama di negara ini selepas lebih 50 tahun merdeka.

Bagaimana Yang Amat Berhormat Menteri Pendidikan Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin boleh mengeluarkan satu kenyataan bahawa sistem pendidikan di negara ini

adalah antara yang terbaik di dunia walhal tiada apa-apa hasrat atau inisiatif dari pihak Kerajaan Pusat untuk membina satu sekolah menengah Tamil di Pulau Pinang walaupun tanah telah diberikan. Bagaimana pula dengan laungan 1Malaysia Perdana Menteri semasa PRU Ke-13 yang sepatutnya menjaga, dengan izin, *national reconciliation* tetapi kini kelakuan Yang Amat Berhormat Pendidikan seakan-akan menyangkal idea 1Malaysia yang turut menyumbang kepada, dengan izin, *national retribution*.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kementerian Pendidikan dapat memberi penjelasan kepada keputusan *flip flop* dalam polisi-polisi pendidikan serta langkah-langkah untuk memartabatkan Artikel 10(1)(a) dan membenarkan para guru bertindak mengikut kematangan untuk menganggotai dan melibatkan diri dalam aktiviti politik dari kedua-dua pihak serta inisiatif dari kementerian untuk berdialog dengan pihak-pihak yang mempunyai idea-idea yang lebih baik untuk menambah baik yayasan ini serta sistem pendidikan di negara ini.

Only then, we will have a world class education system and a world class democracy.
Dengan itu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Yang Berhormat Kinabatangan. Selepas Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Bachok kemudian Yang Berhormat Parit Sulong. Sila. Yang Berhormat Kuala Selangor.

4.07 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut terpanggil untuk bahas sedikit akta undang-undang penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014 iaitu menggantikan Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru. Akan tetapi sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyinggung sedikit hujah rakan saya daripada Batu Kawan yang telah menyindir.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat sibuk di sana, tunggu sekejap. Kalau terasa, boleh debat dengan saya di luar. Saya pun tukang debat juga. Jangan susah. *I will debate you anytime anywhere.*

So, saya melihat bahawa kita diminta untuk melihat hak-hak kebebasan bersuara. Guru-guru ini dia ada satu ikatan. Bak kata pepatah Melayu, "*Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa*". Jangan tuan bagi susu, kita balas dengan tuba. Itu bercanggah. Sebab itu Yang Berhormat Batu Kawan belajar peribahasa dengan saya. Saya ini fasih dalam peribahasa. Kalau kita ingin menyinggung, singgung dengan perlahan-lahan. Ini kerana saya melihat guru-guru harus berpegang kepada ikatan itu...

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu Kawan bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya rasa bukan tidak bagi tetapi sekejap. Belajar dulu. Tadi Yang Berhormat sudah bercakap panjang lebar.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Kinabatangan, ini isu hak bersuara bukan isu membalas pantun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dengar saya bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu Kawan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak apa. Dengar saya berhujah dulu baru boleh cakap. Kalau tidak dengar, tidak bolehlah.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *The curve of the issue is freedom of speech, the freedom of thought and the freedom of action. Not about pantun.*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Learn to be a good listener. Please quiet. Sit down! This is my floor. You sit down! You have no right!... [Disorak]*

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *You cannot ask me to sit down, Yang Berhormat Kinabatangan. Only the Speaker can ask me to sit down. You have no right to ask me to sit down.*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, kita harus lihat di seluruh dunia. Di seantero dunia. Mana ada kerajaan memberi kebenaran kepada suku bangsa bahasa dalam sekolah mereka.

■1610

Tidak ada. Di Thailand, bahasa Thailand! Di Indonesia, bahasa Indonesia! Di Filipina, bahasa Filipina! Di Malaysia, Kerajaan Barisan Nasional beri sama sahaja kebenaran sekolah jenis kebangsaan India dan Cina. Diberi kebenaran sahaja tetapi harus menghormati sekolah kebangsaan. Ini dia apabila ada hormati...

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Kinabatangan, *it is the right to your mother tongue.*

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Diam, saya mahu cakap. Selalunya bangsa-bangsa lain, bukan Melayu, harus menghormati perlembagaan itu sendiri.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *It is your right to your mother tongue. Your own right to your mother tongue. It is not a favor from Barisan Nasional government. It is the right to your mother tongue.*

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Apabila kita menghormati perlembagaan, kita tahu diri kita. Cuba pergi China... *[Disampuk]* Kalau macam ini pergi negara China tidak pakai pun. Tidak laku! Pergi Singapura, boleh? Tidak boleh! Akan tetapi di Malaysia, Kerajaan Barisan Nasional korban bagi kebenaran sekolah jenis kebangsaan mengajar etnik bahasa masing-masing. Akan tetapi dipertikai peruntukan tidak ada. Peruntukan kita bagi kepada sekolah kebangsaan, bermakna sekolah Malaysia, keseluruhan rakyat Malaysia. Kalau kita tahu

kita rakyat Malaysia, pergilah sekolah kebangsaan. Pergi Thailand, cuba. Yang ada, pistol menunggu.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Kinabatangan jawab untuk Menteri Pendidikankah?

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Bukan sekolah dia bagi. Pistol dia bagi Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Kinabatangan jawab macam Menteri Pendidikan.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Minta laluan Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Kalau pergi ke Thailand, habis kena bunuh.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Kenapa Yang Berhormat Kinabatangan cakap tidak cukup dana? Menteri Pendidikanlah yang kena jawab, bukan Yang Berhormat Kinabatangan yang jawab.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Cukup dana untuk sekolah kebangsaan. Faham!

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Habis itu sekolah jenis kebangsaan tidak cukup dana?

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Yang Berhormat cakap, saya diam. Diamlah.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Mana kontrak 1Malaysia?

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Yang Berhormat apa ini?

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Mana kontrak 1Malaysia?

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Minta laluan.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Saya minta laluan.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Balik kawasanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu Gajah bangun.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Saya belum lagi habis.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Bagi laluan sekejap.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Saya mahu beri penjelasan supaya mereka faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Belum bagi lagi.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Oleh sebab ini berkaitan dengan sekolah vernakular. Boleh saya minta penjelasan?

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Tidak apa. Nanti Yang Berhormat ada masa, Yang Berhormat cakap. Saya mahu cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Gajah...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Tadi Yang Berhormat kata berani berdebat. Akan tetapi sekarang tidak berani pula.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Berdebat kamu di luar. Bukan dalam Dewan ini.... [*Dewan riuh*]

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Apa pula? Kalau berani berdebat, sekarang, sekarang!

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Kalau berdebat dalam Dewan, tanya itu Yang Berhormat Pandan.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Jangan di luar. Sekarang ini.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Duduklah! Ini *floor* saya.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Kalau hendak berdebat...

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Apa pasal hendak ganggu? Saya hendak pesan dengan Menteri yang ada. Saya mahu Menteri dengar bahawa di Malaysia sahaja kerajaan membenarkan pengamal-pengamal sekolah jenis kebangsaan. Kita harus mensyukuri nikmat ini. Jangan mempertikaikan nikmat ini dan bersyukur bahawa kita orang Melayu, Bumiputera tidak pun mengganggu gugat soal ini... [*Disampuk*] *You shut up!...* [*Ketawa*]

Oleh sebab itu, pada saya, wajarlah kerajaan memperkasakan guru-guru. Akan tetapi apabila saya tengok Yang Berhormat, Pengerusinya ialah KSU. KSU ini Yang Berhormat Menteri, terlampau sibuk. Dia sekolah, sekolah pun dia tidak boleh urus selesai, hendak urus yayasan macam mana? Yayasan ini kena berniaga, bersaing dengan dunia perniagaan. Carilah pengurus dia yang orang berada latar belakang perniagaan, yang ada *business mentality*. Kalau KSU berniaga, lingkuplah Yayasan.

Ini saya tidak tahulah Menteri, sikit-sikit KSU. KSU tidak faham berniaga, Yang Berhormat Menteri... [*Disampuk*] Ini masalah. Dia kata dia orang bijak pandai, anak muda, anak muda PKR. Anak muda apa ini? Kalau inilah anak muda yang digambarkan, lingkup negara kita. Oleh sebab itu anak muda mulai menolak di Telok Intan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini apa kena mengena dengan yayasan ini Yang Berhormat Kinabatangan? Kata hendak debat, bagi ruang.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Dia tolak calon anak muda DAP di Telok Intan pasal inilah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Cakap pasal PKR, UMNO lagi teruk ini.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Lingkup, lingkup.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Orang macam mana...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: UMNO dah terhentak, tidak belajar lagi.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Apa duduk? *You sit down!*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Bila masa *sit down*? *Sit down* apa benda ini?

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Ini peguam. Peguam apa ini?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Cakap fakta, jangan auta.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Ini loyar, loyar buruklah ini.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *You* lagi loyar. *You* lagi teruk. Sudah dua kali duduk. Mentaliti UMNO ini. Ini mentaliti ini.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Ini loyar dari mana ini?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Apa BN ini.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Anak muda *lawyer* ini?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Hei! Duduk, duduk.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Kalau tak jadi wakil rakyat ini, jadi perompak ini kalau macam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini Yang Berhormat...

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Ini orang kalau tidak jadi wakil rakyat, jadi perompak mungkin... [*Ketawa*] Tengok karakter dia.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tarik balik.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Tengok.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tarik balik.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Karakter dia.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Apa ini? Sangkaan jahat.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Kalau tidak jadi wakil rakyat, jadi perompak ini kalau macam ini punya perangai. Inikah yang hendak digambarkan wajah anak muda?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kalau saya perompak, dia bapak perompak!

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Ini wajah anak muda... [*Dewan riuh*] Wajah anak muda. *So, get out!*

Justeru itu, kalau hendak betul-betul memperkasakan guru-guru, kononlah hendak memperkasakan perguruan, guru-guru diperkasakan dengan membuat perwujudan yaysan ini, carilah orang yang boleh berniaga. Janganlah- semua saya tengok pegawai dalam kementerian. Pegawai dalam kementerian, masalah sekolah-sekolah di Sabah pun tidak selesai, Yang Berhormat Menteri. Selesaikan dulu, baru terlibat dengan perniagaan. Ini barang sekolah-sekolah

tidak selesai hendak berniaga pula. Bagilah orang yang bijak pandai berniaga. Barulah boleh hidup perniagaan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang penting Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Itu betul. Itu betul. Saya orang berniaga. Tengok, ini orang positif, rakan saya. Dia memang positif dia punya mentaliti. Kalau dia berniaga pun rasa saya boleh maju. Ini Yang Berhormat Bandar Kuching memang hebat orangnya. Bukan macam ini ha. Ini satu, tidak ada kaki punya... *[Ketawa]*

Jadi Yang Berhormat Menteri, mintalah kalau betul-betul hendak memperkasakan guru-guru ini dengan berbagai-bagai pendekatan dan perubahan, jangan hanya manis di cadangan-cadangan ini sahaja. Buatlah dengan hati yang terbuka. Walaupun KSU kalau dia tidak ada latar belakang perniagaan, *sorry KSU, it is not your circle*. Ini bukan *you* punya bidang. *You* tumpukan perhatian dalam industri pendidikan negara. Perkasakan dulu industri pendidikan negara kita, kemudian baru fikir cara berniaga.

Yang Berhormat Menteri rasa saya dia bijak berniaga. Jadi Yang Berhormat guna kepakaran itu cari orang yang betul-betul boleh berniaga. Jangan KSU duduk mesyuarat, dia tidak tahu apa yang dia hendak bincang sebab dia bukan berniaga. Jadi yayasan ini tujuan dia berniaga. Berniaga, bersaing. Dia tidak ada dana mana-mana lagi. Dia kena bersaing dalam persaingan terbuka merebut peluang-peluang di luar. Jadi kalau yang mentadbir urus perniagaan dia duduk di pejabat, tidak ada perniagaan Yang Berhormat. Saya melihat bahawa perniagaan ini harus kita jurus ke arah yang lebih mantap.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya dalam bersetuju dan tidak bersetuju, saya sebetulnya mengalu-alukan supaya perubahan dapat dilakukan dalam percaturan mewujudkan yayasan ini. Jangan fikir panjang sangat dengan tohmahan-tohmahan daripada pembangkang yang tidak berasas itu. Mereka memang mahu melihat kita kecundang sebab harapan mereka, mereka boleh mengganti kerajaan. Akan tetapi harapan mereka harapan rapuh dan tidak akan ditunaikan oleh rakyat pada PRU akan datang. *Insyah-Allah*, saya beri jaminan spesies-spesies sebegini akan hilang lenyap daripada muka bumi ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Bachok.

4.18 ptg.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk sama membahaskan Rang Undang-undang Yayasan Tun Hussein Onn.

Saya merujuk kepada Bahagian III, fungsi Yayasan, fasal 5(b), "*Membantu mana-mana pihak menjalankan penyelidikan ke arah meningkatkan kualiti pendidikan negara*". Ada dua isu yang saya ingin bangkitkan di sini.

Pertama, yang juga saya pernah bangkitkan dalam perbahasan sebelum daripada ini dan saya dijanjikan dengan jawapan bertulis daripada pihak kementerian, namun sampai ke saat ini saya masih lagi belum menerima jawapan itu. Barangkali salah Pos Malaysia kot ia tidak sampai.

Saya ingin mengetahui penjelasan kementerian tentang fungsi dan peranan Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia yang berdasarkan maklumat yang diperoleh, bermula tahun 2008, kurikulum Pendidikan Islam telah diletakkan di bawah pengurusan Bahagian Pembangunan Kurikulum seperti mana mata pelajaran lain. Manakala pengurusan penempatan dan pertukaran guru Pendidikan Islam j-QAF telah diletakkan di bawah pengurusan Bahagian Sekolah Harian. Pelaksanaan ini bermula tahun 2010. Dengan berlakunya penstrukturan ini, apakah fungsi sebenar BPI yang selama ini telah diberi amanah untuk menguruskan lebih daripada 53,000 guru-guru j-QAF dan guru-guru Pendidikan Islam mengikut opsyen mereka?

■1620

Apa yang menjadi isu pada hari ini, guru-guru yang telah dilatih dan ditempatkan tidak mengikut opsyen mereka. Contohnya guru-guru bahasa Arab telah ditempatkan mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam, ini satu pembaziran sebab hendak melahirkan guru yang mahir dalam bahasa Arab barangkali perlu kepada kemahiran tambahan. Manakala guru-guru kelas kemahiran al-Quran telah ditempatkan untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Arab. Ini juga boleh menjejaskan kualiti pembelajaran kerana tidak semua guru Pendidikan Islam mahir dalam bidang bahasa Arab. Jadi mohon penjelasan pihak kementerian.

Kedua, maklumat yang sama juga berlaku kepada Bahagian Pendidikan Khas yang mengendalikan murid-murid OKU. Kita mendapati bahawa ada guru-guru yang telah dilatih selama lima tahun di IPGM untuk mengajar murid-murid OKU, buta, pekak dan bermasalah pembelajaran telah ditempatkan di sekolah harian biasa sedangkan di sekolah-sekolah pendidikan khas dan program pendidikan khas masih memerlukan guru-guru yang mempunyai kepakaran dalam bidang buta, pekak dan bermasalah pembelajaran. Saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian, benarkah pada 1 Julai 2013 lebih daripada 160 orang guru pendidikan khas pelbagai opsyen telah ditempatkan di Sarawak sedangkan negeri tersebut hanya memerlukan 40 orang guru? Begitu juga perkara yang sama berlaku di negeri Sabah. Seramai 48 orang guru pendidikan khas telah ditempatkan di negeri tersebut sedangkan keperluannya tidak sampai 40 orang. Ini perlu kepada penjelasan pihak kementerian supaya apa yang kita bincang dan kita bahaskan berkaitan dengan Yayasan Guru ini dengan matlamat yang begitu murni, begitu baik, tidak melencong dari segi pelaksanaannya di peringkat kementerian nanti.

Saya juga hendak merujuk kepada perkara 5(c) iaitu "*Melakukan apa-apa perkara yang wajar atau suai, manfaat atau perlu dalam menjaga kebajikan guru.*" Saya merujuk kepada kes aduan daripada empat orang guru kepada SUHAKAM berkaitan dengan pertukaran mereka dengan alasan politik secara terang dan jelas, bukan arahan secara verbal. Ini arahan secara bertulis dan bukti itu ada bersama dengan saya. Kita menyatakan sangat kesal dengan pelanggaran Perintah Am, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Garis panduan tindakan ke atas sokongan yang diterima daripada pemimpin kerajaan, individu berpengaruh atau mana-mana orang mengenai sesuatu urusan kerajaan dan garis panduan pertukaran guru antara bahagian, negeri, antara daerah dalam daerah sudah dijadikan perkara yang tidak diambil peduli oleh pegawai-pegawai awam, khususnya di kalangan pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Pendidikan di negeri Kelantan, ekoran campur tangan politik yang sangat ketara dan membimbangkan.

Hal ini telah dibuktikan melalui suatu surat Cadangan Pertukaran Guru Sekolah Rendah PPD Bachok 2013, Pejabat Pelajaran Daerah Bachok bertarikh 9 Mei 2013 yang ditujukan kepada Pengarah Pelajaran Kelantan, Jabatan Pelajaran Kelantan yang disediakan oleh PPD ataupun Pegawai Pelajaran Daerah, Pejabat Daerah Bachok, Kelantan. Rujukan surat PPD600-15/17(14) dilampirkan bersama dengan senarai guru yang hendak ditukarkan itu dan disertakan dengan alasan-alasan pertukaran yang tidak ada kaitan dengan kepentingan perkhidmatan. Kesemua alasan tersebut adalah alasan politik dan surat itu telah kita teliti dan adalah merupakan surat yang benar dihantar kepada JPN daripada pihak PPD.

Ini perkara-perkara yang sangat memalukan dunia pendidikan negara kita kerana campur tangan politik seperti ini telah mencemarkan nama baik Malaysia di mata dunia yang kononnya dikenali sebagai hab pendidikan antarabangsa dengan diperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang menggariskan hala tuju dasar jangka panjang bagi menggariskan perubahan-perubahan dalam pendidikan. Perubahan yang diinginkan hanyalah omong-omong kosong sahaja selagi mana perkara campur tangan politik seperti ini tidak diselesaikan oleh pihak kerajaan dan pihak kementerian secara khususnya.

Sehubungan dengan itu juga, saya ingin menegaskan bahawa sepatutnya kita memberikan kebebasan kepada semua pihak termasuk guru-guru untuk menyatakan sokongan mereka kepada parti mana yang mereka hendak sokong dalam pilihan raya, bukan mereka dihalang untuk menyatakan sokongan kerana ini juga sangat bertentangan dengan Perkara 132(11) Perlembagaan Persekutuan, Artikel 21(1), "*Setiap orang berhak mengambil bahagian dalam kerajaan negaranya, dalam penubuhan kerajaannya secara langsung atau melalui wakil-wakil yang dipilih dengan bebas.*" Setiap orang adalah berhak, berpeluang sama rata dalam menyumbang kepada penubuhan sesebuah negara. Maka di atas dasar ini juga setiap individu termasuk guru tidak sepatutnya diperbodohkan dan dijadikan bahan-bahan ugutan untuk menghalang mereka daripada melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai warganegara dalam negara yang mengamalkan demokrasi. Jadi sekadar itu yang saya boleh sebut. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

4.25 ptg.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengalu-alukan penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014 ini dan secara ringkasnya, saya hendak merujuk kepada Bahagian III, fungsi dan kuasa Yayasan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan pelbagai bantuan pendidikan kepada murid-murid sekolah termasuk kepada anak-anak guru. Banyak bantuan yang diberikan. Di samping itu juga, di samping bantuan-bantuan seperti bantuan awal persekolahan, biasiswa kecil persekutuan, kerajaan juga ada menyediakan kemudahan asrama bagi menempatkan murid-murid yang tinggal jauh daripada sekolah bagi memastikan mereka tidak tercicir daripada sistem pendidikan negara. Daripada aspek keselamatan pula, saya juga mendapati terdapat penglibatan agensi-agensi yang lain yang turut menyumbang kepada penyediaan bantuan seperti insurans kepada murid-murid sekolah.

Saya percaya dan saya tahu bahawa penglibatan ini termasuklah juga kepada anak-anak guru. Saya tengok banyak juga bantuan yang telah disediakan oleh kerajaan kepada murid-murid sekolah ini termasuk anak-anak guru. Jadi, saya hendak mohon penjelasan daripada pihak kementerian mengenai relevannya penubuhan Yayasan dalam memberikan bantuan hanya kepada anak-anak guru. Ini saya merujuk kepada 6(2)(b) dalam kertas yang diberikan kepada kita.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya maklum juga bahawa kementerian juga telah menyediakan bantuan biasiswa kepada murid-murid sekolah yang layak dan juga cemerlang dalam pendidikan untuk melanjutkan pelajaran mereka ke pusat pengajian tinggi di dalam dan juga di luar negara. Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada pihak kementerian mengenai fungsi Yayasan dalam memberikan bantuan pendidikan kepada anak-anak guru ini. Adakah ia sama atau lain daripada biasiswa yang sedia ada, yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan?

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, saya dimaklumkan terdapat lebih kurang 400,000 orang guru yang bertugas di sekolah kerajaan dan juga bantuan kerajaan. Walau bagaimanapun terdapat guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah swasta dan juga sekolah-sekolah antarabangsa. Oleh yang demikian dalam hal ini, saya hendak memohon penjelasan daripada pihak kementerian mengenai sasaran anak-anak guru yang dimaksudkan, sama ada ia kepada semua anak guru di semua sekolah yang disebutkan tadi, sama ada mereka ini layak untuk menerima bantuan pendidikan yang disediakan oleh Yayasan Guru Tun Hussein Onn? Berdasarkan kepada tiga perkara tersebut, saya memohon penjelasan daripada pihak kementerian untuk memberikan perincian kepada persoalan saya. Terima kasih, dengan ini saya menyokong RUU ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat SibU.

4.29 ptg.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Yayasan Tun Hussein Onn. Sebelum kita melanjutkan dengan kebajikan dengan profesionalisme guru-guru di Malaysia, saya ingin membawa satu isu kepada Dewan yang mulia ini tentang murid-murid kita.

■1630

Di Malaysia, anak-anak warganegara kita menikmati pendidikan yang percuma. Warga asing datang ke Malaysia, mereka boleh menikmati pendidikan dengan pembayaran yuran. Akan tetapi ada satu kumpulan murid di Malaysia ini, mereka tidak dapat melanjutkan atau mendapatkan pendidikan di Malaysia. Golongan ini adalah golongan yang tidak ada IC, murid-murid yang tidak ada IC di Malaysia. Ada tiga golongan anak-anak ini. Saya berikan kepada tiga golongan.

Pertama, anak-anak Orang Asli Sarawak yang tidak sempat mendaftarkan diri mereka untuk mendapatkan sijil lahir dan membuat IC.

Golongan kedua ialah pada masa ketika dahulu ada banyak ibu bapa di kawasan saya, Sibü atau di Sarawak, mereka mengambil anak angkat dengan menggunakan sijil lahir yang palsu. Ini satu isu yang sudah dibahaskan di Dewan ini saya rasa, supaya anak angkat mereka boleh menjadi anak kandungan. Ini kerana di Malaysia kalau anak angkat, sijil lahir ada tertulis anak angkat. Jadi, bila ambil anak angkat, anak itu akan mengetahui bahawa bapanya bukan bapa kandungnya. Jadi, banyak pada ketika dahulu ibu bapa mengambil anak angkat dengan sijil lahir yang palsu supaya anaknya tidak tahu bahawa bapanya adalah bapa angkatnya.

Golongan ketiga ialah anak-anak yang dilahirkan oleh perempuan warga asing dengan lelaki warganegara Malaysia tetapi tidak melalui pendaftaran perkahwinan yang sah. Kebanyakan mereka ini sekarang di kawasan saya, ibu sudah tidak dapat ditemui, sudah lari. Jadi, anak-anak ini tidak dapat mendapatkan kewarganegaraan di Malaysia dan tidak dapat membuat IC di Malaysia.

Saya memohon supaya kerajaan harus mempertimbangkan golongan-golongan ini. Jangan merampas hak mereka untuk mendapatkan pendidikan. Sekurang-kurangnya sebelum mereka ini mendapatkan hak kewarganegaraan mereka, kerajaan harus mengizinkan mereka mendapatkan pendidikan yang berbayar seperti layanan yang dinikmati oleh pelajar-pelajar warga asing. Saya diberitahu bahawa untuk warga asing mendapatkan pendidikan di Malaysia, mereka mesti mendapatkan *student pass*. Jadi, sekarang ini mereka yang tidak ada IC, golongan yang tidak ada IC di Malaysia, mereka tidak ada warganegara atau warganegara negara asing juga. Jadi, mereka tidak dapat pergi imigresen untuk mendapatkan *student pass*. Jadi, tidak ada *student pass*, mereka tidak dapat memohon untuk mendapatkan pendidikan di Malaysia.

Jadi, saya hanya mahu membawa isu ini untuk perhatian Dewan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sabak Bernam.

4.34 ptg.

Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada kerajaan memperkenalkan rang undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini sebagai bukti keprihatinan berterusan kerajaan kepada kebajikan dan pembangunan guru. Sebagai bekas pendidik selama 33 tahun iaitu 20 tahun sebagai guru dan 13 tahun bertugas di Pejabat Pelajaran Daerah, saya amat menghargai usaha murni dan tulus ikhlas kerajaan. Ini bukan sahaja sebagai menghargai jasa golongan guru bagi melahirkan modal insan untuk negara tetapi sekali gus memartabatkan lagi profesion perguruan yang bertepatan dengan agenda untuk memartabatkan profesion perguruan seperti terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Sememangnya menjadi guru dewasa ini bukan mudah. Tugas dan tanggungjawab yang besar terletak di bahu para guru menuntut komitmen yang tinggi, khususnya dalam menghadapi persaingan global yang menuntut perubahan dinamik dalam sistem pendidikan. Dalam hubungan ini, saya menyeru agar guru-guru sebagai golongan profesional perlu bersedia untuk menerima perubahan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengumumkan penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn pada 19 Mei 2007 semasa melancarkan sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan ke-36 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor. Penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn adalah sebagai hadiah amat berharga dan bermakna kepada seluruh warga guru sempena sambutan 50 tahun kemerdekaan. Keprihatinan dan komitmen kerajaan terhadap hal ehwal kebajikan serta pembangunan guru tidak boleh dipertikaikan lagi apabila yayasan ini di institusi atas nama Tun Hussein Onn yang merupakan Perdana Menteri Ketiga Malaysia pada tempoh 1976-1981 lalu.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bercadang menyediakan modal sebanyak RM300 juta bagi penubuhan Yayasan ini melalui pemindahan aset daripada Kumpulan Wang Simpanan Guru iaitu sebanyak RM200 juta dan geran kerajaan sebanyak RM100 juta. Buat pertama kalinya dalam sejarah sebuah Yayasan, khususnya ditubuhkan untuk guru dan dinaungi kerajaan dengan fungsi utama Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini adalah untuk menjaga kebajikan guru-guru seperti semasa kecemasan, khairat dan bencana. Malah ia juga meliputi pendidikan anak-anak dan sebagaimana bagi menambahbaikkan kerjaya perguruan dan profesional perguruan secara keseluruhannya. Sehubungan dengan ini, saya ingin mendapatkan penjelasan. Setakat manakah penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini akan menggabungkan entiti seperti Kumpulan Wang Simpanan Guru 1961 dan Yayasan Guru Malaysia Berhad 1994 dan mampu menambahbaikkan usaha untuk menjaga kebajikan guru dan memartabatkan profesion guru.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh seksyen 5, Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn yang menyatakan fungsi utama Yayasan adalah untuk membantu

kementerian bagi mengadakan aktiviti dalam meningkatkan pembangunan profesionalisme guru, menjalankan penyelidikan ke arah meningkatkan kualiti pendidikan negara, menjaga kebajikan guru dan membantu pendidikan anak guru.

Saya amat mengalu-alukan hasrat murni kerajaan ini selain langkah kerajaan memperkenalkan satu skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pelajaran (PPP) yang telah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014. Di mana pada tahun ini seramai lebih 5,000 orang Pegawai Perkhidmatan Pelajaran gred DG32, DG34, DG38 akan dinaikkan pangkat kepada gred DG42. Kerajaan juga telah menambah laluan kenaikan pangkat guru berdasarkan *time base*, berasaskan kecemerlangan. Saya percaya golongan guru dan pendidik menghargai dan menyokong usaha-usaha kerajaan ini. Sehubungan dengan ini, guru perlu diberi pendedahan dan peluang untuk menambah nilai intelektual dan peningkatan ciri-ciri inovatif kerana guru adalah merupakan ejen perubahan dalam menghasilkan modal insan yang diperlukan negara ini.

Berhubung dengan peningkatan profesionalisme guru, saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan. Langkah kerajaan memantapkan lagi guru di IPG dan kursus-kursus dalam program pendidikan guru supaya turut menekankan dan menerapkan unsur-unsur kreativiti dan inovasi. Sejauh manakah elemen inovasi turut diberikan tumpuan bagi pembudayaan inovasi agar program pensiswazahan guru PPG dimantapkan dan diperluaskan? Bukan sahaja meletakkan sasaran 60% guru siswazah sekolah rendah dan 90% guru siswazah sekolah menengah pada tahun 2015 dalam pelbagai bidang pengkhususan tetapi juga saya mencadangkan agar guru-guru terus diberi peluang yang lebih luas untuk menyambung pelajaran. Bukan sahaja di peringkat ijazah tetapi juga peringkat sarjana dan doktor falsafah (PhD). Selain itu, guru-guru juga sewajarnya diberi peluang untuk mengikuti kursus, seminar dan projek serta program yang sesuai secara usaha sama dengan institusi pendidikan luar negara terutama negara maju.

■1640

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya dengan izin saya menyentuh berhubung dengan seksyen 10(1), Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn iaitu berhubung dengan keanggotaan lembaga. Saya menyokong dengan keanggotaan Lembaga Yayasan Guru Tun Hussein Onn. Bagaimanapun, saya ingin mencadangkan agar lebih ramai guru ataupun pegawai pendidikan pelajaran yang sedang berkhidmat dan telah bersara diberi peluang menduduki atau menganggotai lembaga yayasan ini. Sehubungan ini, dengan seksyen 10(1)(g) sepatutnya dipinda dengan menyatakan tiga orang atau jumlah yang sesuai bagi membuka ruang penambahan bilangan anggota lembaga Yayasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, guru memikul beban melahirkan pelajar berilmu dan berkebolehan yang bersedia untuk mewarisi perjuangan dan menyumbang kepada pembangunan negara. Kita berterima kasih kepada guru yang begitu banyak berjasa, berkorban masa dan tenaga dan tidak pernah jemu melaksanakan tanggungjawab yang besar ini. Saya yakin dan percaya dengan penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini akan meningkatkan kebajikan guru-guru dan

profesionalisme perguruan sesuai dengan tema Hari Guru 2014 Guru: Pencetus Kreativiti, Penjana Inovasi.

16 Mei sentiasa diingati,

Sambutan meriah yang penuh tradisi,

Terima kasih cikgu yang dikasihi,

Jasa baktimu sentiasa dihargai.

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Gajah.

4.41 ptg.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adanya Yayasan untuk guru-guru sahaja tidak memadai untuk menjaga kebajikan dan meningkatkan profesionalisme guru-guru. Ada perkara-perkara lain yang turut perlu diberi perhatian supaya guru-guru kita dapat menjalankan tanggungjawab mereka dalam satu situasi ataupun dalam satu keadaan yang baik.

Isu infrastruktur dan suasana juga adalah perkara yang perlu diberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya oleh kerajaan. Di negara kita memang terdapat sekolah-sekolah yang besar, sekolah-sekolah yang sofistikated, sekolah-sekolah yang canggih seperti sekolah-sekolah antarabangsa. Pada masa yang sama, kita juga mempunyai sekolah-sekolah yang cukup uzur. Terdapat banyak sekolah terutamanya sekolah-sekolah vernakular khususnya sekolah-sekolah Tamil yang berada dalam keadaan yang cukup buruk. Di sekolah-sekolah ini guru-guru terpaksa mengajar dalam satu suasana yang memang menjadi satu beban. Bukan sahaja dari segi imej, malah ia juga mengganggu emosi mereka.

Bila perkara ini dibangkitkan, kerajaan memberitahu bahawa banyak wang ataupun peruntukan telah pun diberikan untuk membantu sekolah-sekolah Tamil. Akan tetapi, saya ingin membangkitkan satu perkara yang penting. Baru-baru ini saya difahamkan bahawa dalam media, pihak kerajaan mengatakan bahawa lebih kurang RM560 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan sekolah-sekolah Tamil. Kerajaan telah memperuntukkan wang sejumlah itu sejak tahun 2009. Ini merupakan satu jumlah yang besar dan boleh membantu menaik taraf sebahagian besar daripada sekolah-sekolah Tamil yang berada dalam keadaan yang uzur.

Seperti mana kita semua sedia maklum, banyak di antara sekolah-sekolah Tamil di negara kita memerlukan peruntukan kerajaan untuk membaik pulih bangunan dan menambah baik infrastruktur supaya dapat memenuhi kehendak semasa. Perkara ini bukanlah perkara baru yang diperjuangkan oleh masyarakat India di negara ini. Pelbagai pertubuhan bukan kerajaan dan rakyat biasa juga sentiasa membangkitkan isu sekolah-sekolah Tamil yang daif ini. Kita juga tidak boleh lupa kepada peristiwa 25 November 2007 di mana puluhan ribu kaum India dari semua lapisan status sosioekonomi telah bersama-sama turun berhimpun di kota Kuala Lumpur.

Satu daripada ketidakpuasan yang membangkitkan perasaan kemarahan kaum India di negara ini ialah berhubung dengan sikap kerajaan yang sentiasa menganaktirikan sekolah-sekolah vernakular terutamanya sekolah-sekolah Tamil. Ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan tsunami politik berlaku dalam PRU-12 dan menyebabkan pertama kali Barisan Nasional hilang majoriti 2/3 di Parlimen dan tumbang di Selangor, Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Kelantan. Saya yakin kerajaan telah mempelajari kelemahannya daripada pengalaman ini dan telah mula mengambil beberapa langkah untuk menutup kesilapan-kesilapan lampau. Itulah sebabnya kerajaan mula memberikan peruntukan yang lebih besar mulai tahun 2009.

Tujuan kerajaan adalah untuk menawan semula hati masyarakat India. Oleh yang demikian, kerajaan telah memperuntukkan wang sejumlah RM560 juta dari tahun 2009 sehingga tahun 2013 untuk memperoleh tapak baru, membina blok tambahan dan kerja-kerja naik taraf bagi sekolah-sekolah Tamil. Dari tahun 2009 hingga tahun 2011, dikatakan bahawa RM340 juta dibelanjakan untuk pembangunan sekolah-sekolah Tamil. Pada tahun 2012, sebanyak RM100 juta telah diperuntukkan untuk tujuan yang sama. Begitu juga bagi tahun 2013, kerajaan memperuntukkan jumlah yang sama iaitu RM100 yang diluluskan dalam belanjawan kerajaan.

Pada tahun tersebut juga, RM20 juta peruntukan tambahan telah disalurkan untuk membina dan membaiki 13 buah sekolah Tamil di seluruh negara. Masalahnya ialah sama ada wang sejumlah RM560 juta itu benar-benar telah disalurkan untuk pembangunan sekolah-sekolah Tamil? Tidak ada perubahan yang besar yang dapat dilihat dan dirasakan oleh kaum India setelah sejumlah besar wang itu kononnya telah dibelanjakan oleh kerajaan. Banyak lagi sekolah Tamil yang berada dalam keadaan yang sangat uzur dan menyakitkan mata sehingga hari ini. Isu ini telah mengecewakan keseluruhan masyarakat India yang merasa tertipu dengan janji-janji yang diberikan oleh kerajaan.

Adakah wang sejumlah RM560 juta benar-benar telah disalurkan kepada sekolah-sekolah Tamil? Jika benar, kerajaan harus bertanggungjawab untuk melaporkan melalui siapakah wang ini disalurkan. Nyatakan nama sekolah-sekolah yang menerima peruntukan itu dan jumlah yang diberikan kepada sekolah-sekolah tersebut dalam tempoh yang sama. Perkara ini perlu didedahkan segera oleh kerajaan supaya rakyat mengetahui keadaan yang sebenar. Apabila perkara ini dibangkitkan melalui media, pemimpin-pemimpin MIC membisu dalam hal peruntukan ini. Malah perkara ini telah menambahkan lagi perasaan kecurigaan rakyat terhadap kerajaan dan parti MIC. Ada dua kemungkinan yang berlaku jika kerajaan juga turut membisu dalam hal ini.

Satu, wang yang disalurkan kepada pihak-pihak tertentu itu telah dilesapkan secara licik tanpa pengetahuan kerajaan. Kedua, kerajaan tidak jujur memberikan peruntukan itu seperti mana yang telah dijanjikan. Hanya janji kosong pilihan raya untuk menipu masyarakat India. Oleh yang demikian, saya mendesak kepada Menteri Pendidikan untuk mendedahkan semua maklumat berkaitan dengan peruntukan wang sejumlah RM560 juta itu secepat mungkin. Ini juga

telah menggugat kewibawaan kerajaan dan tidak dapat menepati janji kepada masyarakat India dalam banyak hal yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini ialah perkara yang penting sebab pada masa ini memang perkara ini menjadi perbualan di mana-mana sahaja. Masyarakat India khususnya ingin mengetahui di mana perginya wang RM560 juta yang kononnya telah diberikan oleh kerajaan dari tahun 2009 hingga tahun 2013. Jadi, saya mohon daripada kerajaan untuk memberi penjelasan dan memberikan fakta-fakta secara terperinci.

■1650

Berhubung dengan Yayasan Guru Tun Hussin Onn, saya amat bersetuju dengan seksyen 6(d). Ini adalah satu perkara yang baik di mana Yayasan ini akan memberi bantuan kepada guru-guru dan anak guru untuk melanjutkan pelajaran mereka, memberi pembiayaan biasiswa, pinjaman dan sebagainya. Akan tetapi harus diingat bahawa apabila kita hendak berikan bantuan-bantuan seperti ini kita perlu ada satu mekanisme yang betul. Bagaimanakah cara kita hendak bagi pembiayaan ini, pinjaman ataupun biasiswa ini. Sebab saya khuatir jika tidak ada satu mekanisme yang betul mungkin akan berlaku juga ketidakadilan dalam memberikan pinjaman, pembiayaan, ataupun biasiswa ini.

Jadi saya juga memohon daripada menteri sebab di sini dalam seksyen 6(d) ini mengatakan bahawa Yayasan akan menentukan bagaimanakah cara peruntukan itu diberikan ataupun pembiayaan itu diberikan. Akan tetapi saya rasa ia harus digariskan dengan teliti apakah kriteria yang akan digunakan oleh kerajaan untuk memberi pinjaman pembiayaan ataupun biasiswa sama ada mengikut merit dan sebagainya. Itu adalah sangat penting. Kalau tidak mungkin ini juga akan menjadi satu masalah. Mungkin akan berlaku ketidakadilan dan banyak lagi masalah akan timbul pada masa hadapan kalau perkara ini tidak ditangani dengan betul. Itu sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya, ramai lagi? Berapa orang lagi? Satu, dua. Yang Berhormat Jelebu sila.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya juga mengambil bahagian di dalam membahaskan rang undang-undang ataupun Akta Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014. Jadi kepada kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan saya mengucapkan syabas dan tahniah kerana mengambil langkah yang proaktif untuk membubarkan KWSG dan menggantikan dengan Yayasan Guru Tun Hussein Onn. Ini kerana KWSG sudah jelas tidak lagi relevan kerana pencarumnya sudah tidak ada dan mengalih kepada Yayasan Guru Tun Hussein Onn maka skop dan tanggungjawab kepada kebajikan dan peranan KWSG itu sudah beralih kepada satu skop yang lebih baik dan lebih memberi manfaat kepada perguruan dan juga sistem yang ada.

Jadi saya ingin membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan akta ini khususnya mengingatkan supaya Yayasan ini juga mengambil kira peruntukan, bantuan atau sokongan dana kepada PIBG-PIBG di sekolah dalam perancangan dalam masa akan datang. Seperti kita

tahu di sekolah-sekolah sama ada di sekolah rendah, sekolah menengah seluruh negara terdapat begitu banyak pertubuhan dan persatuan-persatuan yang ada dan PIBG semua sekolah. Jadi mereka ini tidak termasuk dalam belanjawan kementerian di dalam menguruskan aktiviti dan kegiatan bagi menyokong sistem pendidikan yang ada itu. Jadi oleh sebab itu dengan penubuhan Yayasan, saya percaya Yayasan ini boleh memberi dorongan dan sokongan dana dalam bentuk pentadbiran pengurusan atau apa yang boleh difikirkan oleh Yayasan, mungkin berasaskan kepada projek-projek yang sekolah-sekolah ataupun persatuan-persatuan ingin jalankan dari semasa ke semasa.

Akan tetapi kepada PIBG, satu peruntukan atau dana bagi pengurusan secara tetap pada jumlah yang setimpal boleh difikirkan oleh Yayasan dan ini boleh memberikan satu rangsangan dan manfaat yang besar kepada penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini. Yang kedua berkaitan dengan caruman yang tidak dituntut. Jadi kalau boleh saya mohon kementerian menjelaskan jumlah dana ini yang mungkin akan dihantar, dipulangkan, atau dikembalikan kepada Kumpulan Wang Tidak Dituntut. Jadi kita mahu tahu berapa jumlah dana yang sedemikian rupa dan kenapa terjadi begini. Kenapa waris, kenapa orang yang berkenaan itu tidak menuntut dan apakah langkah-langkah? Banyak mungkin dana ini tetapi mungkin cikgu-cikgu ini sudah cukup banyak duit menyebabkan mereka tidak menuntut.

Jadi oleh sebab itu mohon kementerian menjelaskan apakah langkah menghubungi mereka dan sebagainya ini untuk mereka menuntut wang mereka. Mungkin kementerian ada jawapan kepada perkara ini dan sangat penting untuk diketahui supaya jangan nanti dikatakan KWSSG tidak menghubungi dan menghilangkan duit pencarum-pencarum yang ada ini. Ketiganya Tuan Yang di-Pertua ialah berkaitan dengan kemungkinan berlaku pertindihan fungsi di antara fungsi Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini dengan fungsi hakiki kementerian itu. Jadi berkaitan dengan soal membantu tadi, membantu kementerian untuk meningkatkan profesionalisme perguruan. Ini fungsi siapa?

Fungsi yang ada dimainkan oleh peranan-peranan yang dimainkan oleh kementerian dan bagaimana Yayasan. Kerana *expertise* itu ada kepada kementerian dan saya tidak fikir ada pada Yayasan. Jadi ini juga harus dihalusi, diperincikan bidang-bidangnya dan bagaimana Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini boleh membantu di dalam meningkatkan profesionalisme. Tetapi saya bersetuju sekiranya Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini berfungsi lebih dalam soal R&D *research* ini. Ini penting, *research* itu jangan terhad kepada soal profesion perguruan semata-mata tetapi *research* yang boleh menjangkau persiapan sistem pendidikan kita untuk menghadapi satu keadaan yang lebih jauh ke hadapan.

Makna kita boleh *anticipate* supaya kita boleh menyusun kurikulum kita untuk memenuhi pasaran di masa akan datang. Kita boleh menyusun kaedah kita dan juga bidang-bidang yang perlu diberikan perhatian dan keutamaan dalam sistem pendidikan kita. Ini melalui *research* yang mungkin Yayasan boleh lakukan supaya dia boleh membantu kementerian dan kerajaan di dalam merancang dan juga menyusun sistem kaedah bagaimana sistem pendidikan kita ini sentiasa

ampuh dan sentiasa bersifat kontemporari bagi menghadapi keperluan-keperluan yang sentiasa berubah di masa-masa akan datang.

Jadi selain daripada itu mungkin kajian, *research* berkaitan anak-anak kampung yang berjaya yang mungkin kita boleh menjadikan dia sebagai model sebagai satu pendekatan yang boleh digunakan sebagai cara kita untuk memperkembangkan sistem pengajaran kita, pendekatan kita bagi memastikan supaya kecemerlangan sistem pendidikan dan anak-anak dapat kita jelmakan. Begitu juga kepada yang miskin dan sebagainya. Selain daripada itu, Yayasan ini saya percaya akan boleh membantu kebajikan yang sekarang ini sudah pun dimainkan cukup baik oleh kementerian untuk kebajikan guru-guru. Jadi mana yang tidak terlingkup ataupun tidak termasuk oleh skop di bawah Kementerian Pendidikan itu maka di sinilah timbulnya kementerian ataupun timbulnya peranan Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini untuk memenuhi bahagian-bahagian, atau kumpulan-kumpulan yang tertinggal ataupun tidak dapat dipenuhi oleh syarat-syarat di dalam kementerian bagi tujuan kebajikan ini.

Begitu juga kerana kementerian sudah menyediakan biasiswa dan sebagainya. Tetapi yang tertinggal ini, anak-anak guru, anak-anak atau guru-guru yang tertinggal daripada sistem kebajikan yang sudah sedia ada. Di bawah kementerian itu boleh dimainkan peranan oleh guru ataupun Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini bagi melengkapkan kepada susunan dan juga sistem aturan yang sudah sedia ada di dalam kementerian itu.

■1700

Jadi saya memang yakin dan percaya bahawa peralihan daripada KWSG kepada Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini sesuatu tindakan yang sangat tepat, bijak dan saya yakin dan percaya ia akan memberikan kekuatan kepada perguruan dan profesion yang ada untuk masa-masa akan datang. Dengan itu Jelebu menyokong akta ataupun Rang Undang-Undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Gerik. Lepas Gerik tidak ada yang bangun ya? Selepas Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila.

5.00 ptg.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita berterima kasih kepada Kementerian Pendidikan yang telah mencadangkan untuk mewujudkan Yayasan Guru Tun Hussein Onn yang mana kita difahamkan sebelum ini guru-guru yang telah berkhidmat, telah memotong gaji mereka ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Guru (KWSG), manakala tiba pada satu masa datang ke skim telah ditetapkan, maka kumpulan wang simpanan tadi telah memberi manfaat kepada guru-guru yang berkenaan.

Sehingga hari ini difahamkan terkumpul satu jumlah yang mana pihak kementerian mencadangkan kepada Dewan untuk kita pindahkan wang tersebut kepada Yayasan Guru Tun Hussein Onn. Seterusnya kita merasakan dengan terwujudnya yayasan guru tadi dan dinyatakan dalam ini fungsi kuasa, cumanya saya hendak minta kementerian menjelaskan adakah wang

tersebut boleh digunakan kepada individu-individu. Maksudnya guru dan anak guru ataupun dalam konteks yang macam mana seperti penyelidikan dan pelbagai lagi?

Ini kerana penerangan ini kita rasakan belum dapat penjelasan yang sejelasnya daripada kementerian. Di mana waris-waris ataupun mereka yang sebenarnya wang tadi pindahkan ke tabung ini akan mempertikaikan apakah wang tersebut boleh dibelanjakan oleh guru-guru yang kemudian ini dan juga anak-anak mereka yang kemudian ini. Maka kerana itu saya percaya tujuan penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini akan memberi keuntungan kepada masyarakat guru yang mempunyai jumlahnya lebih daripada 400,000 orang dan kita merasakan mungkin sejumlah yang ada tadi wang tersebut tidak mencukupi. Akan tetapi tadi daripada Yang Berhormat Sabak Bernam menyatakan wang tersebut lebih kurang ada RM200 juta dan difahamkan kementerian akan tambah RM100 juta.

Jadi di sinilah penjelasan oleh pihak kementerian supaya tidak ada kekeliruan dan tidak menyebabkan di kalangan kita mengambil kesempatan untuk menerangkan perkara yang tidak benar. Cuba kita lihat hari ini, kerajaan telah cuba ubahkan dasar pendidikan negara dengan memperkenalkan PBS di peringkat sekolah rendah dan juga memperkenalkan PBS di peringkat sekolah menengah dari Tingkatan 1 sampai Tingkatan 3. Apa yang paling penting, kita hendak melihat hasil daripada pelaksanaan sistem tersebut.

Pada peringkat awal kita rasa apa yang kementerian hendak buat ini tidak menimbulkan masalah tetapi hari ini bila kita turun ke bawah, kita berhadapan dengan guru-guru, ada di kalangan guru-guru tidak faham apa benda PBS. Tambahan pula di Tingkatan 3 pada tahun ini pelajar-pelajar Tingkatan 3 akan mengambil peperiksaan secara PBS fasa kedua tidak silap saya. Di mana mereka ini akan keluar di Tingkatan 3.

Apa akan berlaku kalau guru-guru yang mengajar di seluruh negara mempunyai kefahaman masing-masing dan penilaian antara guru-guru menyebabkan anak-anak kita menghadapi masalah. Soal pokoknya apa yang akan berlaku kepada manusia yang kita hendak lahirkan tadi? Apakah kita hendak menjadikan sekumpulan manusia boleh sewenang-wenang boleh berkata di khalayak ramai atau dalam sidang di Dewan Undangan Negeri seperti di Pulau Pinang. Kita ambil contoh perkataan yang tidak selayaknya datang daripada seorang manusia yang menjadi pemimpin. Kadang-kadang kita merasakan manusia ini terlampau ego, tidak memahami ada pelbagai kaum dalam negara ini.

Kadang-kadang di dalam Dewan ini pun kita diperlihatkan masih ada suara-suara yang seolah-olah tidak memahami erti perpaduan. Harga perpaduan kita mulakan daripada tahun 1957 hingga hari ini, sudah ada suara-suara sumbang. Kalau kita biarkan, kita akan melahirkan satu kumpulan manusia yang mungkin kita bertemu di hadapan muka manis dan tidak menunjukkan apa-apa. Akan tetapi apa akan berlaku? Sudah ada tanda-tanda yang tidak baik. Meletup di sana, meletup di sini. Bunuh di sana, bunuh di sini. Jadi oleh sebab itu, ini yang saya katakan soal yayasan guru ini juga kita berharap tidak menjadi isu selepas ini supaya pihak kementerian

dapat menjelaskan dengan nyata di dalam jawapan penggulungan nanti supaya tidak timbul permasalahan kepada kita.

Seperkara lagi seperti yang kita telah sedia maklum, kejayaan sesuatu organisasi banyak bergantung kepada komitmen dan dedikasi pekerja di dalam organisasi tersebut. Saya pasti pekerja KWSG banyak membantu dalam pengurusan dan pentadbiran sehingga KWSG berada di tahap sekarang dengan pencapaian yang cemerlang. Jasa dan bakti mereka tidak harus dinafikan malahan perlu diberi penghargaan dan pengiktirafan yang sewajarnya. Mengikut amalan, organisasi swasta yang akan dibubarkan, diambil alih atau digabungkan, para pekerja akan diberi pilihan melalui skim dengan izin, *voluntary separation scheme* (VSS) dengan diberi pampasan atau ganjaran yang sewajarnya. Dengan ini saya amat khuatir mengenai nasib dan masa depan pekerja KWSG apabila ia dibubarkan.

Soalan saya, adakah Yayasan Guru Tun Hussein Onn yang bakal ditubuhkan ini akan menawarkan pekerjaan di yayasan kepada mereka? Atau adakah mereka diberi pilihan dan pampasan yang sewajarnya seperti mana yang diamalkan oleh organisasi swasta? Itu maknanya kita hendak menjaga kakitangan yang sedia ada sekarang ini, bagaimana bila dibubarkan, mereka ada tempat atau tidak dalam Yayasan Guru Tun Hussein Onn nanti. Dalam pada itu suka saya membangkitkan, walaupun kita bercakap soal Yayasan Guru Tun Hussein Onn tetapi guru sama macam kita, manusia yang mempunyai perasaan. Saya cuba skopkan yang lebih kecil lagi di tempat saya dalam Daerah Hulu Perak.

Kadang-kadang kita melihat penilaian yang tidak sama guru-guru yang naik pangkat kepada penolong kanan, kepada guru besar atau pengetua. Ini kerana kita tahu pengetua dan guru besar inilah orang yang memainkan peranan untuk memastikan sekolah berjalan, dasar yang dibuat oleh kementerian berjalan. Seperti mana yang saya katakan PBS dan perkara-perkara yang lain. Walaupun taklimat diberi, saya rasa saya yakin sebahagian besar daripada Ahli Parlimen tidak memahami dengan tepat tentang PBS yang hendak dilaksanakan di peringkat sekolah rendah.

■1710

Kadang-kadang dikatakan hendak beri kaedah Band. Ujian hendak buat boleh, tidak buat pun boleh. Akan tetapi bagaimana anak-anak kita yang hendak masuk ke sekolah berasrama penuh? Mereka kata hendak tengok juga 'A', 'B', dan 'C' yang anak-anak kita dapat. Maka sama juga pada saya tentang kenaikan pangkat guru ini perlu dilihat secara menyeluruh. Jangan difikirkan kroni kepada PPD, jangan difikirkan kroni kepada jabatan yang akhirnya kita boleh buat satu kesimpulan, yang rakyat hari ini buat satu kesimpulan. Mereka yang lebih mirip dan menyokong pembangkang diberi peluang naik pangkat. Mereka yang menyokong kerajaan kerja teruk tara mana pun sebahagian besarnya tidak ada peluang dapat naik pangkat. Kalau ini berlaku, apa akan jadi kepada negara? Guru semakin ramai menentang kerajaan. Jadi kalau ini berterusan, hasilnya macam mana?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tukar kerajaan sahajalah.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Kita akan lahirkan...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tukar kerajaan, guru menyokong kerajaan juga.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, mesti tukar kerajaan.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Saya tidak ada tukar kerajaan tetapi pembangkang berperangai bukan sebagai pemimpin yang bertanggungjawab tetapi memutar belitkan fakta dan pendekatan saya kira memberi keadaan yang tidak baik.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kalau guru dari pihak pembangkang naik pangkat, maknanya guru yang pembangkang itu betul, kerja bagus. Guru-guru yang duduk kerja dengan UMNO inilah teruk. Orientasi UMNO ini habis.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Guru yang menyokong pembangkanglah yang nampaknya cakap di luar kerja rajin.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Had UMNO ini profesor pun jadi bodoh.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: ...Sepanjang masa berkempen kepada perkara yang tidak baik yang akhirnya melatih murid-murid kepada perkara yang tidak baik. Mungkin Yang Berhormat Pokok Sena dia tengok kawasan dia, dia cakap macam itu tetapi...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: ...Kita boleh tanya kepada semua suasananya macam mana. Ya, Yang Berhormat Seputeh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Seputeh sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Apa yang saya tahu ialah yang hari itu Timbalan Menteri Pendidikan, dia baru kata yang pendirian guru atas politik haruslah neutral. Jadi sekarang Yang Berhormat Gerik yang kata ia proBarisan Nasional, propembangkang dan sebagainya. Saya juga rasa hairan tentang isu itu yang mana seorang guru letak gambar Dyana Sofya atas *Facebook*. Selepas itu dikritik oleh pihak Jabatan Pendidikan. Apakah ini melarang kebebasan seseorang guru ada pandangannya dan juga kebebasannya beri dia untuk menguruskan *Facebook*nya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Di sini yang saya melihat DAP cuba menunjuk watak yang baik tetapi sebenarnya watak-watak yang sebenar kalau kita kaji secara halus seperti Dyana Sofya bertanding di Telok Intan, konon-konon Dyana Sofya tidak pakai tudung cuba hendak dinyatakan oleh pihak ini, ini UMNO yang buat. Ini antara yang kita tengok. Kadang-kadang PAS atau pembangkang cuma melihat satu kes seorang guru dipindahkan. Akan tetapi berapa ramai guru yang menyokong kerajaan ini yang teraniaya? Kita jarang bercakap benda-benda ini tetapi merungut sama-sama kita Ahli-ahli Parlimen kerajaan.

Jadi saya tidak mahu memanjangkan lebih lagi. Akan tetapi walau bagaimanapun saya yakin penubuhan Yayasan Tun Hussein Onn memberi banyak manfaat kepada guru-guru, *insya-*

Allah dan pihak kementerian- cuma saya harapkan atur betul-betul, jangan sekadar peringkat di kementerian seronok merangka benda-benda tadi, tetapi orang di bawah kakitangan kita tidak faham apa yang kementerian buat. Ini yang saya minta tolong kementerian tengok dan saya dari Gerik menyokong penubuhan Yayasan Tun Hussein Onn. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri.

5.14 ptg.

Menteri Pendidikan II [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]: Terima kasih kepada 20 orang ahli yang telah membahaskan isu usul Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn. Perlu saya ingatkan kembali bahawa Kumpulan Wang Simpanan Guru (KWSG) ialah merupakan satu kaedah ataupun tabung persaraan di mana guru-guru yang dahulunya bukan kakitangan kerajaan ataupun di bawah Skim Perkhidmatan Guru-guru Dipersatukan atau pun dengan izin, *Unified Teaching Service* (UTS) merasakan mereka perlu mempunyai tabungan untuk persaraan mereka, tetapi apabila sudah ditawarkan di bawah tawaran Suruhanjaya Diraja Aziz pada 1972 iaitu 42 tahun yang lalu.

Kita kena melihat tarikh tersebut kerana kita boleh merasakan sudah berapa lama ianya ditawarkan. Jadi guru-guru sudah tertakluk kepada Skim Faedah Persaraan Kerajaan. Mereka sudah menjadi kakitangan kerajaan. Dengan itu pada tahun 2007, caruman terakhir dikeluarkan. Tahun 2007 mengatakan tujuh tahun yang lalu dan mengatakan bahawa Kumpulan Wang Simpanan Guru (KWSG) sudah tidak relevan lagi kerana caruman yang terakhirnya sudah dikeluarkan. Ahli-ahli mereka ada yang terdahulunya sudah menjadi kakitangan kerajaan dan tertakluk kepada saraan atau pencen di bawah kerajaan.

Oleh sebab itulah kita menubuhkan Yayasan Tun Hussein Onn untuk mengambil alih aset-aset dan juga liabiliti yang ada untuk tiga fungsi asas iaitu pembangunan profesional, kebajikan guru dan juga pendidikan anak-anak guru untuk asasnya. Ini kerana ada mengatakan-tidak timbul mengapa timbul kerana KWSG yang ada dahulu memang sudah tidak relevan lagi kerana sudah tidak ada pencarum-pencarumnya dan pencarum yang akhir yang telah mengambil caruman mereka pada tahun 2007.

Yang Berhormat Lenggong tadi mengatakan bahawa perlunya ia ditingkatkan *insya-Allah*. Memang menjadi tanggungjawab kementerian, amanah yang telah diberi oleh kementerian untuk memastikan penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini akan memberi- bukan hanya meneruskan apa yang dilaksanakan terdahulu tetapi juga meningkatkan sebagaimana yang dikatakan memberi biasiswa kepada guru-guru yang biasanya dalam skim biasanya tidak mampu mendapat pembiayaan kerajaan. Terutamanya mereka yang had umurnya lebih. Katakanlah mereka yang hendak buat PhD yang lebih 43 tahun, yang membuat sarjana lebih 45 tahun. *Insya-Allah* yayasan ini boleh memainkan peranan mereka. Sama juga dengan kemudahan

kesihatan seperti kerusi roda, anggota palsu boleh diberi kepada ahli-ahli dan juga anak-anak, guru-guru, kebajikan guru, kebajikan kepada anak guru seperti yuran dan juga persekolahan.

Saya juga ingin mengatakan bahawa ramai juga ahli yang bercakap tentang ahli lembaga pengarah. Sebenarnya kalau kita lihat dalam rang undang-undang yang dibentangkan, bahawa ahli lembaga pengarahnya, keanggotaannya di bawah 10(1) ialah merupakan Lembaga Pemegang Amanah, bukannya Ketua Pegawai Eksekutif. Apa yang dikatakan wujudnya Ketua Setiausaha Kementerian dan juga Ketua Pengarah Pendidikan dan juga sembilan yang dikatakan dalam rang undang-undang ini ialah di mana mereka merupakan ahli lembaga pemegang amanah dan bukannya Ketua Pegawai Eksekutif.

Ketua Pegawai Eksekutif dalam 19(2) jelas mengatakan hendaklah orang yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam hal kewangan. Ini tidak perlu kita membuat kesilapan kerana jelas dikatakan di sini. Di samping Ketua Setiausaha Kementerian, ada Ketua Pengarah Pendidikan yang juga merupakan seorang guru, KPPM. Walaupun di situ ada seorang wakil Kementerian Kewangan tetapi ini perlu di mana dalam organisasi kerajaan untuk menjaga kewangannya berjalan dengan baik.

■1720

Di (e) juga pegawai perkhidmatan pendidik awam yang berkhidmat dengan kementerian dan juga merupakan guru-guru. Begitu juga (f) merupakan seorang guru, manakala yang (g) nya merupakan orang luar daripada guru. Ini mengatakan representasi guru dalam yayasan ini memang mencukupi kerana inilah yang dikatakan yang harus memberi keutamaan dan juga keselesaan kepada guru-guru.

Yang Berhormat Tebrau juga— banyak Yang Berhormat Tebrau tadi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tebrau kerana memberi banyak huraian tentang yayasan kerana dia memang orang lama. Nampak pun lama juga, lama sikit daripada saya mungkin.

Kita lihat beberapa pelaburan dahulu seperti simpanan tetap, saham di bursa dan hartanah akan dikekalkan di samping perkara-perkara baru yang akan ditetapkan oleh lembaga pengarah. Ada beberapa perkara yang ditimbulkan tadi oleh Yang Berhormat Ayer Hitam yang mengusik Yang Berhormat Tebrau tentang SRC (5). Perkara itu akan kita bawa kepada ahli lembaga pengarah. Saya tidak ada maklumat untuk saya beri pada hari ini juga.

Kepada yang lain, banyak saya dapat soalan yang tidak langsung berkenaan, yang keluar daripada rang undang-undang ini. Jadi saya mengambil keputusan pada hari ini hanya menjawab perkara yang berkaitan kerana banyak lagi nak jawab ini. Saya tidak mengulas perkara-perkara yang tidak kena mengena dengan rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Perkara-perkara tersebut boleh dibangkitkan dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan kementerian sebenarnya. Sila.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Tak habis lagi, panjang lagi.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini berkaitan dengan keanggotaan. Tadi Yang Berhormat sebut bahawa tidak timbul masalah tidak terlibat wakil guru ataupun tidak.

Akan tetapi apa yang penting yang disebut oleh rakan-rakan tadi walaupun saya tidak mengambil bahagian dalam perbahasan dan saya bersetuju dengan pandangan-pandangan bahawa yang perlu dibangkitkan di sini ialah wakil kesatuan secara rasminya, bukan atas sifat ketua pengarah itu dia merupakan seorang guru ataupun tidak. Bagi saya, semacam mana format di dalam KWSP. Ada dalam lembaga KWSP itulah wakil kesatuan sekerja iaitu wakil daripada MTUC umpamanya. Jadi, begitu juga dengan lembaga pengarah kepada Yayasan Guru ini. Nama pun Yayasan Guru, mesti ada seorang wakil yang mewakili guru iaitu secara rasminya daripada kesatuan.

Kesatuan yang menentukan siapa wakil daripada kesatuan, bukan pihak kerajaan yang menentukan wakil guru itu siapa, kesatuan yang mesti menghantar nama. Jadi ini yang saya fikir bahawa perlu diberikan pertimbangan. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat yang telah mengatakan perlunya wakil daripada kesatuan. Sebenarnya guru juga merupakan ahli kepada persatuan dan masih ada ruang sebenarnya untuk kementerian kerana ada tiga orang lagi yang boleh dilantik oleh Menteri untuk menjadi ahli lembaga pengarah ini. Jadi keanggotaannya masih lagi boleh dipertimbangkan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, minta maaf. Sepatutnya bagi saya bukan Menteri yang melantik tetapi perlu diletakkan secara khusus, bagi saya, bahawa wakil kesatuan guru. Jadi kesatuan yang menentukan orang itu tetapi di sini betul-betul atas ihsan menteri lah. Kalau Menteri nak lantik, lantiklah. Kalau Menteri tak nak lantik, tidak lantiklah. Akan tetapi kalau kita masukkan di dalam klausa keanggotaan ini bahawa wakil kesatuan, itu dia jadi rasmi seperti mana dalam KWSP. Saya fikir kerajaan juga sudah ada pengalaman dalam KWSP dan sebagainya. Sepatutnya itulah menjadi satu format yang sama dalam membentuk Yayasan Guru ini.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Seperti yang saya katakan tadi Yang Berhormat, memang ada ruang lagi dan kita akan melihat kewajaran apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu tadi.

Yang Berhormat Bagan Serai juga banyak bercakap tentang kebajikan guru dan inilah sebenarnya Yayasan ini, *insya-Allah* akan memastikan kebajikan guru akan terus terpelihara. Saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bagan Serai tadi bahawa ini merupakan satu hadiah besar kepada guru. Terima kasih Yang Berhormat. Ini sebenarnya satu hadiah saya katakan tadi oleh kerana ia akan memastikan guru terus terbela sebagai satu profesion yang mulia dan suci yang saya terus mengatakan daripada semasa ke semasa bahawa profesion guru akan terus dimartabatkan dan kerana itulah kita telah mengambil langkah-langkah

sejak daripada pelancaran PPPM, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk memastikan guru akan terus terbela.

Kalau kita lihat pula Yang Berhormat Jerantut ada mengatakan tentang keperluan sekolah asrama khas untuk anak-anak guru. Sebenarnya ini tertakluk kepada ahli lembaga pengarah yang akan ditentukan, yang akan dilantik nanti dan tertakluk juga kepada tatacara yang akan ditentukan oleh mereka.

Yang Berhormat Sepang ada mengatakan tadi bahawa fasal 6(2)(a) tidak hanya mengehendkan pelaburan kepada syarikat-syarikat yang ditubuhkan. Ini sebenarnya tidak benar kerana memang tidak ada had. Cuma ini mengatakan, fasal 6(2)(a) hanya mengatakan "*hendaklah termasuk*" bukan "*hanya*". Jadi ia tidak mengehendkan sebenarnya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sepang tadi.

Yang Berhormat Batu Pahat ada mengatakan tentang jumlah wang yang ada pada masa kini. Sebenarnya jumlah wang tunai yang ada pada KWSG masa kini ialah RM49,761,320 dan aset bersih KWSG ialah RM254,931,779 ataupun RM254 juta. Sebenarnya pencarum-pencarum yang dahulunya memang sentiasa diberi tempat di mana mereka telah sentiasa mendapat faedah caruman mereka pada setiap tahun.

Yang Berhormat Jelevu ada mengatakan tentang mungkin ada pertindihan fungsi dengan kementerian. Kita menganggap Yayasan ini sebagai *supplementary* dan *complimentary* apa yang sedang dilaksanakan oleh kementerian. Juga, kita pastikan apa juga R&D yang hendak dilaksanakan oleh Yayasan ini selaras dengan peningkatan profesional... Payah nak sebut ini, profesionalisme. Petang ini kot, sejuk dah ini, dua minit lagi kita 'perabis'lah hari ini.

Itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua dan saya dah katakan tadi walaupun banyak yang juga bercakap tentang kementerian, saya tidak berhajat untuk mengulas perkara-perkara ini kerana saya mahu kita fokus kepada rang undang-undang. Apa juga perkara-perkara yang diungkitkan tadi dan memang saya ambil maklum, saya tulis kesemuanya sebenarnya, bukan tak tulis, dan kita pastikan agar semua yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi dibangkitkan dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan untuk memastikan kita boleh menjawab segala-galanya.

Perlu saya katakan ini, perlu kita fokus kepada apa yang telah kita katakan tadi agar Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini akan terus dapat memainkan peranan mereka sebagai untuk membangunkan profesional. Itu dah boleh sebut dah, okey dah. Dekat pukul 5.30 ini boleh dah kot. Dan untuk kebaikan guru dan juga untuk pendidikan anak-anak guru. Oleh sebab itulah Kumpulan Wang Simpanan Guru ataupun KWSG yang sudah tidak relevan lagi kerana sejak tahun 2007, ahli-ahli mereka sudah tidak ada yang membuat tuntutan dan ada yang mengatakan tadi di mana mereka, *insya-Allah*, kita akan pastikan kita akan terus mencari mereka.

Memang soalan tadi sedap bertanya tetapi memang payah sebenarnya kerana memang kita tahu bahawa memang KWSG sentiasa mencari pencarum-pencarum. Mungkin Yang Berhormat boleh tolong kita mencari ahli-ahli yang masih ada, yang masih boleh dicari. *Insya-*

Allah kita akan mencari mereka dan pastikan mereka akan dapat dibayar caruman-caruman mereka kerana mereka merupakan guru-guru yang telah banyak berkhidmat kepada negara dan kepada anak bangsa kita.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itulah penggulangan saya tentang rang undang-undang tersebut. Terima kasih.

■1730

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)_mempengerusikan Jawatankuasa]

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri usul di bawah Peraturan Mesyuarat 16(3).

USUL

**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Banjir Di Sungai Bidut, Sibü, Sarawak

5.31 ptg.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk memberi ucapan penangguhan. Saya ingin membawa perhatian kepada Dewan yang mulia ini dengan isu banjir di seluruh kawasan Sungai Bidut, Sibü, Sarawak. Kawasan-kawasan yang terlibat dalam kes banjir ini ialah Sungai Bidut, Empawah, Bukit Lan, Ensurai Hulu dan Hilir, Lebaan Hulu dan Hilir, Engkilo, Sadit dan lain-lain. Banjir sudah berlaku selama bertahun-tahun, terutamanya pada musim hujan iaitu hujung tahun sehingga awal tahun.

Faktor-faktor yang mengakibatkan banjir berlaku yang pertama ialah jalan sebagai tembok. Walaupun pihak kerajaan pernah menjalankan projek untuk meningkatkan paras jalan di tepi sungai supaya ia boleh dijadikan sebagai tembok untuk menghalang air sungai mengalir masuk ke dalam pedalaman sebagai satu langkah untuk mengelakkan banjir berlaku. Akan tetapi projek tersebut sudah gagal. Walaupun air sungai tidak dapat masuk ke dalam pedalaman tetapi air di sebelah dalam tembok pun tidak dapat keluar, ia mengakibatkan banjir berlaku selepas hujan selama beberapa jam.

Faktor kedua ialah pintu air yang rosak atau tidak berfungsi. Dalam projek pencegahan banjir tersebut beberapa pintu air telah dibina untuk mengawal paras air dan melepaskan air dari sebelah dalam tembok ke dalam sungai. Akan tetapi kebanyakan pintu air tersebut sudah rosak atau tidak berfungsi. Ia tidak dapat mengawal paras air di dalam tembok, akhirnya mengakibatkan banjir.

Faktor ketiga ialah parit-parit di kawasan Sungai Bidut tidak dibersihkan mengikut jadual. Parit-parit di sesetengah kawasan Sungai Bidut sudah lama tidak dibersihkan. Parit-parit tersebut penuh dengan rumput dan rampai, sampah-sarap dan menyebabkan air parit tidak mengalir dengan lancar dan dilepaskan ke dalam sungai. Ia mengakibatkan banjir berlaku apabila hari hujan.

Banyak jalan raya di kawasan Sungai Bidut selalu dilanda banjir ketika air sungai pasang dan selepas hujan selama beberapa jam. Contohnya di Jalan Chew Kung, paras air banjir adalah setinggi dua hingga empat kaki dan ia akan kekal sana selama beberapa hari. Banjir tersebut telah menjejaskan laluan penduduk dan pekerja di jalan tersebut. Penduduk tidak dapat pergi ke bandar untuk kerja dan menghantar anak-anak mereka pergi ke sekolah. Selain daripada itu, terdapat beberapa buah kilang di Jalan Chew Kung ketika berlaku banjir kilang tidak dapat beroperasi dan menyebabkan kilang tersebut mengalami kerugian besar.

Sehubungan dengan itu, saya ingin merayu kepada kerajaan supaya dapat mengkaji semula tentang projek pencegahan banjir di kawasan Sungai Bidut dan memberi peruntukan

untuk menjalankan pemulihan dan meningkatkan Jalan Chew Kung di Sungai Bidut. Ini supaya masalah banjir ini dapat diselesaikan dengan cepat. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

5.35 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sibü, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar prihatin dan sedia maklum akan permasalahan mengenai isu banjir dan penyelenggaraan parit yang menyebabkan kesukaran kepada rakyat di Sungai Bidut. Saya sendiri amat prihatin kepada masalah Yang Berhormat.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, keluasan kawasan yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dianggarkan melebihi 50 kilometer persegi. Kawasan tersebut merupakan kawasan rendah di mana ia terletak di bawah paras banjir yang diliputi juga tanah gambut. Jalan yang dibina di tepi sungai oleh Jabatan Kerja raya ataupun JKR Sarawak dan Majlis Perbandaran Sibü (MPS) mendap secara semula jadi kerana mendapan tanah gambut di landasan jalan. Pemendapan jalan dipercepatkan lagi oleh penggunaan jentera berat yang kerap menggunakan jalan tersebut.

Oleh yang demikian pihak JKR Sarawak dan MPS perlulah menjalankan penyelenggaraan dengan kerap lagi. Selain itu, banjir di kawasan Sungai Bidut biasanya berlaku serentak dengan *king tide* ataupun air pasang yang tinggi di hujung tahun pada bulan Disember ataupun bulan Januari yang menyekat aliran air ke sungai. Walaupun jalan yang dibina boleh berfungsi sebagai ban, ia hanya dapat menghalang kemasukan air ke kawasan daratan. Akan tetapi tembok ban tersebut menghalang pelepasan keluar air banjir dari daratan. Oleh itu pembinaan pam saluran perlu dilaksanakan, yang mana melibatkan kos pembinaan yang tinggi. Mengenai isu pintu air yang rosak, ianya akan dibaiki dan diganti oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak ataupun JPS Sarawak.

Bagi skim tebatan blok A, satu tender oleh kerajaan negeri yang dilaksanakan oleh pengurusan air dan pembangunan tanah JPS Sarawak telah pun dipanggil untuk membina sebuah pintu air, dijangka akan bermula selepas 1 Jun 2014. Antara komponen projek ini ialah *ring* ban sepanjang tiga kilometer di blok A akan dinaikkan dan sebahagian 500 meter ban akan menggunakan *stone surface*. Sepanjang 18 kilometer sistem saluran akan dilaksanakan yang melibatkan kerja-kerja pengorekan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan parit-parit di kawasan Sungai Bidut adalah dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan iaitu MPS.

Sebelum ini, kerja-kerja ini dilakukan dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan secara *one-off*. Sekian terima kasih.

■1740

Tidak Memperolehi Kad Pengenalan

5.40 ptg.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih. Puan Selvi a/p Mahalingam telah dilahirkan di Hospital Taiping pada tahun 1971. Beliau sekarang berumur 43 tahun tetapi Puan Selvi masih belum memperoleh kad pengenalan. Ibu Puan Selvi, Puan Luruthumary juga dilahirkan di Malaysia. Akan tetapi oleh sebab kemiskinan dan kemunduran, ibunya tidak mempunyai sijil kelahiran ataupun kad pengenalan sehingga selepas kelahiran kesemua empat orang anak-anaknya. Oleh itu pada takat kelahiran Puan Selvi, ibunya ditafsirkan sebagai bukan warganegara dan inilah makluman yang tercatat di sijil kelahiran Puan Selvi.

Puan Luruthumary telah pun memperolehi bukan sahaja sijil kelahiran tetapi juga kad pengenalan biru yang bermaksud beliau diiktiraf sebagai warganegara Malaysia. Akan tetapi oleh sebab perolehan kad pengenalan merah dan selepas itu biru, bagi Puan Luruthumary semua berlaku selepas Puan Selvi berumur lebih daripada 21 tahun, Puan Selvi tidak dapat memakai status kewarganegaraan ibunya untuk mendapatkan kad pengenalan dirinya.

Saya baru membawa Puan Selvi untuk berbincang kesnya dengan pegawai-pegawai kanan di Jabatan Pendaftaran Negara di Ipoh. Mereka beritahu saya bahawa mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara, langsung tiada ruang untuk mereka membantu Puan Selvi untuk memperoleh kad pengenalan. Dalam erti kata lain, Puan Selvi dan tiga adiknya adalah bertafsir *stateless*. Mereka dilahirkan di Malaysia, dibesarkan di negara ini dan telah hidup sepanjang umur di sini tetapi mereka tidak diiktiraf sebagai warganegara ataupun pemastautin tetap.

Saya setuju dengan kerajaan bahawa bilangan penduduk Malaysia yang tersangkut dalam keadaan *statelessness* ataupun tidak kewarganegaraan di mana-mana negara bukan setinggi 200,000 seperti yang didakwa oleh segelintir NGO. Akan tetapi masalah ini memang wujud dan kelihatannya masih tiada satu prosedur yang tertentu untuk mengendalikannya.

Pegawai Tinggi Jabatan Pendaftaran Negara di Ipoh hanya dapat menasihatkan saya untuk merayu kepada Menteri. Boleh, saya akan cuba buat sebegitu. Akan tetapi mengapakah tidak mewujudkan prosedur yang lebih teratur dan mudah untuk melayani semua kes seperti Puan Selvi. Sudah tentu Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri mempunyai banyak tanggungjawab yang berat. Mengapa melibatkannya dalam kes-kes yang boleh diuruskan oleh pegawai Jabatan Pendaftaran sekiranya polisi sesuai digubal?

Adakah cadangan Kementerian Dalam Negeri mengendalikannya kes-kes seperti Puan Selvi yang dilahirkan di Malaysia dan walaupun berumur lebih daripada 30 tahun, masih tidak mempunyai kad pengenalan merah atau biru. Adakah ini antara KPI Jabatan Pendaftaran Negara untuk selesaikan kes-kes seperti Puan Selvi ini dalam jangka masa yang tertentu. Terima kasih.

Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Silakan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, saya tidak boleh bercakap lain daripada apa yang telah ditulis di sini. Begitu juga yang membentangkan usul tetapi ada terkeluar sedikit perkataan-perkataan yang tidak ada dalam *original text* saya. Jadi, saya akan jawab keluar sedikit daripada itu juga nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Siput atas ucapan penangguhan yang telah dibangkit tersebut. Mengenai status dokumen pengenalan ibu kepada Puan Selvi a/p Mahalingam iaitu Puan Luruthumary a/p Anthony Samy, kementerian telah membuat semakan dan mendapati bahawa Puan Luruthumary a/p Anthony Samy telah memegang kad pengenalan biru bertaraf warganegara Malaysia, MyKad bernombor 550514-08-5758.

Dalam hal ini, Puan Luruthumary a/p Anthony Samy dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia bertarikh 16 Mei 2012 di bawah Perkara 16, Perlembagaan Persekutuan dan seterusnya MyKad juga telah dikeluarkan kepadanya pada 17 Oktober 2012. Mengenai status dokumen pengenalan diri Puan Selvi a/p Mahalingam pula, rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menunjukkan bahawa Puan Selvi a/p Mahalingam masih belum didaftar kelahiran di JPN walaupun mendakwa telah dilahirkan pada tahun 1971 di Malaysia.

Oleh itu adalah dinasihatkan agar Puan Selvi a/p Mahalingam hadir ke mana-mana JPN yang terdekat dengan kediamannya dengan membawa dokumen yang dapat membuktikan kelahiran bagi maksud daftar lewat kelahiran. Daftar lewat kelahiran ini adalah dirujuk kepada mana-mana kelahiran yang didaftar di JPN selepas 42 hari dari satu tarikh kelahiran berlaku kerana pada masa ini Puan Selvi a/p Mahalingam mendakwa dirinya telah pun berusia 43 tahun.

Perlu juga diambil maklum bahawa pendaftaran kelahiran yang berlaku di Persekutuan telah diperuntukkan secara jelas di bawah Peruntukan Undang-undang berikut:

- (i) Akta Pendaftaran Kelahiran Kematian 1997 di Semenanjung Malaysia, [Akta 299];
- (ii) Ordinan Pendaftaran Kelahiran Kematian Bab I, II, III No. 11 Tahun 1948 bagi negeri-negeri Sabah; dan
- (iii) Ordinan Pendaftaran Kelahiran Kematian Bab 10 No. 6 Tahun 1951 bagi Negeri Sarawak.

Dalam hal ini jelas menunjukkan bahawa sijil kelahiran hanya berfungsi sebagai dokumen pengenalan diri yang membuktikan bahawa kelahiran telah berlaku di Persekutuan dan pendaftaran kelahiran tidak memberikan seseorang itu taraf kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Hal ini kena penganugerahan taraf kewarganegaraan Malaysia masih lagi tertakluk pada Peruntukan Undang-undang di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Status perkahwinan ibu bapa dan taraf kewarganegaraan ibu bapa semasa kanak-kanak dilahirkan. Oleh itu penentuan taraf kewarganegaraan Malaysia, Puan Selvi, juga adalah tertakluk kepada perkara yang sama.

Memandangkan bukti penganugerahan taraf kewarganegaraan adalah di bawah tanggungjawab setiap pemohon, maka Puan Selvi bolehlah mengemukakan apa-apa dokumen tambahan lagi yang difikirkan bersesuaian bagi membolehkan kementerian ini membuat pertimbangan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja. Sebenarnya Puan Selvi belum secara rasmi memohon surat kelahiran. Dengan itu saya menunggu buat kelahiran bagi pihak bersama Puan Selvi dan ditangani oleh Puan Selvi sendiri. Terima kasih, Yang Berhormat.

Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Yang Berhormat. Sidang Dewan Rakyat ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa, 10 Jun 2014.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.48 petang]